


**Jilid I
Bil. 102**



**Hari Khamis
29hb November, 1979**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KELIMA
*Fifth Parliament***

**PENGGAL PERTAMA
*First Session***

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10983]**

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 11012]**

Anggaran Pembangunan, 1980:

Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—

Maksud P. 39, P. 40, P. 43 dan P. 44 [Ruangan 11013]

Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 [Ruangan 11050]

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1980:
Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—**

Jadual:

Maksud B. 38 hingga B. 44 [Ruangan 11013]

Maksud B. 45, B. 46 dan B. 47 [Ruangan 11050]

Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50 [Ruangan 11080]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

” Menteri Pertanian, DATO' SHARIEF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.J., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut)
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai)
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S. J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang)
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka)
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (SARIKEI).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR. HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Bentong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

Yang Berhormat TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).

- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MAHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ Tuan TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Bruas).

- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 29hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

**PEGAWAI-PEGAWAI BSN DI SABAH/
SARAWAK**

1. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan pegawai-pegawai BSN di pejabat-pejabatnya di Sabah dan Sarawak dan nyatakan tindakan yang sedang diambil untuk menambah bilangan pegawai-pegawai BSN di Sabah dan Sarawak untuk mencegah rasuah yang menjadi-jadi di kedua-dua negeri tersebut.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pegawai-pegawai Biro Siasatan Negara di Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>	<i>Jumlah</i>
Jawatan-jawatan yang telah diisi	9	12	21
Kekosongan	19	16	35
	—	—	—
Jumlah jawatan	28	28	56
	—	—	—

Pada masa ini, enam daripada jawatan-jawatan di kedua-dua Negeri itu diisi oleh pegawai-pegawai dari Semenanjung Malaysia manakala yang lainnya diisi oleh pegawai-pegawai yang dipinjamkan dari Pasukan Polis Diraja Malaysia Komponen Sabah dan Sarawak.

Berkenaan dengan tindakan yang sedang diambil untuk menambah kekuatan pejabat-pejabat Biro Siasatan Negara di Sabah dan Sarawak, Jabatan Perkhidmatan Awam sedang menjalankan proses menawarkan opsyen kepada pegawai-pegawai pinjaman supaya mereka boleh diserapkan ke dalam Biro Siasatan Negara. Pada masa yang sama, tindakan sedang juga diambil untuk mengambil pegawai-pegawai baru untuk mengisi kekosongan-kekosongan di kedua-dua Negeri itu dan adalah diharapkan agar tindakan ini dapat diselesaikan menjelang akhir tahun ini.

Bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa tidak terdapat keterangan yang menyokong kenyataan bahawa rasuah berleluasa di kedua-dua Negeri itu, sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dalam menambahkan pegawai-pegawai dalam Biro Siasatan Negara ini kekurangan yang berlaku ini saya difahamkan bahawa ramai di antara kakitangan Biro Siasatan Negara ini telah berhenti dan masuk di bidang yang lain sebab mendapat tawaran-tawaran yang lebih baik. Untuk mengekalkan pegawai-pegawai yang...

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tumpukan kepada soalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengekalkan pegawai-pegawai B.S.N. ini lebih lama berkhidmat dalam Biro Siasatan

Negara, adakah Kerajaan bercadang hendak mengkaji semula tanggungaji pegawai-pegawai dalam Biro Siasatan Negara ini sebab saya dapat tahu mengatakan tanggungaji mereka ini belum dikaji semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu luar daripada soalan asal.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa tidak terdapat maklumat atau keterangan yang cukup yang menunjukkan bahawa rasuah berleluasa atau menjadi-jadi di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini berkisar kepada dua perkara. Pertama, bilangan pegawai-pegawai B.S.N. yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi; kedua, tindakan yang sedang diambil untuk menambah bilangan pegawai-pegawai, yang lain itu cuma tambah-tambahan sahaja. Jikalau begitu, kalau Yang Berhormat hendak bertanya soalan tambahan, tolong tumpukan kepada perkara yang kedua itu.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bersabit dari apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengatakan tidak terdapat keterangan, saya ingin membuat soalan tambahan di atas jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu sama ada beliau sedar bahawa keterangan-keterangan yang banyak telah diberi dalam sebuah buku bernama "Misdeeds of Tun Mustapha" oleh Ed Hunter. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar dan jika sedar adakah butir-butir yang diberi dan keterangan-keterangan yang diberi tentang rasuah di dalam buku dengan terangnya disiasat sekarang, dan jika disiasat apakah tindakan akan diambil atas tuduhan-tuduhan yang ada terkandung di dalam buku itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini tidak ada kaitan dengan risalah yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Tetapi jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu menjawab, silakan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada maklumat mengenai dengan perbuatan rasuah maka saya sukalah menasihatkan sesiapa juga yang ada maklumat itu supaya melaporkan dengan secara rasmi sama ada kepada B.S.N. atau polis. Kita tidaklah boleh pakai sangat apa yang terkandung di dalam satu-satu buku itu ataupun satu-satu siaran.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat keputusan bahawa tidak boleh digunakan apa yang diberi dalam satu-satu buku, pernahkah Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak BSN membaca dan meneliti buku "Misdeeds of Tun Mustapha" oleh kerana terdapat tandatangan, photostat copy beberapa pucuk surat dan jika ada, saya ingin tahu adakah siasatan telah dijalankan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini tidak kena-mengena dengan soalan asal.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah langkah-langkah yang diambil setakat ini telahpun berkesan dan juga adakah pegawai-pegawai yang terlibat ditangkap dan dibicara dalam kes rasuah yang dikatakan menjadi-jadi itu?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta diulangkan soalan itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah yang diambil itu benar-benar berkesan ataupun berkesan untuk membawa pihak yang berkenaan ke mahkamah. Kalau berkesan, adakah pegawai-pegawai yang terlibat itu ditangkap?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau itu soalnya tadi, saya tidak izinkan, sebab soalan itu ialah mengenai tindakan yang sudah diambil. Pertanyaannya berkaitan tindakan yang sedang diambil, kalau sedang diambil, belum lagi dapat dilaksanakan dan masih lagi dijalankan. Yang mana soalan ini, sudah diambil atau sedang diambil?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pihak yang berkenaan telahpun menerangkan sudah diambil sebagaimana disebut tadi, jadi sebab itu saya tahu apakah tindakan yang diambil itu telah berkesan dan adakah pegawai yang telah ditangkap dengan tindakan yang diambil itu. Itu maksud soalan saya.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mengenai dengan pengambilan pegawai-pegawai tambahan untuk BSN di Sabah dan Sarawak, bukan mengenai dengan penyiasatan.

PERUNTUKAN KERAJIAN KEPADA TENTERA

2. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau bercadang memberikan peruntukan keraian kepada pasukan tentera yang berkhidmat di Sempadan Malaysia-Thai bagi menjalankan Operasi Jiwa Murni dengan lebih berkesan lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan Ahli Yang Berhormat bahawa Operasi Jiwa Murni (Civic Action) adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat. Ini merupakan berbagai-bagai projek kecil yang dikelolakan oleh agensi-agensi Kerajaan termasuk anggota-anggota tentera mengikut keperluan yang wujud di kawasan-kawasan berkenaan. Projek ini merangkumi semua perkhidmatan kepada rakyat sama ada berupa bantuan termasuk mengadakan keraian jika dianggap perlu. Ini bermakna tidak ada peruntukan khas untuk keraian sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tindakan Sivik Tentera juga termasuk di dalam Rancangan Geraksaraf di tiap-tiap negeri di seluruh negara. Buat masa ini peruntukan untuk Angkatan Tentera adalah seperti berikut:

(a) Peruntukan untuk pasukan-pasukan Angkatan Tentera yang berkhidmat di Sempadan Malaysia/Thai mengikut keperluan yang diberi oleh Jawatankuasa Keselamatan negeri yang berkenaan.

(b) Untuk kawasan-kawasan lain ianya hendaklah dipohon oleh pasukan-pasukan atau yunit-yunit Angkatan Tentera melalui Jawatankuasa Keselamatan Daerah atau Jawatankuasa Keselamatan Negeri.

Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa dalam menjalankan aktiviti Tindakan Sivik ini, rakyat dan pemimpin-pemimpin masyarakat adalah digalakkan untuk mengambil bahagian atau memberi sumbangan berupa tenaga atau cadangan supaya mereka juga merasakan apa yang dilaksanakan adalah hasil sumbangan tenaga dan fikiran mereka. Dengan lain-lain perkataan asas projek ini ialah untuk menggalak semangat gotong-royong, bersatupada di kalangan rakyat.

PENAGIH DADAH—RAWATAN

3. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kesihatan menyatakan pernahkah pihak Kementerian membuat penyiasatan mengenai kejayaan Bomoh-bomoh kampung dan Sinseh-sinseh China mengubati penagih dadah, dan apakah jenis bantuan dan kemudahan-kemudahan yang pernah diberi kepada mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Menteri Kesihatan tiada?

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, projek Penyelidikan Penyalahgunaan Dadah Kebangsaan yang dikendalikan oleh pihak Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah membuat penyelidikan dan mengumpulkan cara-cara yang dipakai oleh pengamal-pengamal perubatan tradisi bagi rawatan penagih dadah. Penyelidikan tersebut juga menilai kemuja-rapan (atau berkesannya) program rawatan yang digunakan itu. Satu laporan permulaan menerangkan cara-cara rawatan tersebut akan dikemukakan kepada Kerajaan sebelum akhir tahun ini.

Pada masa sekarang terdapat lebih kurang 400 kes penagih dadah yang telah menjalani rawatan cara tradisi dikaji dan dinilai; dan hasil kajian ini akan dikemukakan kepada Kerajaan pada awal tahun 1980.

Rawatan dan penilaiannya adalah merupakan satu tatacara yang kompleks dan oleh yang demikian adalah mustahak bahawa semua aspek dikaji dengan sepenuhnya sebelum kesimpulan yang muktamad dibuat. Sehingga kajian penuh tersebut selesai, Kementerian Kesihatan tidak akan mengambil sebarang pendirian terhadap cara rawatan tersebut dan oleh itu belumlah dapat memberi sebarang bantuan dan kemudahan kepada pihak-pihak yang mengamalkan cara rawatan itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyoal, saya rasa dukacita kerana orang yang bertanggungjawab dalam Kementerian Kesihatan tidak ada untuk menjawab soalan ini. Saya ingin bertanya oleh kerana kajian-kajian kita dengar sudah lama dibuat mengubati penagih dadah secara tradisi ini, sampai sekarang ini sekadar manakah kemajuan-kemajuan atau perkembangan penyelidikan itu telah dijalankan?

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan tadi kajian ini tentulah mengambil masa dan tidaklah mengambil keputusan yang terburu-buru. Oleh sebab itu sebelum satu keputusan yang muktamad dibuat, hendaklah perkara ini dikaji dengan mendalam sehingga sampai masanya sebagaimana dikatakan tadi iaitu laporan ini akan dikeluarkan pada awal tahun 1980 yang akan datang.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, adakah jawapan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan ini dengan pengetahuannya ataupun jawapan itu diagak-agakkan oleh kerana dia bukan orang yang bertanggungjawab dalam bab soalan yang dikemukakan oleh Ahli dari Pengkalan Chepa?

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan diagak-agakkan sebab jawapan ini telahpun disediakan oleh Kementerian Kesihatan yang mana seperti yang telah dikatakan tadi perkara ini telah dikaji dan dinilai dan hasil kajian ini akan dikemukakan kepada Kerajaan pada awal tahun 1980. Jadi sehingga kajian itu dikemukakan kepada Kerajaan

dan sebelum Kerajaan boleh mengambil satu ketetapan, tentulah perkara ini tidak dapat hendak memenuhi sebagaimana pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan P. Patto: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan yang saya ingat "terkena" menjawab soalan bagi Kementerian Kesihatan, saya ingin bertanya kepada beliau, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan itu ada apa-apa maklumat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya ialah Jawatankuasa yang membuat kajian itu siapakah ahli-ahli Jawatankuasa yang membuat kajian itu siapakah ahli-ahli jawatankuasa itu oleh kerana kita mahu tahu siapakah pakar-pakar di dalam jawatankuasa ini yang akan menentukan sama ada bantuan boleh diberi dan apakah cara-cara asas criteria yang digunakan untuk menentukan bantuan boleh atau tidak boleh diberi dan apakah keputusan-keputusan Kerajaan boleh membuat atas recommendation Jawatankuasa ini.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini merupakan detail, saya minta notis (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, inilah kerjanya Pembangkang kalau ada kelemahan

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan kepada pertanyaan!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Terutama wakil dari Menglembu

Tuan P. Patto: (*Disampuk*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Menglembu, tolong hormati Dewan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Dia kurang ajar

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong diam!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Oleh kerana inilah kerjanya Pembangkang yang selalu mencari kelemahan, apabila tiba kelemahan, bertalu-talu ditanya. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah pihak yang bertanya itu benar-benar hendak tahu ataupun hendak main-main sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini, saya tidak benarkan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan telah menyatakan bahawa kajian-kajian telah dibuat dan kajian-kajian itu telah lama didengar. Sudah tentulah kajian-kajian ini ada peringkat-peringkatnya. Walaupun belum siap tetapi sudah sampai pertengahan atau sudah sampai tiga perempat daripada kajian yang telah dibuat. Jadi jawapan beliau tadi ialah belum siap lagi. Saya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya bertanya sekadar manakah perkembangan dari peringkat-peringkatnya dan sama ada jawapannya tadi jawapan yang betul-betul mendapat maklumat daripada Kementerian Kesihatan atau jawapan yang beliau agak-agak sahaja kerana saya tidak nampak bahawa pihak pegawai Kementerian Kesihatan memberikan suatu jawapan kepada beliau.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dikatakan tadi kajian itu telahpun siap dikaji oleh Jawatankuasa dan akan dikemukakan kepada Kerajaan. Ini sebagai collective Government, pihak Kerajaan adalah satu. Jadi tidaklah benar seperti kata Yang Berhormat tadi, agak-agak. Saya rasa Yang Berhormat ini sahaja yang agak-agak. Saya harap pada masa yang akan datang Yang Berhormat di sebelah sana supaya bercermatlah sedikit. Jadi sebagai tanggungjawab kami dari pihak Kerajaan menerangkan dan saya sudah katakan tadi akan dikemukakan kepada Kerajaan pada awal tahun 1980 bukan lah secara agak-agak ataupun secara hendak melepaskan batuk di tangga sahaja.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamad Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa pihak UMNO telah menubuh satu Biro untuk mengkaji berkenaan dengan bomoh-bomoh yang boleh menolong dalam masalah mengubati penyakit dadah ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada mereka yang hari ini menonjolkan berbagai-bagai soalan juga ada membuat satu kajian dan mengemuka juga kajian kepada Kementerian Kesihatan kerana hari ini kita nampak bukan sahaja mereka itu menonjolkan tetapi cuba mencari salah Kerajaan. Jadi, apakah sumbangan daripada pihak mereka dalam masalah ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kajian mengenai bomoh-bomoh dan sinseh-sinseh di dalam mengubati penyakit dadah adalah merupakan satu perkara yang baru, saya ingin tahu sepanjang pengetahuan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan adakah pemimpin-pemimpin parti Pembangkang pernah memberi kerjasama di dalam membuat kajian ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal.

POSTER PENERANGAN

4. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar akan kekurangan Poster Penerangan Kebangsaan didedahkan kepada orang ramai di papan-papan kenyataan seperti di pekan Kangar di mana hanya terdapat suatu papan kenyataan yang ditampalkan dengan gambar YAB Datuk Hussein Onn melawat Peking berukuran 3" x 6". Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk menambahkan seranta kepada rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pertanyaan ini menyentuh 2 perkara:

- (i) Apa yang dikatakan kekurangan Poster Penerangan untuk disiarkan kepada orang ramai;
- (ii) Apa yang dikatakan kekurangan Papan kenyataan atau sebenarnya Kotak Pamiran Gambar seperti yang ada di pekan Kangar.

Berhubung dengan Poster Penerangan sebenarnya tidak ada kekurangan berlaku. Sebanyak 10,000 keping poster dicetak oleh Jabatan Penerangan atas satu-satu tajuk/perkara yang dikeluarkan. Antara tajuk/perkara yang telah dikeluarkan ialah lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keluar negeri, peristiwa-peristiwa penting dalam negeri seperti Sambutan Hari Kebangsaan, Musabaqah Membaca Al Quran, Sambutan Hari Pahlawan, Perayaan Menyambut Hari Belia dan lain-lain lagi. Poster-poster seperti ini dikeluarkan juga untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan perusahaan-perusahaan utama negara seperti getah, bijih timah, kelapa sawit, kopi dan kegiatan-kegiatan pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti dalam aspek perumahan, pelajaran dan perindustrian.

Berhubung dengan kotak pamiran gambar pula, di pekan Kangar, pada masa ini memang ada satu sahaja papan kenyataan seperti itu. Jabatan Penerangan ada rancangan untuk menambahkan kotak bergambar seperti itu.

Berhubung dengan usaha menambahkan publisiti kepada rakyat adalah dilaksanakan dengan berbagai-bagai cara seperti penerbitan Biro-biro Penerangan, pelaksanaan Kursus Sivik dan Ceramah-ceramah, peningkatan aktiviti-aktiviti penerbitan; mengadakan pamiran dan pementasan; penyiaran berbagai-bagai rancangan melalui Radio dan TV yang kesemuanya bertujuan untuk menyampaikan maklumat-maklumat berhubung dengan dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan Kerajaan kepada rakyat.

Untuk makluman lanjut Yang Berhormat, beberapa buah Biro Penerangan telah ditubuhkan di bandar-bandar dan tempat-tempat tumpuan ramai untuk rakyat mendapatkan maklumat dari Kerajaan dan juga sebagai saluran untuk rakyat menyampaikan pandangan dan kemusykilan mereka.

Antara cara-cara digunakan oleh Biro ini khususnya untuk menyebarkan maklumat Kerajaan kepada rakyat ialah dengan mengadakan siri-siri ceramah mengenai perkara-perkara yang perlu dan sesuai diketahui oleh rakyat. Satu lagi cara ialah dengan mengadakan pertunjukan wayang gambar yang termasuk filem-filem mengenai rancangan pembangunan Kerajaan.

Di samping itu satu cawangan khas akan ditubuhkan untuk menjalankan penerangan-penerangan bersemuka dengan rakyat di bandar-bandar, kampung-kampung baru dan ladang-ladang. Tujuannya ialah untuk mengatasi masalah kurang komunikasi yang berlaku di kawasan-kawasan tersebut terutama mengenai dasar-dasar Kerajaan, khususnya sebab-sebab dan prinsip-prinsip asas di sebalik penggubalan dasar-dasar tersebut.

Kursus-kursus sibik dan ceramah-ceramah mengenai hal ehwal semasa dan isu-isu penting akan diperbanyakkan lagi di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk ini Pegawai-pegawai dan Pembantu-pembantu Luar Jabatan Penerangan akan ditambahkan lagi. Untuk menambahkan lagi kekesan dan kecakapan pegawai-pegawai itu, mereka akan dilengkapi dengan alat-alat pandang dengar seperti cassette, tape-recorder, slide projector dan lain-lain. Dengan bantuan alat-alat ini, penerangan yang disampaikan oleh mereka diharap akan menjadi lebih jelas dan lebih mudah difahami.

Aktiviti penerbitan juga akan ditingkatkan lagi. Majalah-majalah, poster-poster, buku-buku kecil (booklet) mengenai perkara-perkara yang perlu diketahui rakyat akan diterbitkan dan diedarkan serta pengedarannya diteliti supaya memberi kesan yang memuaskan.

Kegiatan-kegiatan lain seperti mengadakan pamiran dan pementasan akan terus diadakan dari masa ke semasa. Untuk ini kegiatan-kegiatan Pasukan PENTARAMA akan terus diperluas dengan menambahkan lagi pasukan ini dan meluaskan kawasan yang dilawatinya.

Seterusnya seperti Yang Berhormat sedia maklum, melalui siaran-siaran Radio dan TV Malaysia publisiti ke atas dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan juga disiarkan dari masa ke semasa dalam berbagai bentuk rancangan untuk pengetahuan dan perhatian rakyat.

Semua rancangan-rancangan ini akan dijalankan dari masa ke semasa berdasarkan kepada keupayaan kewangan tenaga dan kelengkapan yang ada.

ASEAN BERDIALOG DENGAN E.E.C.

5. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil-hasil yang dicapai selepas Dialog-dialog di antara negara-negara ASEAN dengan pertubuhan E.E.C.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, dialog di antara ASEAN dan E.E.C. merupakan satu dialog yang banyak mendatangkan faedah kepada negara ASEAN, terutama sekali setelah berlangsungnya mesyuarat peringkat Menteri-menteri Luar di antara ASEAN dan E.E.C. pada tahun lalu di Brussels.

Setakat ini beberapa hasil telah tercapai di dalam kerjasama kedua negara, umpamanya galakan perdagangan, galakan pelaburan, projek pembangunan, pemindahan teknologi dan sebagainya.

Berikutan dengan mesyuarat peringkat Menteri, bidang-bidang kerjasama di antara ASEAN dan E.E.C. telah diperluaskan lagi, meliputi kerjasama di bidang sains dan teknologi, kebudayaan dan pelajaran.

Sekarang ini persediaan sedang dibuat untuk rundingan perjanjian kerjasama yang akan menjadi asas hubungan ASEAN-E.E.C. di masa hadapan.

Akhirnya, berikutan dengan rundingan peringkat Menteri-menteri ASEAN-E.E.C. itu, pihak E.E.C. telah mengiktiraf ASEAN sebagai suatu pertubuhan yang memainkan peranan yang besar untuk keselamatan, kestabilan serta kemakmuran di rantau ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, di dalam perundingan-

perundingan dan dialog-dialog yang telah diadakan di antara negara-negara ASEAN dengan pertubuhan E.E.C. ini sama ada telah dapat menghasilkan dasar-dasar yang lebih liberal dan kelonggaran di dalam setakat perdagangan dan juga dasar preferential treatment yang diamalkan oleh E.E.C. terhadap barang-barang yang dikeluarkan oleh negara-negara ASEAN supaya pasaran bagi barang-barang yang diekspot oleh negara-negara tersebut akan dapat diperluaskan lagi.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya perkatakan tadi bahawa kita telah mencapai beberapa kemajuan terutama sekali menggalakkan perdagangan iaitu ASEAN sendiri meminta E.E.C. meneliti semula non-tariff barriers terhadap kemasukan barang-barang dagangan ASEAN. Kemudian salah sebuah negara E.E.C. telah pula bersetuju pada dasarnya untuk membiayai penubuhan Pusat Galakan Dagangan ASEAN dan ini akan memberi faedah yang besar dari segi perhubungan kita dengan E.E.C.

Selain daripada itu ASEAN juga akan terus berunding dengan E.E.C. dengan mengadakan satu sistem STABEX (Stabilisation of Export Earning) dan juga sistem G.S.P. (General System of Preferences) yang diberi oleh E.E.C. yang dikatakan telah banyak dapat menolong meningkatkan tambahan dagangan ASEAN dan E.E.C.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri bahawa di antara persetujuan yang dicapai ialah mengenai bidang-bidang kebudayaan. Saya ingin tahu corak persetujuan dalam bidang kebudayaan yang telah dicapai dan apakah program-program pertukaran kebudayaan ini yang akan dilaksanakan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kebudayaan, setakat ini kertas kajian dalam kebudayaan telah diadakan untuk kerjasama di negara ini dan kertas ini bolehlah dikatakan disiapkan oleh E.E.C. jadi setakat itu sahaja.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi dikatakan juga oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa kertas mengenai kebudayaan ini disediakan oleh pihak E.E.C., sudahkah pihak Kementerian Luar Negeri atau Kerajaan telah meneliti kertas yang disediakan oleh pihak E.E.C. itu kerana kalau sekiranya kita membiarkan sahaja pihak E.E.C. menyiapkan dan merangka bentuk dan corak pertukaran ataupun kerjasama kebudayaan ini sudah tentu kemungkinan ia menerapkan nilai-nilai kebudayaan mereka sendiri untuk dipaksakan kepada kita.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam mana-mana kajian biasanya kita bentangkan kertas itu kemudian kertas itu pula dikaji oleh beberapa pihak, bukan satu pihak sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 6.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

TREK KERETAPI BERKEMBAR

6. **Tuan P. Patto** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bersetuju masanya telah sampai untuk trek keretapi kita yang sehaluan itu digantikan dengan trek keretapi berkembar memandangkan keperluan penumpang-penumpang dan trafik kargo telah meningkat serta juga kerana kekurangan minyak akan bertambah buruk pada tahun-tahun akan datang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bersetuju sebagai polisi jangka panjang untuk mengadakan sistem landasan berkembar di mana-mana yang dapat, sebagai daya utama bagi meningkatkan kemampuan landasan untuk memenuhi keperluan sekarang dan masa hadapan. Di bawah ulangkaji Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, wang telah diperuntukkan bagi Keretapi Tanah Melayu mengadakan kajian awal (*preliminary study*) bagi landasan

berkembar di antara Seremban dan Rawang. Pembinaan landasan tambahan bagi kawasan ini akan diselenggarakan apabila kajian awalan ini selesai.

Tuan P. Patto: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kajian awal ini sudah dimulakan dan apakah kawasan-kawasan yang sudah dikaji setakat ini?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, kajian awal mengenai kawasan yang disebutkan itu yakni di antara Seremban dan Rawang sedang dijalankan dan kajian lanjutnya bagi penyempurnaan rancangan ini akan saya kemukakan dalam anggaran perbelanjaan tahun 1980, saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan dapat menyokong.

PEMOHON KAD PENGENALAN TANPA SURAT BERANAK

7. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa masih ramai bilangan orang-orang yang tiada mempunyai surat beranak dengan sebab-sebab tertentu, memohon untuk mendapat kad pengenalannya, terpaksa menunggu masa bertahun-tahun, mungkin disebabkan oleh pemohon tidak dapat memuaskan hati pihak yang berkenaan dalam memberi keterangan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang dikehendaki dan untuk mempercepatkan proses ini sama ada satu panduan untuk mengatasi masalah ini akan dikeluarkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bachok ini, bahawa pemohon-pemohon yang tidak mempunyai surat beranak atau lampau umur iaitu 16 tahun atas sahaja yang dipaksa menunggu masa bagi mendapatkan kad pengenalan mereka kerana Kerajaan terpaksa melakukan siasatan yang teliti dan lengkap terhadap pemohon-pemohon tersebut bagi mengelakkan pengeluaran dokumen penting ini kepada pihak-pihak yang tidak patut atau tidak berhak menerimanya.

Pihak Kerajaan sentiasalah menasihatkan ibubapa supaya membuat permohonan daftar lewat surat beranak bagi anak-anak mereka yang masih belum mempunyai surat beranak dengan segera semoga ianya dapat digunakan pada masa hendak membuat kad pengenalan berumur 12 tahun dan ini tidaklah menimbulkan sebarang kesulitan lagi pada masa itu. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa panduan yang Ahli Yang Berhormat maksudkan itu telahpun sedia ada di semua peringkat pejabat Jabatan Pendaftaran Negara.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soal tambahan. Saya ingin bertanya, segala dokumen-dokumen yang dikehendaki bagi memuaskan hati pihak-pihak yang berkenaan itu adakah menjadi syarat bahawa salah satu daripada dokumen-dokumen atau surat-surat sokongan itu mestilah datangnya daripada Wakil Rakyat atau memadai dengan tidak payah Wakil Rakyat.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya faham tidaklah menjadi satu syarat dokumen itu dikehendaki surat daripada Wakil Rakyat.

DISEL DAN PETROL—KEGUNAAN

8. Tuan Au How Cheong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangkan supaya dijalankan kempen untuk menjimatkan kegunaan disel dan petrol, memandangkan harga benda-benda ini selalu meningkat naik.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja Konservasi Tenaga. Jawatankuasa ini sedang mengkaji syor-syor bagi menyedarkan rakyat betapa pentingnya tenaga kepada negara ini supaya mereka akan beringat-ingat dan tidak membazirkan kegunaan segala jenis tenaga termasuk disel dan petrol dan juga cara-cara bagi menggalakkan penggunaan tenaga secara optima. Di antara syor-syor yang sedang dikaji ialah kemungkinan diadakan kempen menjimatkan penggunaan bahan-bahan minyak.

HUGH MABETT—WARTAWAN TAK DIKEHENDAKI

9. Tuan Lee Kaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa pihak Imigeresen Malaysia telah mengarah Encik Hugh Mabett, seorang wartawan yang bekerja di Negeri Sabah, meninggalkan negeri tersebut pada 31hb Julai, 1979.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kluang, Kerajaan Sabah berpendapat bahawa orang ini tidak dikehendaki berada di negeri Sabah.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata orang ini tidak dikehendaki di negeri Sabah. Apakah sebab-sebab yang telah menyebabkan pihak Kementerian memutuskan bahawa ia tidak dikehendaki dan adakah ini kerana Encik Hugh Mabett pernah mengkritik parti yang memerintah sekarang di negeri Sabah.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan tadi bahawa Kerajaan Negeri Sabah berpendapat orang ini tidak dikehendaki di negeri Sabah ialah kerana Kerajaan Negeri Sabah memang mempunyai kuasa menurut seksyen 65 (1), Akta Imigeresen, iaitu Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa penuh bagi menolak ataupun membenarkan sesiapa masuk atau duduk dalam negeri Sabah dan Sarawak itu.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah orang yang diarahkan keluar ini telahpun meninggalkan Sabah ataupun masih lagi berada di mana-mana negeri di Malaysia ini?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, ia telahpun meninggalkan Sabah.

Tuan Lee Kaw: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar walaupun negeri Sabah ada kuasa dalam Akta Imigeresen tetapi jikalau Akta ini disalahgunakan, ini akan merosakkan imej negeri kita. Soalan tambahan saya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri overrule decision ini?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak berbangkit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang di bawah nama Yang Berhormat dari Kota Melaka.

LAND ROVER POLIS SEMASA PEMERIKSAAN

10. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa anggota-anggota polis suka menyembunyikan land rover mereka pada masa malam di tepi-tepi jalan di Jalan Alam/Permatang Tinggi, Jalan Bukit Minyak, Jalan Kampung Sireh dan Jalan Permatang Pauh di kawasan Bukit Mertajam dengan menyinaran lampu picit untuk memeriksa pemandu-pemandu kenderaan tetapi malangnya, perompak-perompak didapati mencontohi cara pemeriksaan polis ini untuk merompak orang ramai di beberapa tempat di kawasan ini; jika ya, adakah beliau akan mengarahkan pihak polis jangan menyembunyikan diri seperti ini tetapi menempatkan "road block" di tengah-tengah jalan untuk tujuan pemeriksaan supaya orang ramai tak akan terperangkap dalam tangan perompak.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada laporan yang telah diterima mengenai kes-kes di mana anggota-anggota polis menyembunyikan land rover mereka dan menyinaran lampu picit untuk memeriksa lalulintas di tempat-tempat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Sekiranya benar ini telah berlaku sehingga ada pula perompak-perompak yang menirukannya, adalah diharap Ahli Yang Berhormat memberi laporan yang lengkap kepada pihak polis supaya dapatlah satu siasatan dijalankan.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar perkara serupa ini, umpamanya pegawai-pegawai polis

atau kenderaan rondaan polis bukan sahaja menyembunyikan kereta mereka di kawasan-kawasan tersebut, juga di kebanyakan negeri. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, maka adakah Yang Berhormat akan memberikan satu arahan kepada semua negeri supaya bila polis menjalankan tugas mereka, perlulah di tempat-tempat yang senang didapati dan dilihat oleh orang ramai, bukan hanya menyembunyikan diri di tempat yang tidak boleh dilihat oleh orang ramai untuk menjalankan tugasnya.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pihak polis mengadakan sekatan-sekatan jalanraya ini dan memang ada peraturan-peraturan yang tertentu, seumpama sekatan ini diadakan di tempat-tempat yang dikehendaki dan dianggotai oleh anggota-anggota yang cukup dan juga dengan tanda-tanda yang perlu diadakan bagi sesuatu sekatan. Sekarang ini memanglah dalam melaksanakan sekatan jalanraya ini memang peraturan-peraturan yang tertentu diikuti.

Tuan Chan Teck Chan: Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri masih tidak sedar apa masalah yang sudah berlaku di seluruh negara kita. Adakah menyembunyikan diri untuk menjalankan tugasnya, artinya menyembunyikan diri di tempat-tempat yang gelap untuk menangkap sasarannya. Adakah ini merupakan satu peraturan yang tertentu bagi pihak polis untuk menjalankan tugas mereka? Apakah sebab mereka tidak boleh berdiri di tempat yang nyata, yang senang boleh dilihat oleh orang ramai supaya polis ada di sini untuk menjalankan tugasnya, bukan menyembunyikan diri di bawah pokok atau di tepi bangunan untuk menunggu sasaran yang melanggar peraturan trafik. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar maka adakah arahan akan diberikan supaya tidak membenarkan sebarang polis menyembunyikan diri di tepi bangunan atau di bawah pokok untuk menangkap sasarannya.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan tadi bahawa sekatan-sekatan polis ini diadakan dengan peraturan-peraturan yang tertentu tetapi ada kalanya pihak polis terpaksa mengadakan cara-cara yang tertentu, iaitu menyembunyikan diri bagi menjalankan tugas untuk menangkap penjenayah-penjenayah.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah ini bermakna bahawa menyembunyikan diri untuk menjalankan tugasnya adalah merupakan satu peraturan yang tertentu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab, bahawa ada masamasanya kadang-kadang terpaksa dibuat satu cara atau strategi untuk hendak mengatasi masalah, ini terpulang kepada pihak yang berkaitan. Jadi soal Yang Berhormat apa dia? Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah terangkan tadi.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan saya ialah untuk mengelakkan sesuatu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa berlaku di tempat-tempat di mana polis selalu menyembunyikan diri mereka, saya tidak perlu terus terang apa yang sudah berlaku, untuk mengelakkan berlakunya salahguna kuasa, penyelewengan, saya tidak kata semua, bagi segelintir anggota polis bila menjalankan tugas mereka hanya bersembunyi di tempat-tempat yang gelap untuk menunggu sasarannya dan menjalankan sesuatu perkara yang saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri akan sedar apa yang saya ceritakan. Maka apakah tindakan yang akan diambil untuk mengelakkan perkara-perkara ini berlaku supaya mereka tidak menyembunyikan diri di tempat-tempat gelap untuk menjalankan tugas mereka, kalau mata-mata gelap—memang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soal ini terlampau umum. Jadi Yang Berhormat sendiri tak berani hendak mengatakan apa sebenarnya masalah ini, berbalik-balik; berbalik-balik. Tolong tumpukan apa masalah ini, adakah rasuah, adakah kecurian, adakah peras-ugut supaya senang dijawab.

Tuan Chan Teck Chan: Lebih baik kita terus-terang di Dewan ini (*Ketawa*) kerana banyak aduan sudah diterima bagi segelintir anggota polis yang menyembunyikan diri di tempat-tempat gelap yang ada berlaku rasuah. Bila sasarannya ditangkap kerana melanggar peraturan trafik maka di sana menjalankan perniagaan mereka, di sanalah berlaku rasuah. Saya tidak menuduh semuanya, ada segelintir, inilah aduan yang selalu diterima. Maka untuk mengelakkan perkara ini berlaku, apakah sistem akan diadakan oleh Kementerian Yang Berhormat untuk menge-

lakkan semua perkara ini berlaku. Kalau mereka melakukan salah, satu kompaun terus diberi, tidak boleh tolak ansur dan juga mereka tidak boleh bersembunyi di tempat yang gelap, kecuali mata-mata gelap.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau sekiranya Yang Berhormat mengetahui ada perkara-perkara penyelewengan yang dilakukan oleh pihak polis ronda ataupun sekatan jalanraya ini hendaklah dilaporkan kepada pihak-pihak yang tertentu. Saya telah terangkan tadi bahawa dalam menjalankan tugas rondaan atau sekatan polis ada cara-cara yang tertentu. Jika sekiranya keadaan memerlukan bahawa terpaksa juga mereka ini bersembunyi seumpamanya mengadakan speed-trap atau sebagainya maka terpaksa mereka itu bersembunyi. Kalau sekiranya mereka ini bersembunyi merancang melakukan penyelewengan dan jika sekiranya Yang Berhormat mengetahui hendaklah melaporkan atau minta orang yang mengetahui laporkan kepada pihak yang berkenaan.

PEPERIKSAAN HSC/STP— KEPUTUSAN PELAJAR-PELAJAR

11. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar mengikut kaum yang mengambil peperiksaan HSC/STP bagi tahun 1978 bagi aliran Sains dan Sastera, nyatakan juga jumlah mereka yang berjaya dan gagal dalam peperiksaan tersebut apakah sebab-sebab utama kegagalan pelajar-pelajar Melayu dalam peperiksaan HSC/STP aliran sains.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, perincian termasuk dan keputusan Peperiksaan HSC 1978 bagi sekolah-sekolah bantuan penuh aliran Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, jurusan Sains dan Sastera dan mengikut kaum adalah seperti pada Lampiran A akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat.

Peratus kelulusan yang begitu rendah yang dicapai oleh calon-calon Melayu jurusan Sains adalah akibat kelemahan calon-calon itu sendiri memandangkan calon-calon berkemampuan menghasilkan keputusan yang baik telah diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus peringkat Universiti dan Pra-Universiti di Institusi-institusi tertentu di dalam dan di luar negeri.

LAMPIRAN 'A'

	JURUSAN SAINS						JURUSAN SASTERA									
	Mengambil		Sijil Penuh		Kenyataan		Gagal		Mengambil		Sijil Penuh		Kenyataan		Gagal	
	M	BM	M	BM	M	BM	M	BM	M	BM	M	BM	M	BM	M	BM
HSC Aliran Inggeris ..	990	2,535	56	2,019	800	512	134	4	580	1,938	114	1,190	458	739	8	9
			5.7%	79.6%	80.8%	20.2%	13.5%	0.2%			19.6%	61.4%	79%	38.1%	1.4%	0.5%
HSC Aliran B. Malaysia	888	72	28	12	801	56	59	4	3,764	28	981	10	2,770	17	13	1
			3.2%	16.7%	90.2%	77.8%	6.6%	5.5%			26.1%	35.7%	73.6%	60.7%	0.3%	3.6%
HSC Keseluruhan ..	1,878	2,607	84	2,031	1,601	568	193	8	4,344	1,966	1,095	1,200	3,228	756	21	10
			4.5%	77.9%	85.2%	21.8%	10.3%	0.3%			25.2%	61%	74.3%	38.5%	0.5%	0.5%

M = Calon-calon Melayu.

BM = Calon-calon Bukan Melayu.

KONSEP ZOPFAN

12. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah pemimpin-pemimpin Soviet Union (Russia) dapat menerima atau sekurang-kurangnya memahami konsep aman, bebas dan berkecuali yang diperjuangkan oleh ASEAN.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, konsep dijadikan Tenggara Asia satu kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) itu telah kita utarakan ke seluruh masyarakat antarabangsa di ibu-kota-ibukota negara-negara asing ataupun melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sidang Negara-negara Berkecuali dan forum-forum antarabangsa yang lain. Penjelasan yang kita berikan itu diutamakan kepada kuasa-kuasa besar seumpama Soviet Union, Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China sebab peranan mereka mewujudkan konsep ZOPFAN adalah penting sekali. Bagi pihak Soviet Union, baru-baru ini semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara tersebut, bukan sahaja kita mengulangi penjelasan konsep ZOPFAN kepada Presiden Brezhnev dan Perdana Menteri Kosygin malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan betapa perlunya diwujudkan konsep tersebut memandangkan suasana tegang yang dialami di Tenggara Asia akibat pergolakan di Indo-China. Daripada reaksi yang diperhatikan, nampaknya jelas bahawa pemimpin-pemimpin Soviet Union bukan sahaja memahami konsep ZOPFAN itu malah mereka menganggap ikhtiar dan hasrat kita mengutarakan konsep itu sebagai satu langkah yang positif.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sama ada pemimpin-pemimpin Soviet Union menerima atau commit dengan konsep aman, bebas dan berkecuali kerana saya masih ingat lagi dalam jawapan Perdana Menteri dalam Dewan ini bahawa pemimpin-pemimpin Soviet Union itu mempunyai konsep mereka sendiri mengenai perkecualian di Asia Tenggara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi apa soalan tambahannya?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalannya seperti yang digambarkan tadi

ialah apakah langkah yang diambil untuk menyakinkan pihak Soviet Union ini supaya menerima konsep itu kerana mereka mempunyai konsep yang tersendiri bukan hanya sekadar memahaminya begitu sahaja dan yang keduanya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Banyak soalan tambahan? Satu sahaja cukuplah.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Ya, satu tadi. Ini yang kedua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu kemudian.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Ya, pendek sahaja yang kedua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh—kemudian.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan begitu panjang pada 11-10-1979, saya rasa eloklah kita berhenti setakat itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan yang keduanya ialah oleh kerana Soviet Union mempunyai konsep ini yang berlainan dengan konsep yang diutarakan oleh ASEAN, apakah kesan-kesan dari segi politik kepada perkembangan di Asia Tenggara khususnya dalam krisis di Indo-China atau Kampuchea hasil daripada perbezaan konsep ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, telah saya jelaskan tadi bahawa penjelasan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah begitu ketara. Jadi saya rasa tidaklah perlu dilanjutkan lagi dalam masalah ini.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Sebenarnya Setiausaha Parlimen berkenaan tidak memahami maksud saya. Sebenarnya yang tidak diterangkan oleh Perdana Menteri dahulu iaitu kesan dan hasil terhadap politik kepada negara-negara ASEAN ini hasil dari wujudnya perbezaan konsep aman dan berkecuali di antara ASEAN dengan Soviet Union.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melingkungi dan merangkumi segala yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu. Jadi tidak payahlah kita menerangkan dengan lebih lanjut lagi, kata orang tidak payah kita melakukan sesuatu redundance.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, saya tutup soalan ini. Kita berhentikan soalan ini. Nampaknya soal ini tidak berkesudahan.

BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH RENDAH

13. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau bercadang menjadikan beberapa mata pelajaran di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil diajar dalam Bahasa Malaysia, di samping menambahkan waktu mata pelajaran Bahasa Malaysia ini sendiri, demi untuk meninggikan mutu pelajaran dan penggunaan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, selain daripada Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris semua matapelajaran di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan China dan Tamil adalah diajar di dalam bahasa China dan Bahasa Tamil, dan saya tidak bercadang untuk membuat perubahan daripada keadaan sekarang.

Mengikut jadual yang telah ditetapkan, Bahasa Malaysia diajar selama 180 minit seminggu di Darjah I-III dan 200 minit di Darjah IV-VI Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil. Selain daripada Bahasa Malaysia murid-murid juga belajar Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda (bahasa China dan bahasa Tamil). Kementerian saya berasa bebanan yang dipikul oleh murid-murid mempelajari tiga bahasa adalah berat dan usaha untuk menambahkan lagi masa untuk mempelajari Bahasa Malaysia akan memberatkan bebanan itu. Dikaji dari prinsip pendidikan, keadaan seperti itu tidak akan membawa kepada kejayaan. Sebagaimana yang telah saya jelaskan dahulu tanpa kerjasama dan galakan daripada semua pihak segala usaha-usaha untuk meninggikan taraf Bahasa Malaysia tidak akan mencapai kejayaan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana sebagaimana jawapannya tadi bahawa didapati tidak ada galakan daripada murid-murid mempelajari secara bersungguh-sungguh dan juga ada golongan yang tidak begitu bersungguh-sungguh menggalakkan anak-anaknya mempelajari Bahasa Malaysia ini, apakah cara yang betul-betul berkesan supaya untuk meninggikan Bahasa Malaysia di sekolah tersebut yang menjadikan murid itu terpaksa memahami dan mempelajari bahasa tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, bagi pihak Kementerian Pelajaran iaitu dari segi pengajaran dan pembelajaran, saya telahpun jelaskan beberapa kali dalam Dewan ini iaitu kita akan menambahkan guru-guru terlatih yang ada mempunyai kelayakan yang sesuai dalam Bahasa Malaysia untuk mengajar di sekolah-sekolah. Begitu juga kita memberikan kursus dalam masa cuti kepada guru-guru Bahasa Malaysia iaitu PPAK yang mana mereka akan dapat melengkapkan dalam pengajaran Bahasa Malaysia. Di tiap-tiap negeri kita ada pegawai-pegawai bahasa dan juga lawatan-lawatan Nazir-nazir ke sekolah-sekolah dan juga kita dapat memberikan masa pilihan kepada Guru Besar untuk menggunakan masa pilihan ini untuk menambahkan masa pengajaran Bahasa Malaysia. Ini bagi pihak Kementerian.

Bagi pihak ibu-bapa dan juga masyarakat umum kita berharaplah melaluj Persatuan PIBG dapat menjalankan kempen-kempen dan juga barangkali selalu menganjurkan bengkel-bengkel, seminar-seminar dan sebagainya untuk menggalakkan dapat memberikan inspirasi kepada ibu-bapa dan melaluj ibu-bapanya kepada murid-murid sekalian. Jadi murid-murid sekalian mesti ada sifat positif untuk belajar bersungguh-sungguh jadi sebab itulah saya katakan ini daripada semua pihak yang berkenaan segala usaha-usaha kita bolehlah meninggikan taraf pengajaran Bahasa Malaysia dalam Sekolah Jenis Kebangsaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 14.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini atas nama Yang Berhormat dari Kota Melaka.

LAPANGAN TERBANG BARU SANDAKAN

14. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab kelewatan membina sebuah lapangan terbang baru di Sandakan yang telah dijadualkan untuk dibina di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan bilakah pembinaan lapangan terbang baru ini akan dimulakan, anggaran belanja projek ini dan tarikh ianya dijangka akan siap.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya peruntukan \$5 juta telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua untuk pengambilan balik tanah seperti yang dikehendaki dalam Pelan Induk bagi pembangunan lapangan terbang Sandakan, tetapi Kerajaan kemudiannya memutuskan bahawa sebuah lapangan terbang yang lebih baik adalah diperlukan bagi Sandakan dan dengan demikian satu syarikat Juru Perunding telah dilantik untuk menjalankan reka bentuk yang lengkap dan menyelidik pembinaan itu. Kerja-kerja baru ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan terminal, landasan operasi, bangunan kargo, menara kawalan, tempat letak kapal terbang, balai bomba, taliair dan saluran najis. Reka bentuk yang lengkap sedang dijalankan bagi bangunan-bangunan dan reka bentuk untuk landasan terbang telahpun diselesaikan. Tawaran untuk kerja-kerja awam akan dikeluarkan tidak lama lagi. Pembinaan bagi projek ini akan dijangka siap pada akhir tahun 1982. Kos bagi projek ini dianggarkan lebih kurang \$50 juta.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 15 adalah diberi di bawah ini).

SEKOLAH-SEKOLAH DI SABAH— PEMBINAAN

15. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk

O. K. K. Haji Asneh minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa sekolah-sekolah di Sabah sungguh berkurangan, jika sedar, kenapakah pembinaannya tidak dipercepatkan.

Dato' Chan Siang Sun: Saya sedar bahawa di negeri Sabah sekarang ini memang kekurangan tempat belajar di peringkat sekolah menengah. Beberapa buah sekolah telahpun dirancang tetapi pembinaannya adalah terlewat kerana sebab-sebab yang tidak dapat dikawal oleh Kementerian saya. Walau bagaimanapun dengan kerjasama agensi-agensi lain Kementerian saya telah menggunakan Pakar-pakar Perunding untuk mempercepatkan proses pembinaan sekolah-sekolah tersebut.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980 Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Keduabelas).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa
(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-
perkerusikan Jawatankuasa)*

*Maksud B. 38, B. 39, B. 40, B. 41, B. 42,
B. 43 dan B. 44 (Jadual).*

*Maksud P. 39, P. 40, P. 43 dan P. 44
(Anggaran Pembangunan, 1980.)*

Tuan Pengerusi: Sekarang kita jemput Yang Berhormat dari Kangar.

3.34 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mengandungi B. 38, B. 39 dan sampai kepada B. 44. Tetapi walau macam manapun saya, akan mengambil bahagian dalam B. 39.

Tuan Pengerusi, B. 39 ialah berkenaan Polis Di Raja Malaysia, sebagaimana kita sama-sama maklum Polis adalah orang-orang yang bertanggungjawab yang diamanahkan untuk menjaga keselamatan dalam negara kita pada hari ini. Mereka telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dan kadang-kadang ahli-ahli pasukan keselamatan sendiri yang kerap kali menjadi mangsa dan biasa berlaku sampai kepada Ketua Polis Negara telah terbunuh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini Butiran berapa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya bercakap dalam pentadbiran.

Tuan Pengerusi: Pentadbiran.

Tuan Shaari bin Jusoh: Pentadbiran. Jadi dengan sebab itu saya berpendapat, Tuan Pengerusi, untuk menambahkan keamanan lagi walaupun negara kita kalau dibandingkan dengan setengah-setengah negara boleh dikatakan aman, walau macam manapun, kita tidak menafikan jenayah masih berlaku, rompak dan sebagainya. Saya biasa terdengar sendiri Yang Berhormat Menteri biasa mengatakan memandangkan kepada

bilangan penduduk kalau hendak dibandingkan dengan masa yang lepas dengan sekarang Polis kita boleh dikatakan tiada mencukupi, maka dengan sebab itu Tuan Pengerusi, saya berpendapat patutlah Polis-polis itu ditambah dengan angka yang lebih banyak lagi daripada angka yang ada sekarang.

Saya juga, Tuan Pengerusi, mencadangkan di sini supaya gaji-gaji Polis ini patut ditimbangan semula; Yang lebih tepat saya kata patut dinaikkan daripada masa yang ada sekarang bagi setengah peringkat. Bagaimana saya katakan tadi, Tuan Pengerusi, saya amatlah dukacita kalau ada orang berkata Polis telah melakukan rasuah dan sebagainya, tetapi kita tidak tahu yang tanggungjawab Polis ini amatlah teruk kena menanggung berbagai-bagai bebanan, kadang-kadang ada masanya terpaksa menerima ancaman tetapi memandangkan kepada gaji mereka tidaklah bersesuaian. Pangkat mereka itu diberi terlampau lebih, kadang-kadang yang tidak berpangkat Datuk pun kalau pergi ke Balai Polis empat kali dipanggil Datuk.

Tuan Pengerusi, saya bercakap lagi dari segi Polis ini, Polis ini membuat siasatan jenayah dan sebagainya. Pada pendapat saya orang-orang yang dalam Malaysia kita ini kebanyakan saya berani kata 90% lebih suka kepada keamanan. Dengan sebab itu kalau ada satu-satu kes yang berlaku yang tentu mereka ingin sangat beritahu kepada pihak Polis dan pihak Pegawai Keselamatan, kadang-kadang yang mendukacitakan Tuan Pengerusi, keadaan mereka sendiri terancam. Walaupun ada dikatakan oleh pihak Polis kalau ada satu-satu kes itu dapat diketahui akan diberi hadiah dan sebagainya, tetapi yang mendukacitakan kadang-kadang hadiah itu tidak sempat dapat orang yang beritahu telah menjadi mangsa dahulu walaupun dijanji akan dirahsiakan. Saya katakan tadi jenayah dan sebagainya kita tahu kadang-kadang apa yang berlaku tidak dapat dinampak oleh pihak Polis sendiri, tetapi dapat dinampak oleh pihak yang lain, tetapi pihak yang lain sendiri takut hendak beritahu walaupun berjanji akan dirahsiakan kadang-kadang dapat tahu juga. Perkara ini saya harap jagalah betul-betul pendek kata bak kata pepatah Melayu: biarlah pecah di perut, jangan pecah di mulut. Jadi kalau kata

rahsia itu betul-betul simpan. Perkara yang berkenaan saya yakin banyak rahsia yang sulit dapat diketahui lagi dengan kerjasama daripada orang ramai. Kalau kadar kita janji imbuhan sagu hati dan sebagainya perkara ini tidak dijamin banyak orang yang takut beritahu.

Bercakap saya, Tuan Pengerusi, tentang rahsia keselamatan ini adalah lebih kurang perkara yang sama, saya berharap begitulah juga tiap-tiap satu perkara itu banyak yang didapati oleh umum kalaulah satu-satu perkara diberitahu oleh Polis macam saya kata tadi cara rahsia banyak yang dapat diketahui.

Tuan Pengerusi, sebelum saya pergi kepada Kepala lain dari segi pentadbiran ini juga sebelum saya terlupa masuk kepada latihan sukalah saya mengesyorkan di Negeri Perlis, negeri saya lama telah dijanji oleh pihak yang berkenaan akan mengadakan Ketua Polis Negeri Perlis, kalau tidak silap dua, tiga tahun yang lepas akan ditimbangan. Saya harap kalau telah timbang itu lama sangatpun harus dia berat sebelah atau tidak timbang, walaupun negerinya kecil. Saya pandang dari segi yang lain kalau dua, tiga tahun bahkan sepuluh tahun yang lepas selalu dicantum dengan Kedah. Saya tidak katalah Kedah tidak baik. Hari ini masih ada lagi seperti L.P.N. Kedah/Perlis tetapi kebanyakan perkara-perkara lain sudah dijadikan untuk Perlis sahaja. Kalau dahulu Pengarah Pelajaran Kedah/Perlis, sekarang hanya Pengarah Pelajaran Negeri Perlis. Bagi negeri yang kecil buat secara kecil seperti yang saya katakan. Saya beri contoh, tiap-tiap sekolah mesti ada guru besar; A cara A, B cara B, C cara C.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak usahlah beri contoh banyak-banyak. Bagi pentadbiran, kalau hendak minta pegawai baru, mintalah dan teruskan kepada perkara-perkara yang lain.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi supaya senang Menteri tidak payah jawab panjang, maksud saya itu diterimanya. Saya berharap Ketua Polis Negeri Perlis patutlah diadakan seperti negeri lain. Biar kecil tetapi pangkatnya Ketua Polis Negeri supaya kuasa Ketua Polis Negeri itu ada pada negeri Perlis. Itu saya harap sangat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Aktiviti (6)—Latihan. Saya tidak mahu mengatakan Polis sekarang ini tidak pandai dalam training, bahkan di zaman sains dan teknologi ini adalah lebih baik. Tetapi saya biasa baca dalam suratkhbar baru-baru ini kecuaiian telah berlaku di mana senjataapi telah dapat ke pihak tangan orang lain.

Saya berpendapat sistem Polis ini selain daripada sistem berkhidmat, adalah satu sistem yang disiplinnya cukup kuat. Saya berharap cara-cara disiplin yang tulin patutlah dikekalkan. Kalaulah difikirkan ada setengahnya kurang disiplin, patutlah diambil tindakan yang lebih baik lagi dan saya harap kalau boleh cara disiplin ini bukanlah kita tidak dengar fesyen rambut panjang dan sebagainya tetapi saya berpendapat patutlah pegawai-pegawai Polis ini lebih berdisiplin lagi di segenap segi. Itulah harapan saya, Tuan Pengerusi.

Satu perkara lagi mengenai Maksud B. 39 ini juga, saya dapati ada di antara pegawai-pegawai Polis yang dinaikkan pangkatnya menjadi protokol, juruiring kepada Menteri dan sebagainya. Saya dapat tahu ada setengah Menteri kita hari ini bekerja dengan bertungkus-lumus, tidak kira siang dan malam. Untuk keselamatan Menteri-menteri yang berkenaan, Polis-polis ini tidak kira masa kerana hendak jaga ketua, ada setengah mengatakan hendak jaga "taukeh". Kalau taukeh kerja sampai tengah malam, maka Polis juruiringnya pun bekerja sampai ke tengah malam dan sebagainya. Tetapi yang mendukacitakan setakat yang saya dapat tahu elau atau gaji mereka tidak mendapat tambahan atau selaras dengan apa yang mereka kerjakan. Saya berharap pengorbanan mereka yang baik ini haraplah pihak Kerajaan khususnya pihak Kementerian yang berkenaan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Hati mereka pun ada mempunyai sifat manusia kerana saya tahu mereka ada sifat manusia walaupun tidak diberi gaji tambahan atau elau tambahan selain dari gaji mereka terus berkhidmat, apatah lagi kalau lebih lama mereka berkhidmat diberi elau tambahan tentulah semangat mereka akan bertambah lagi. Saya harap perkara ini dapat pertimbangan yang sewajarnya daripada Kementerian yang berkenaan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, mengenai Maksud P. 39, Butiran 1, Balai-balai Polis dan Rumah-rumah Kediaman.

Saya ucapkan terima kasih kerana saya dapati kalau hendak dibandingkan dengan masa yang lampau, boleh dikatakan kebanyakan Balai-balai Polis ini amatlah baik. Tetapi walau bagaimanapun masih kedapatan rumah-rumah pegawai-pegawai Polis ini ada setengahnya duduk di rumah-rumah yang cukup teruk sekali keadaannya. Dengan sebab itu saya berpendapat seboleh-bolehnya Kementerian yang berkenaan berikhtiar supaya tiap-tiap pegawai Polis jangan ada lagi tinggal di rumah-rumah yang tidak begitu senonoh, tidak cantik dan tidak begitu teratur. Biarlah Polis ini betul-betul teratur. Kalaulah kita beri keistimewaan yang teratur, rumahnya teratur, gajinya teratur, barulah semua itu datang kebaikan. Seperti kata pepatah Arab: "Akal yang sempurna datang dari badan yang sempurna". Jadi keselamatan pun datang memberi pegawai yang cukup lengkap dan sebagainya. Jangan selalu kita tuduh Polis dan sebagainya tetapi keistimewaan mereka patutlah kita memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, seperti saya kata tadi untuk memberi sedikit peluang kepada-kawan-kawan lain, dengan ini saya sokong peruntukan yang diminta dan saya berharap sekali lagi supaya peruntukan kepada Polis dan Pegawai Polis patutlah ditambah dengan secukupnya, setimpal dengan kedudukan penduduk yang ada pada hari ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru,

3.46 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dengan ringkasnya Maksud Bekalan 39 iaitu di muka surat 344, Butiran 1300—Tambahan Kos Kaki-tangan, Aktiviti (4)—Risik Keselamatan.

Semalam Ahli Yang Berhormat dari Petaling telahpun memberi hujahnya dengan pihak Kerajaan ataupun pemerintah negara kita ini sebagai satu "Police State" dan juga beliau telah menceritakan sedikit sebanyak mengenai laporan dari Amnesty International. Saya haraplah dapat keizinan Tuan

Pengerusi untuk memberi sedikit sebanyak hujah-hujah saya pula, iaitu sebab-musabab Kerajaan harus memperkemas lagi jentera-jentera untuk mengawal keselamatan negara kita ini yang memegang terancam bukan sahaja dari dalam tetapi juga dari luar.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling semalam telahpun menceritakan dengan panjang lebar tentang konsep kebebasan sebagaimana yang menjadi pendapat beliau. Pada hemat saya, konsep kebebasan bagi sebuah pemerintahan haruslah diperlihatkan dalam konteks keadaan yang terdapat dalam sebuah negara. Ringkasnya kebebasan seseorang individu itu haruslah diperimbangkan dengan kebebasan sesebuah negeri ataupun sesuatu masyarakat. Kalaulah kita benar sangat kebebasan untuk seseorang individu dan ini jika menjejaskan kepentingan satu masyarakat, maka haruslah kepentingan masyarakat itu diberi keutamaan.

Kita tidaklah boleh menggunakan kayu ukuran yang kita dapat di Barat dan digunakan 100% di negara kita ini. Kita tidaklah boleh menggunakan konsep kebebasan yang terdapat di sesebuah negara yang "homogeneous" dan masyarakat yang "homogeneous" dan dipraktikkan di sebuah masyarakat ataupun negara yang "heterogeneous". Begitu juga saya rasa kita tidaklah boleh meniru konsep kebebasan yang terdapat di sebuah negara yang mana kebanyakan penduduknya hanya terdiri dari satu agama ataupun satu kaum dan dipraktikannya pula di sebuah negara yang berbilang kaum ataupun berbilang agama. Begitu juga kita tidak boleh menggunakan reaksi kebebasan yang terdapat di sebuah negara yang tidak banyak emosi, di sebuah negara yang begitu banyak emosi seperti di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat, setakat itulah sahaja dahulu, teruskan kepada Butiran yang berkenaan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya rasa laporan Amnesty International yang telahpun digunakan oleh Ahli Yang Berhormat itu untuk menuduh Kerajaan kita sebagai merupakan satu pemerintah "Police State" itu tidak adil, oleh sebab jelas sekali laporan ini telahpun dibuat oleh orang-orang yang tidak faham tentang kedudukan yang terdapat dalam negara kita ini.

Saya syak pula mungkinkah laporan Amnesty International itu ataupun orang-orang yang menulis artikel dalam majalah itu mendapat sumbangan ataupun berita dari parti Pembangkang sendiri. Saya memang syak, oleh sebab apa yang telah dikeluarkan dalam laporan itu sama sangat dengan apa yang selalu dihujah-hujahkan oleh Ahli-ahli Pembangkang dari parti Pembangkang. Itu sebabnya, Tuan Pengerusi, saya rasa lebih-lebih lagi memandangkan kepada keadaan serantau yang begitu merbahaya sekali dan juga oleh sebab tiap-tiap saat sambil Kerajaan sedang memupuk perpaduan, ada pula parti-parti Pembangkang yang tiap-tiap saat itu juga sedang meruntuhkan apa yang kita membina atau memutuskan apa yang kita hubung

Tuan Pengerusi: Baiklah, teruskan sekarang ini kepada butiran yang berkenaan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya fikir, Tuan Pengerusi, kita haruslah memperketatkan konsep kebebasan yang terdapat dalam negara kita ini dan pasukan Risikan Keselamatan dan sebagainya ataupun anggota-anggota Polis yang sedang menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk menjaga dan mengawal keselamatan dalam negara ini diperkuatkan lagi dengan diberi latihan yang lebih berkesan. Itu dengan ringkasnya, Tuan Pengerusi.

Saya beralih pula kepada soal kedua, soal perhubungan iaitu di muka surat 345. Saya rasa inilah peruntukan yang boleh digunakan sedikit sebanyak untuk memperbaiki imej Polis dalam negara kita ini atau memperbaiki hubungan polis dengan masyarakat amnya.

Tuan Pengerusi: Butiran berapa?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Butiran 2300, muka surat 345. Dahulunya semasa sebelum kemerdekaan memanglah hubungan di antara polis dan masyarakat amnya tidak begitu elok tetapi saya teringat kalau tidak salah saya di antara tahun 1955 hingga ke 1957 ataupun selepas kemerdekaan saya tidak ingat tahunnya, terdapat pihak jabatan polis telahpun menjalankan satu gerakan yang di nama "Gerakan Polis Sedia Berkhidmat" yang mana begitu berjaya sekali bukan sahaja dengan maksud untuk meninggikan imej polis, bukan sahaja untuk menyedarkan pihak polis, anggota-anggota polis tentang tanggungjawab mereka

tetapi untuk menyedarkan rakyat juga bahawasanya anggota-anggota polis merupakan sahabat-sahabat mereka yang sedia bila masa sahaja untuk memberi khidmat pertolongan. Saya ingat juga pada gerakan itu kita telah terdapat poster-poster di merata-rata tempat ada pula lagu "Polis Sedia Berkhidmat" yang dinyanyikan di merata-rata tempat oleh kanak-kanak atau orang dewasa sehingga pada tahun-tahun berikutnya memang terjalin satu hubungan yang paling erat dan polis mesra antara pihak polis dan masyarakat amnya

Saya rasa imej Pasukan Polis adalah sangat penting oleh sebab imej polislah sedikit sebanyak menggambarkan kedewasaan sesebuah pemerintahan. Oleh sebab itu saya rasa sudah sampai masanya pihak Jabatan Polis mengadakan sekali lagi satu gerakan iaitu seperti gerakan dahulu juga iaitu "Gerakan Polis Sedia Berkhidmat" untuk menyedarkan anggota polis tentang tanggungjawab-tanggungjawab mereka, untuk menyedarkan rakyat bahawasanya polis adalah kawan-kawan mereka yang sedia sentiasa untuk menolong mereka dan dengan itu saya rasa imej Kerajaan, imej pemerintah pada keseluruhannya akan merupakan lebih menterian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dengan pandangan-pandangan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong permohonan Kementerian Hal Ewal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

3.54 ptg.

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Maksud B. 38 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian inilah yang tanggungjawabnya mengikut maksud yang ada dalam program ini. Di sini saya ingin menyentuh Maksud P. 39 iaitu Polis Di Raja Malaysia diperuntukkan sebanyak \$925,774,845 iaitu muka surat 337. Memang dasar Kerajaan kita untuk menambah pegawai-pegawai polis di tiap-tiap peringkat negeri

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta maaf. Perkara yang hendak dirundingkan ialah mulai muka surat 339 sampai muka surat 350. Muka surat 337 itu cuma gambaran angka sahaja. Saya hendak tahu butirannya. Butiran mana Yang Berhormat hendak sentuh?

Datuk Edwin Anak Tangkun: Memang dasar Kerajaan kita untuk menambah pegawai-pegawai polis di tiap-tiap peringkat negeri di Sabah dan Sarawak untuk menjaga keselamatan negara iaitu bila Kerajaan mengambil pekerja-pekerja Polis, bila Kerajaan memerlukan contohnya 500 orang polis tiap-tiap tahun maka permohonan itu berlipat ganda dan ini sudah memastikan bahawa banyak lagi rakyat yang berumur 21 tahun ke atas di negeri Sarawak ingin mempertahankan negara Malaysia. Oleh yang demikian, saya fikir Kerajaan perlulah menambahkan RELA kerana dalam ini ada juga termasuk Relawan.

Tuan Pengerusi: Dalam Butir mana Yang Berhormat.

Datuk Edwin Anak Tangkun: RELA itu termasuk dalam Butiran 1300—Relawan.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Dan pada masa sekarang ada juga di Sarawak Polis Hutan. Seterusnya pihak RELA ini dan Polis Hutan juga perlu dilatih dengan cekap dan kedua-duanya perlu juga dilatih dengan senjata moden kerana saya difahamkan bahawa pada masa ini pihak RELA dan juga Polis Hutan ini hanya dibekalkan dengan shotgun sahaja. Sepatutnya RELA ini perlu diberi senjata automatik dan perlu juga kedua-dua yunit ini digalakkan supaya mereka dapat membantu polis kita bila negara kita diancam oleh komunis atau musuh-musuh dari luar negeri.

Selain daripada itu berkaitan dengan kenaikan pangkat polis termasuk juga Field Force kita, anggota Polis dan juga kakitangan yang lain di pejabat polis, saya berpendapat masih banyak anggota Field Force dan Polis yang berbilang kaum di negara ini khususnya di Sarawak yang berkhidmat selama 10 tahun ataupun lebih masih lagi Private.

Perkara ini adalah amat penting kerana menaikkan pangkat mereka ini mengikut keberanian, kepandaian, qualification, pengalaman dan juga disiplin mereka selama mereka bertugas adalah mustahak. Oleh sebab Kerajaan kita telah menggalakkan perkhidmatan ini di masa akan datang maka kenaikan pangkat ini perlu dikaji semula supaya mereka yang bertugas selama lebih 10 tahun itu dapat dinaikkan pangkat dengan berpatutan untuk memuaskan hati mereka

dan juga saya berharap bila dinaikkan pangkat kepada tiap-tiap yang berbilang kaum di negara ini tidak boleh dengan secara politik bahkan dengan cara kepandaian, pengalaman dan disiplin mereka semasa mereka bertugas.

Saya yakin bahawa kenaikan pangkat untuk semua golongan polis, semua anggota polis dapat ditibangkan dengan susunan yang baik.

Selain daripada itu saya pergi kepada B. 42, muka surat 362, Butiran 1300 Aktiviti (2), (3) dan (4)—Pendaftaran kad Pengenalan, Pendaftaran Kelahiran, Kematian, Anak Angkat, Perkahwinan dan Pendaftaran Kewarganegaraan.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin bertanya kepada Kementerian yang bertanggungjawab kerana saya dapati di kawasan saya banyak kad-kad pengenalan ini hampir 4 atau 5 tahun tidak dapat disiapkan dan juga saya berpendapat bahawa banyak Ahli Parlimen dari Sarawak telah bercakap dalam Dewan yang mulia ini berkaitan dengan kelambatan pengeluaran kad pengenalan khasnya di negeri Sarawak. Dengan yang demikian saya di sini sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya dapat mengkaji semula dan juga ditambahkan kakitangan-kakitangan di Pejabat Pendaftaran Negara atau khasnya di Jabatan Pendaftaran Peringkat Negeri supaya kelambatan pengeluaran kad pengenalan di peringkat negeri ini dapat diatasi dengan licin.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa dalam masa pendaftaran, nama selalunya ejaan didapati salah. Misalnya nama betul mereka Nanyi anak Ukon akan tetapi nama mereka itu bila di dalam kad pengenalan ada berlainan iaitu Nunyi anak Ukom. Ini sudah berlainan daripada nama yang dimasukkan dalam register pengundi. Dan bila mereka ini perlu Malaysian Passport mereka terpaksa mengambil Surat Sumpah dari Pegawai 1st Class Magistrate di kawasan mereka. Dan ini sudah mengambil masa yang lama. Namun demikian, di sini saya merayu kepada Kementerian ini supaya pegawai-pegawai di Jabatan Pendaftaran ini dapat diberi kursus dan saya fikir juga Kerajaan perlu mengambil banyak lagi kaum bumiputra untuk berkhidmat di Jabatan Pendaftaran peringkat negeri supaya perkara seperti ini tidak lagi berlaku di jabatan tersebut.

Selain dari itu berkenaan dengan permohonan surat beranak, kerana saya difahamkan bahawa di negeri Sarawak selalu berlaku kelambatan ibubapa melaporkan kepada Jabatan Pendaftaran oleh sebab kesulitan jalanraya khasnya di kawasan-kawasan luar bandar maka inilah sebab yang selalu menjadi masalah. Dan oleh yang demikian, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dia akan dapat memberi pertimbangan untuk membolehkan Jabatan Pendaftaran berkenaan memberi kuasa dan borang-borang permohonan kepada Guru-guru Besar di kawasan luar bandar supaya dapat mempercepatkan pengeluaran Surat Beranak kepada anak-anak mereka yang selalunya berlaku di kawasan luar bandar.

Walaupun kuasa-kuasa ini sudah diberi kepada Penghulu dan juga Ketua-ketua Rumah di Sarawak, ini adalah menyebabkan kebanyakan Ketua-ketua Rumah di Sarawak tidak pandai menulis dan saya fikir kuasa Pendaftaran perlulah diberi kepada guru-guru yang mengajar di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi: Sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Gerik, saya hendak membuat satu pengumuman, iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi jawapannya selewat-lewatnya pada pukul 5.00 petang hari ini.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Gerik.

4.03 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan B. 44 dan P. 44 berkaitan dengan Jabatan Orang Asli yang mana telah diberi peruntukan Pembangunan sebanyak \$12,871,000.

Menyentuh Maksud P. 44, Butiran 3—Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli.

Saya ingin mengambil peluang ini bagi pihak 2,000 pengundi-pengundi Orang Asli yang ada dalam kawasan Parlimen Gerik untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian terutama sekali

kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memperuntukan \$8,300,000 iaitu 2/3 daripada peruntukan Pembangunan tahun ini bagi Rancangan Pengumpulan Semula Orang-orang Asli di kawasan-kawasan pendalaman terutama sekali di kawasan Fort Kemar dan kawasan Air Dala dalam kawasan Parlimen Gerik. Saya berharap Rancangan Pengumpulan Semula Orang-orang Asli ini bukan sahaja akan memberikan faedah yang besar kepada peperangan gerak saraf kita tetapi juga saya berharap agar rancangan ini akan dapat menjayakan lagi perkampungan yang lebih tersusun baik dari segi ekonomi, mahupun sosial bagi penduduk-penduduk Orang Asli di kawasan-kawasan pendalaman.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh B. 44, Butiran 1300—Tambahan Kos Kakitangan dan Aktiviti (2) berkaitan dengan pelajaran bagi Orang-orang Asli.

Saya berharap dengan adanya Rancangan Pengumpulan yang besar ini maka pihak Jabatan Orang Asli akan memberi prioritas yang tinggi kepada pelajaran anak-anak Orang Asli.

Hari ini masih banyak lagi terdapat Orang Asli yang tinggal di kawasan pendalaman yang enggan melepaskan anak-anak mereka keluar dari kampung halaman mereka dan tinggal di asrama-asrama yang disediakan oleh Jabatan Orang Asli. Kadangkala pelajar-pelajar itu sendiri berasa kurang senang berpisah dengan ibubapa dan keluarga mereka. Tetapi kita berharap dengan adanya rancangan ini kakitangan yang mengendalikan pelajaran anak-anak Orang Asli ini akan dapat ditambah semoga pentadbiran berhubung dengan pelajaran Jabatan ini akan dapat diperkembangkan lagi. Dan jika perlu, saya berharap semoga sekolah-sekolah rendah dapatlah didirikan di kawasan-kawasan yang terlibat dengan Rancangan Pengumpulan Semula ini. Semoga dengan adanya cara ini anak-anak Orang Asli yang tinggal jauh di pendalaman akan berpeluang mendapatkan pelajaran di sekolah-sekolah yang lebih selesa dan dengan guru-guru yang lebih terlatih lagi.

Menyentuh B. 44, Butiran 1100, Aktiviti (4)—Pembangunan Sosial dan Ekonomi, Orang-orang Asli.

Saya berharap semoga keadaan sosio-ekonomi kawasan ini juga dapat dipertingkatkan lagi untuk menjadikan satu tarikan juga bagi guru-guru dan lain-lain pegawai terus tinggal dan bertugas di kawasan-kawasan ini. Dalam mengucapkan tahniah di atas rancangan yang besar maknanya ini, saya berharap semoga bukan sahaja Orang-orang Asli ini, cara hidup mereka, perkampungan mereka dan pelajaran untuk anak-anak mereka dapat diperbaiki, tetapi yang paling penting ekonomi orang-orang ini juga harus diperbaiki dan aktiviti ekonomi mereka dipertingkatkan lagi. Setelah bersusah payah mengumpulkan Orang-orang Asli ini di dalam satu kawasan perkampungan yang tersusun dan teratur dengan menyediakan rumah, dewan, tempat rekreasi dan sebagainya, Kerajaan juga seharusnya menyediakan sumber-sumber pendapatan yang lebih lumayan lagi kepada Orang-orang Asli ini. Kerana tanpa mereka ini diberi tanah yang boleh memberi pendapatan ekonomi dan mencukupi maka perasaan kasih sayang mereka kepada kampung halaman mereka akan pudar tanpa ada kawasan kebun yang mencukupi, kawasan ladang untuk menanam padi dan kawasan hutan tempat memburu maka sudah pasti Orang-orang Asli tidak akan dapat mencurahkan sepenuhnya kasih sayang kepada kawasan perkampungan yang baru ini. Tanpa kasih sayang ini Orang-orang Asli akan berpindah keluar daripada kawasan-kawasan perkampungan ini. Dan perbelanjaan untuk mengumpulkan mereka ini kembali akan melebihi peruntukan untuk menyediakan keluasan kebun yang bersesuaian dan ekonomi untuk mereka.

Selain daripada itu, jika mereka ini tinggal bertaburan di dalam hutan dan berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain maka perbelanjaan untuk mengawal mereka dari diperalatkan oleh pihak komunis militan akan menelan belanja yang lebih besar dan salah satu asas rancangan ini diwujudkan akan menemui kegagalan. Untuk meninggikan lagi sosio-ekonomi Orang-orang Asli ini dan untuk menyusun semula bidang aktiviti ekonomi mereka semoga mereka tidak diperdayakan dengan tipu muslihat orang tengah dan untuk membolehkan mereka mendapat hasil yang lumayan yang enggan melepaskan anak-anak mereka dan bersesuaian dengan usaha mereka, saya

ingin mencadangkan agar Jabatan Orang Asli menubuhkan Kedai-kedai Koperatif Barangan untuk memungut dan menjual segala rupa hasil yang diusahakan oleh Orang-orang Asli ini. Saya juga berharap semoga sistem pelaksanaan rancangan ala-FELDA akan dapat dijalankan di kawasan-kawasan ini. Saya berharap semoga Wakil Pos kecil juga akan dibuka di kawasan ini untuk memberi nasihat kepada Orang-orang Asli ini cara-cara menyimpan wang dan sebagainya.

Saya percaya jika kita dapat memberi jaminan hidup yang lebih baik kepada mereka mengikut lunas-lunas keperibadian mereka sendiri, maka hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk membangunkan sosio-ekonomi Orang-orang Asli ini akan tercapai, dan matlamat Kerajaan menghindarkan Orang-orang Asli ini dari diperalatkan oleh komunis militan akan tercapai.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap Orang-orang Asli akan ditunjukkan dan dilatih cara-cara menggunakan pertanian secara moden mengikut sistem pertanian Persatuan Peladang. Dengan cara ini, kita boleh mempertingkatkan lagi jumlah pengeluaran perseorangan mereka dan sudah tentu ini akan meningkatkan lagi pendapatan mereka.

Melalui sistem koperatif ini juga, saya sukalah mencadangkan agar ternakan yang diberikan kepada mereka diberi secara berkelompok, semoga dengan cara ini ternakan mereka akan lebih terkawal dan mengurangkan pula kematian daripada segi penyakit dan serangan daripada binatang-binatang liar seperti harimau dan sebagainya. Saya juga berharap agar kemudahan perubatan dapat disalurkan dengan lebih berkesan lagi kepada Orang-orang Asli ini untuk mengurangkan penyakit dan kematian di kalangan bayi-bayi mereka. Pengurangan penyakit dan kematian di kalangan bayi-bayi mereka akan dapat menyakinkan lagi mereka kepada satu-satu kawasan yang telah dipilih oleh Kerajaan sebagai kawasan perkampungan.

Menyentuh berkenaan dengan ekonomi mereka, sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang telah memberi peluang kepada Orang-orang Asli kita berkhidmat dan sama-sama berjuang untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaula-

tan negara. Hari ini ramai sekali Orang-orang Asli kita bertugas di dalam pasukan Senoi Prak dan ini secara langsung telah dapat meningkatkan lagi ekonomi Orang-orang Asli kita. Kita berharap semoga dalam rancangan pembesaran pasukan Polis kita dan pembesaran Pasukan Senoi Prak ini kebajikan anggota-anggota ini, kebajikan anak-anak dan isteri-isteri mereka sama ada dari segi pelajaran, sosial, perubatan dan sebagainya akan dipertingkat lagi.

Sekianlah, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.13 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin merujuk kepada B. 38, muka surat 343, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Siasatan Jenayah.

Di atas perkara Siasatan Jenayah, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan Bahagian Jenayah Perniagaan Polis Bandaraya Kuala Lumpur. Nampaknya pada fikiran saya bahawa Bahagian Jenayah Perniagaan atau Commercial Crime Polis Bandaraya adalah lemah dan tidak berkesan dalam menguruskan pengaduan yang dibuat kepada mereka oleh orang ramai berkenaan penipuan oleh pemaju-pemaju perumahan yang palsu. Selalunya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menasihatkan orang ramai supaya melaporkan kepada pihak polis jika sekiranya mereka ditipu oleh pemaju-pemaju perumahan palsu supaya siasatan dan tindakan dapat diambil ke atas mereka dalam konteks jenayah perdagangan ini. Sejauh yang saya sedari bahawa ramai orang yang terlibat telah membuat laporan kepada Bahagian Jenayah Perniagaan Polis Bandaraya tetapi nampaknya tidak ada tindakan yang diambil ke atas mereka.

Ini sebagai satu contoh saya suka menyatakan di sini bahawa pada 27hb April, 1978, saya sendiri telah membawa mangsa-mangsa setengah pemaju-pemaju perumahan palsu ke Bahagian Jenayah Perdagangan Polis Bandaraya untuk membuat laporan dan pengaduan. Satu laporan rasmi telah dibuat terhadap satu syarikat yang bernama W.R. Development

Sendirian Berhad. Perkara ini telah berlaku lebih daripada satu tahun sehingga sekarang ini nampaknya tidak berlaku apa-apa. Tidak seorangpun yang tahu sama ada apa-apa penyiasatan lanjut telah dijalankan dan apakah bentuk tindakan yang telah diambil ke atas syarikat itu. Apa yang kami ketahui bahawa syarikat yang berkenaan masih terus hidup dan bergerak dan iklan-iklan yang menyalahi undang-undang masih terus diklankan dalam surat-khabar tempatan mempelawa orang ramai supaya memohon skim perumahan mereka itu yang tidak wujud sama sekali. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberi satu jawapan kepada Dewan ini mengenai perkara ini.

Sekarang saya ingin merujuk kepada Kepala B. 40, muka surat 351, Aktiviti (3), Butiran 1100—Jabatan Imigresen, Pasport dan Visa.

Menyentuh persoalan Passport dan Visa, saya suka mencadangkan di sini kepada Jabatan Imigresen di Jalan Tugu, Kuala Lumpur supaya mengambil langkah-langkah yang bermaksud untuk mengemaskan jenteranya dan menyusun semula pentadbiran jabatan itu dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan dan lebih cekap kepada orang ramai. Saya merujuk khususnya kepada bahagian yang bertugas mengenai pasport antarabangsa dan juga bahagian entry permit. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pernah berkata bahawa satu peraturan baharu akan diperkenalkan untuk pengeluaran pasport-pasport antarabangsa sebagai satu cara meringkaskan masa menunggu (to cut down queueing time). Sambil mendatangkan satu peraturan baharu ini dilaksanakan, saya berpendapat bahawa pada masa sementara jabatan yang berkenaan patutlah melakukan sesuatu untuk mengatasi rasa keciwa atau frustration orang ramai yang menunggu setiap hari untuk menyampaikan borang-borang permohonan untuk mendapatkan pasport antarabangsa mereka. Saya ingin membuat cadangan-cadangan berikut:

- (1) Lebih banyak kaunter dibuka di Pejabat Imigresen untuk menguruskan permohonan-permohonan semasa musim cuti.
- (2) Kaunter-kaunter seumpama itu bolehlah juga dibuka semasa waktu makan tengah hari untuk mengendalikan lebih banyak permohonan pasport-pasport antarabangsa.

- (3) Memperkenalkan satu sistem pemberian nombor yang ingin dapat khidmat kepada orang ramai di atas asas first come, first served, ini boleh dilakukan untuk mencegah orang ramai menunggu tanpa hasil.

Adalah sangat mengecewakan menunggu berjam-jam dalam satu barisan yang pada akhirnya apabila sampai ke kaunter masa itu tutup. Pegawai-pegawai Imigeresen mestilah mengeluarkan kad-kad bernombor kepada orang ramai kepada had yang mereka boleh menguruskan dalam sesuatu masa. Ke atas soalan menentukan kecekapan, saya suka menyatakan di sini bahawa langkah-langkah haruslah diambil untuk mempercepatkan pengeluaran pasport-pasport antarabangsa dan semua documents yang lain dikelolakan oleh Jabatan Imigeresen.

Yang Berhormat Menteri dan Ketua Pengarah Jabatan Imigeresen sering mempercakapkan bahawa mereka tidak boleh korbankan keselamatan untuk menyejajarkan permohonan pasport antarabangsa. Di sini saya suka bertanya kenapa keselamatan tidak boleh bersama di antara satu sama lain dengan kepantasan dan kecekapan. Dengan apa cara sekalipun kami adalah mengambil berat soal keselamatan tetapi tentunya tidak membelakangkan tanggungjawab jabatan untuk memastikan bahawa kecekapan dan kepantasan boleh juga bersama dengan keselamatan. Saya harap bahawa keselamatan tidak harus dipergunakan sebagai satu alasan untuk menutup ketidak kecekapan jabatan yang berikut. Dengan penyusunan semula pentadbiran dan penyeliaan yang baik dalam jabatan saya tidak meragukan bahawa ini boleh dicapai.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah pemberian taraf permastautin tetap kepada orang-orang asing yang bernikah dengan rakyat Malaysia yang menghadapi kesulitan untuk mendapatkan taraf permastautin tetap, saya menggesa Jabatan Imigeresen supaya mengambil satu pendekatan yang positif dan berpersi kemanusiaan terhadap masalah ini. Walaupun saya sedar bahawa tidak terdapat peruntukan dalam undang-undang negara yang membolehkan orang-orang ini memohon taraf permastautin tetap, tetapi saya juga sedar bahawa jabatan boleh melaksanakan melalui kebijaksanaan atau budibicaranya di atas perkara ini. Memandangkan hal ini saya

menyeru jabatan supaya mengambil satu pendekatan kemanusiaan di atas perkara ini dan melaksanakan melalui kebijaksanaan atau menggunakan budi bicaranya dalam satu cara yang lebih positif dan berdasarkan kepada pengisytiharan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai hak asasi manusia supaya orang-orang yang seumpama ini boleh dibenarkan tinggal di sini dengan suami-suami mereka yang telah menjadi warganegara Malaysia. Memaksa mereka supaya pulang ke negara asal mereka setelah berakhir pas melawat mereka meskipun pada kenyataan bahawa mereka menipu membuktikan bahawa mereka adalah sah bernikah menurut undang-undang dengan warganegara Malaysia adalah tidak berpersi kemanusiaan dan bertentangan dengan semangat pengisytiharan hak asasi manusia Bangsa-bangsa Bersatu.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh kepada Kepala 42, muka surat 362, Aktiviti (2)—Pendaftaran Kad Pengenalan.

Mengenai persoalan Kad Pengenalan, saya ingin menyeru Jabatan Pendaftaran Negara supaya mempercepatkan kerja membaharui dan menggantikan Kad Pengenalan.

Pada masa sekarang seseorang yang telah kehilangan Kad Pengenalan ataupun telah rosak akan mengambil masa sampai 6 hingga 9 bulan untuk mendapatkan Kad Pengenalan yang baru. Memandangkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara telah berpindah ke satu bangunan yang besar lagi luas di Petaling Jaya pada masa ini saya harap akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cekap kepada orang ramai. Langkah menyejajarkan pengeluaran Kad-kad Pengenalan baru adalah juga perlu agar tidak menyusahkan orang ramai oleh kerana mereka dikehendaki membawa Kad Pengenalan pada setiap masa dan jika mereka diperiksa oleh pihak polis mereka tidak akan ditanya dengan soalan-soalan yang tidak perlu yang bukan menjadi tanggungjawab mereka.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

4.21 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya ingin memulakan dengan Maksud B. 38, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan bersama-sama juga dengan B. 42, Butiran 1100, Aktiviti (4) Pendaftaran Kewarganegaraan.

Tuan Pengerusi, semenjak permulaan tahun 70an, pemohon-pemohon untuk kerakyatan yang menggunakan Borang-borang E dan G telah menghadapi berbagai masalah yang tidak pernah wujud sebelum masa ini. Mereka yang memohon menggunakan Borang E adalah mereka yang lahir di negara kita sebelum 31hb Ogos, 1957 dan yang boleh menunjukkan Surat Beranak mereka. Menurut Perkara 16 dalam Perlembagaan Persekutuan, seseorang yang berusia 18 tahun atau lebih dan yang telah lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka (31hb Ogos, 1957) adalah berhak, dengan izin, is entitled untuk didaftar sebagai warganegara sekiranya beliau boleh menunaikan syarat-syarat seperti berikut, dengan izin Tuan Pengerusi:

- “(a) that he has resided in the Federation during the seven years immediately preceding the date of the application, for periods amounting in the aggregate to not less than five years;
- (b) that he intends to do so permanently;
- (c) that he is of good character; and
- (d) that he has an elementary knowledge of the Malay Language.”

Inilah 4 syarat bagi mereka yang lahir sebelum Hari Merdeka dan yang sudah berusia 18 tahun atau lebih dan yang boleh menunjukkan bukti bahawa mereka benar-benar lahir dalam Persekutuan.

Tuan Pengerusi, terdapat banyak kes-kes di mana pemohon-pemohon yang telahpun menunaikan segala keperluan yang dikehendaki itu disebabkan menunggu bertahun-tahun dan ada kalanya mereka yang masih menunggu untuk mendapatkan permohonan mereka diluluskan dan mereka didaftar sebagai warganegara. Walaupun beberapa enquiry telahpun dibuat, sebab-sebab yang benar masih tidak diberi tentang apakah sebabnya kelambatan itu berlaku dalam hal memberi kewarganegaraan atau citizenship status kepada golongan rakyat ini yang lahir di sini, yang belajar di sini, dengan izin, fully bred dalam negara ini dan yang tidak mempunyai mana-mana negara yang lain kecuali negara ini.

Tuan Pengerusi, sebilangan daripada pemohon-pemohon yang menggunakan Borang E tidak diberitahu langsung sebab-sebab

mengapa permohonan mereka itu ditolak. Saya rasa ini adalah tidak adil bagi pemohon tanpa mendapat tahu apakah sebab-sebabnya permohonan beliau itu ditolak, seseorang pemohon itu mendapati sukar untuk membuat rayuan kepada pihak Menteri atas penolakan itu. Di antara permohonan-permohonan yang dibuat di bawah Borang E dan ditolak ada juga mereka yang percaya bahawa penolakan permohonan itu adalah mungkin kerana pada satu masa yang dahulu mereka ditangkap oleh pihak polis dan ditahan untuk penyiasatan ataupun sebagai suspect, tetapi tidak dituduh dan disabit kesalahan di mana-mana satu mahkamah di dalam negara kita. Apakah sebab pemohon-pemohon kewarganegaraan di bawah Borang E dalam kategori ini tidak diberi hak mereka oleh kerana Perlembagaan sendiri menentukan hak itu untuk didaftar sebagai seorang warganegara.

Tuan Pengerusi, peranan Menteri dalam mengeluarkan sijil-sijil kewarganegaraan kepada pemohon-pemohon, khususnya mereka yang menggunakan Borang E nampaknya adalah untuk menentukan bahawa ke semua pemohon-pemohon itu menunaikan segala kehendak, segala keperluan seperti termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan untuk didaftar sebagai seorang warganegara. Pihak Menteri tidaklah patut untuk menggunakan satu dasar untuk dengan izin, deliberately deprive pemohon-pemohon di bawah Borang E untuk didaftar sebagai seorang warganegara. Juga pemohon-pemohon kewarganegaraan di bawah Borang E telah mendapati bahawa permohonan mereka ditolak oleh kerana mereka gagal dalam ujian Bahasa Malaysia atau ujian Bahasa Melayu. Memang semua orang bersetuju bahawa pemohon-pemohon yang menggunakan borang ini hendaklah tertakluk kepada keperluan Perlembagaan tetapi apa yang memeranjatkan ialah pemohon-pemohon tidaklah diuji untuk mendapat tahu sama ada mereka mempunyai elementary knowledge seperti termaktub dalam Perlembagaan—“elementary knowledge of the Malay Language”, tetapi mereka diuji seolah-olah mereka mengambil peperiksaan untuk memasuki universiti. Sehingga hari ini pihak Menteri tidak membuat satu definasi yang terang, yang jelas tentang rangkai kata “elementary knowledge”. Apakah erti sebenarnya “elementary knowledge of the Malay Language” seperti terdapat dalam Perlembagaan Malaysia? Rakyat umum hen-

daklah diberitahu supaya pemohon-pemohon kewarganegaraan akan datang yang berhak menggunakan Borang E bolehlah mendapat tahu apakah yang diperlukan daripada mereka tentang pengetahuan elementary dalam Bahasa Melayu.

Tuan Pengerusi, tentang pemohon-pemohon kewarganegaraan yang menggunakan Borang G, mereka adalah menghadapi ujian-ujian yang lebih dahsyat daripada ujian yang dihadapi oleh pemohon-pemohon yang membuat permohonan di bawah Borang E dalam soal menguji pengetahuan Bahasa Melayu. Mereka adalah diuji untuk mendapat tahu setakat manakah mereka mempunyai adequate knowledge dalam Bahasa Melayu. Term "adequate knowledge" seperti disebutkan dalam Perlembagaan adalah ditafsirkan oleh Menteri mengikut "whims and fancies". Tidak sesiapa yang mengetahui apakah taraf pengetahuan dalam Bahasa Melayu yang boleh ditimbang oleh pihak Menteri sebagai taraf "adequate knowledge".

Tuan Pengerusi, pemohon-pemohon seperti ini memang ada ramai yang telah lahir di dalam negara ini tetapi mereka tidak mempunyai bukti tertulis (documentary evidence) untuk menunjukkan bahawa mereka lahir di sini dan mereka ini menghadapi satu dilema dalam hal ini. Saya berharap pihak Kementerian boleh menjelaskan apakah erti sebenarnya rangkai kata "elementary knowledge" dan "adequate knowledge" dalam Bahasa Melayu. Tentu ada perbezaan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengersui, sebilangan besar pemohon-pemohon yang menggunakan Borang G telah lahir dalam masa penjajahan Jepun iaitu masa Perang Dunia Kedua dan dalam masa itu mungkin ada sebilangan yang tidak mendaftar langsung kelahiran anak-anak mereka dan mereka inilah menghadapi masalah tentang kewarganegaraan dan setakat ini ramai tidak dapat trace dokumen-dokumen beranak mereka. Dalam hal ini bagaimanakah permohonan-permohonan ini boleh ditolak dengan begitu sahaja oleh kerana kesalahan kalau pun ada adalah kesalahan yang dibuat secara ignorance oleh ibubapa pemohon-pemohon itu dalam masa zaman penjajahan Jepun dahulu. Saya merayu supaya Menteri dan pihak Kerajaan menunjukkan simpati terhadap golongan ini yang telah membuat sumbangan yang banyak terhadap pembangunan dan kemajuan negara ini.

Pemohon-pemohon Borang G yang tidak lahir dalam negara ini tidak mempunyai apa-apa bukti dan yang tidak bermastautin di dalam negara kita semasa Hari Merdeka adalah dikehendaki mengambil satu peperiksaan dalam Bahasa Melayu secara bertulis dan dalam kebanyakan kes ini mereka gagal untuk lulus peperiksaan secara bertulis dalam Bahasa Melayu dan seterusnya dengan izin, mereka didestined untuk hidup tetap sebagai permanent non-citizens dalam negara ini bila mana mereka telahpun menjadikan negara ini sebagai negara mereka.

Tuan Pengerusi, Borang G juga pemohon-pemohon yang telahpun menunaikan segala peruntukan yang ada dalam Perlembagaan pada akhirnya mendapati bahawa permohonan mereka ditolak oleh Menteri. Apa yang menyulitkan mereka dan apa yang membimbangkan mereka adalah pemohon-pemohon ini tidak diberitahu apakah sebabnya permohonan-permohonan mereka itu ditolak. Mengapa? Itulah yang saya hendak mendapat tahu.

Dalam kategori ini juga ada juga yang diberitahu selepas memohon menunggu beberapa tahun bahawa mereka boleh memohon untuk mendapat kewarganegaraan selepas dua tahun dari tarikh surat yang diberi oleh pihak Kementerian.

Misalnya, Tuan Pengerusi, ada sepucuk surat yang dituliskan oleh, dengan izin, Encik Mohd. Sabri bin Alang Hussein bagi pihak Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Encik Loke Seng Woh, No. 131 Kampung Baru, Kerling, Ulu Selangor, Rujukan: KHEDN OCIT 21984 (19), surat bertarikh 3hb September, 1979.

Tuan Pengerusi, menurut surat itu permohonan dan rayuan yang dibuat oleh pemohon ini yang telahpun lulus dalam Bahasa Malaysia atas penolakan permohonan kewarganegaraan disahkan dan dalam perenggan kedua dikatakan, dengan izin: "Jika anda masih berhajat untuk memohon menjadi warganegara sila kemukakan borang permohonan baru dua tahun lagi selepas anda menerima surat yang dinyatakan di atas tadi."

Tuan Pengerusi, saya rasa di sini pihak Kementerian tidak menggunakan keadilan langsung sebab tidak diberi dan tambahan pula lagi selepas menunggu beberapa tahun

beliau dihalang untuk memohon menjadi warganegara untuk selama dua tahun daripada tarikh surat ini iaitu 6hb September, 1979.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat tahu apakah terjadi kepada mereka ini yang ber-sungguh-sungguh mahu menjadi warganegara Malaysia yang telah membuat pengorbanannya, yang telah membuat sumbangan mereka terhadap pembangunan dan kemajuan negara ini.

Tuan Pengerusi, apakah pihak Kerajaan mahu, pihak Kementerian mahu impose syarat-syarat yang begitu harsh terhadap rakyat yang innocent yang mempunyai niat untuk menjadi warganegara ini dan yang tidak mempunyai mana-mana negara untuk bertapak dan untuk memanggil negara itu adalah tanahair tumpah darahnya.

Tuan Pengersui, saya merayu kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberi satu jaminan dalam Dewan ini bahawa sebarang penolakan permohonan kewarganegaraan itu akan diberitahu sebabnya kepada pemohon supaya pemohon dapat membetulkan jika ada apa-apa kesalahan, jika ada apa-apa kekurangan yang patut ia memenuhi. Langkah seperti ini adalah selaras dengan perasaan peri kemanusiaan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang pemohon-pemohon bisu. Ada beberapa kes di mana pemohon-pemohon bisu yang tidak mempunyai surat beranak yang sudahpun bernikah mempunyai keluarga yang mahu menjadi warganegara oleh kerana mereka mendapati dengan satu Kad Pengenalan merah mereka tidak dapat membuat apa-apa pun asalkan mereka menjalankan perniagaan sendiri. Jadi dalam kes ini saya tidak memahami mengapa pihak Kementerian sentiasa menolak permohonan-pemohonan daripada orang-orang bisu untuk menjadi warganegara walaupun mereka menunjukkan sijil perubatan, pengakuan perubatan daripada doktor-doktor mengatakan pemohon itu benar-benar bisu, tidak boleh bercakap, tidak mendengar, tidak tahu apa benda, tetapi malangnya permohonan itu ditolak. Saya merayu supaya pihak Kementerian tukarlah dasar yang ada sekarang terhadap orang-orang bisu dan benarkanlah mereka menjadi warganegara walaupun mereka tidak boleh menghadiri satu ujian

bahasa, mereka tidak boleh memberitahu bahawa mereka mahu hidup tetap, bermastautin tetap dalam negara kita oleh kerana mereka bisu. Jadi berasas kepada surat yang diberi oleh doktor perubatan saya berharap pihak Kementerian menukar dasar dan memberi peluang kepada mereka untuk menjadi warganegara.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada B. 39, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Rancangan dan Aktiviti (6) Latihan.

Tuan Pengerusi, di bawah Polis Di Raja Malaysia terdapat Bahagian iaitu Police Volunteer Reserve (PVR). Semenjak pengenalan Police Volunteer Reserve Unit ini pihak Kerajaan memberi hanya sedikit perhatian sahaja terhadap yunit ini dalam bidang latihan, elaun dan lain-lain perkara yang bersabit dengan PVR ini.

Tuan Pengerusi, anggota-anggota PVR sehingga hari ini diberi layanan sebagai anak angkat Kerajaan walaupun sumbangan yang dibuat oleh mereka tidak boleh dikatakan second kepada pihak polis. Tugas-tugas dan tanggungjawab oleh seorang anggota PVR adalah sama dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh seorang konstabel polis biasa apabila beliau menjalankan tugas—when on duty. Tetapi saya hairan mengapa pihak Kementerian tidak ada sesiapa dalam pihak Kementerian yang menyedari bahawa Kerajaan tidak mahu memberi layanan yang adil kepada konstable-konstable PVR ini.

Tuan Pengerusi, misalnya sejak 1957 konstable-konstable dalam perkhidmatan dengan PVR hanya dibayar elaun sebanyak 40 sen sejam apabila mereka menjalankan tugas dan setiap konstable dibenarkan hanya menjalankan tugas sebanyak 24 jam dalam setiap bulan. Ini bererti bahawa sekiranya seorang konstable PVR menjalankan tugas maksima beliau akan hanya akan menerima \$1.60 sen satu bulan, yang tidak mencukupi untuk menampung tambang teksi dan bus pun.

Tuan Pengerusi, mengapa pihak Kerajaan tidak mahu meninggalkan lagi elaun bagi PVR dalam tempoh 20 tahun ini. Tuan Pengerusi, konstable-konstable PVR diberi latihan yang inferior apabila dibanding dengan pihak Polis Regular, mereka memang diberi latihan dalam penembakan atau

shooting tetapi saya difahamkan bahawa mereka hanya diberi latihan untuk menggunakan pistol tidak raifal dan dalam menggunakan pistol dalam kursus menembak mereka hanya diberi enam butir peluru, bererti seorang konstable PVR yang diberikan tugas yang sama dengan seorang konstable polis biasa hanya diberi peluang, hanya diberi pengalaman (experience) untuk menggunakan enam butir peluru sahaja dalam seluruh career constable PVR itu.

Tuan Pengerusi, adakah ini cukup bagi seorang konstable yang menjalankan tugas di bandar-bandar khususnya bandar-bandar besar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa cuma ada dua minit sahaja lagi.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, berapa minit?

Tuan Pengerusi: Dua minit!

Tuan P. Patto: Boleh tambah dua minit lagi, empat minit.

Tuan Pengerusi: Setakat dua minit.

Tuan P. Patto: Baik, Tuan Pengerusi, saya akan singkatkan. Dalam hal ini, saya juga ingin memaklumkan bahawa ada juga PVR-PVR yang diberi raifal tetapi bukan semua dan apabila mereka diminta untuk menjalankan tugas mereka diberi Mark V Rifle untuk digunakan dan raifal-raifal ini adalah dianggap sebagai out-of-date di kalangan polis dan juga di kalangan tentera.

Tuan Pengersui, saya ingin juga membangkitkan tentang latihan dalam self-defence atau mempertahankan diri bagi konstable-konstable PVR. Ini juga tidak diberi langsung kepada konstable-konstable PVR tetapi counterpart mereka di dalam service regular diberi latihan basic di dalam seni mempertahankan diri.

Tuan Pengerusi, apabila terdapat kekurangan latihan di dalam segi menggunakan senjata ini akan menimbulkan satu bahaya kepada nyawa konstable-konstable PVR khususnya mereka yang bertugas dan meronda dalam bandar-bandar besar dan juga city. Saya haraplah pihak PVR boleh diberi satu elaun tambahan supaya sekurangnya mereka dapat menampung tambang teksi, bas dan minuman.

Dan akhir sekali, Tuan Pengerusi, di bawah B. 38 Butiran 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am. Baharu sekejap tadi Ketua Pembangkang telah menerima sepucuk telegram daripada Encik Ahmad Ishak 257A, Bukit Pinang, Alor Setar, meminta : "Much obliged to ask Minister concerned why Kassim not allowed to take his Ph.D. and further unnecessary detention". Saya terperanjat bahawa pihak Kementerian masih lagi menghalang penahanan politik di dalam Kem Tahanan Kemunting iaitu Encik Kassim Ahmad untuk mengambil kursus Ph.D. Apakah sebabnya? Saya rasa ini adalah satu pencabulan hak asasi seorang warganegara Malaysia dan begitu juga apakah sebabnya Encik Kassim Ahmad dan dua orang anggota Parlimen di Dewan ini Ahli dari Batu Gajah dan Sungai Besi masih dalam tahanan sehingga hari ini. Sebab-sebab yang diberi masih samar-samar dan sebelum saya menyudahi saya sentuh Aktiviti (6)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan P. Patto: Baik, kalau begitu, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Silam.

4.46 ptg.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai (Silam): Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membincangkan Perbekalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebagaimana yang kita sama-sama maklum keadaan keselamatan di negeri Sabah adalah cukup terkawal dan sepatutnya saya mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kepada pihak Polis, tetapi walau bagaimanapun saya sukalah menyentuh sedikit di sini berkenaan dengan masalah-masalah lanunlanun dan perompak-perompak yang bermaharajalela di pantai timur negeri Sabah khususnya di kawasan saya Silam yang mana baharu-baharu ini sebuah bot passenger "Saleha Baru" telah dirompak dan 40 orang lebih penumpang-penumpangannya dibawa ke Philippines sehingga mengorbankan tiga orang nyawa.

Tuan Pengerusi, masalah perompak ini bukanlah masalah yang baharu tetapi adalah masalah yang telah berlaku semenjak bertahun-tahun daripada dahulu sehinggalah sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa masalah ini memang pihak Kementerian Dalam Negeri telah mengambil beberapa tindakan dan juga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sendiri telah melawat ke kawasan Silam khasnya daerah Semporna dan saya mengucapkan bertanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada beliau yang telah mengambil berat dan menjumpai pihak-pihak yang telah menjadi mangsa ini dan menyatakan bagaimana perasaan beliau, pihak Kementerian dan seterusnya Kerajaan terhadap keganasan lanun-lanun ini dan sikap yang diambil oleh pihak Kementerian.

Jadi, selaku Wakil Rakyat dari kawasan Silam, saya sukalah membawa hasrat rakyat daripada kawasan pantai timur khasnya kawasan Silam yang mana mereka ini khasnya nelayan-nelayan sentiasa di dalam ketakutan kerana serangan daripada perompak-perompak ini. Jadi mereka meminta supaya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberikan perhatian yang berat terhadap keselamatan di pantai timur khasnya di kawasan Silam menjadi tumpuan perompak seperti Semporna, Lahad Datu, Sandakan dan Kunak.

Jadi di dalam muka surat 349, Maksud P. 39, Butiran 1, 4, 12, 13 dan 15 ini, sukalah saya menyatakan di sini walaupun di dalam Butiran 4—Pagar Keselamatan Sempadan ini tidak berlaku di negeri Sabah seperti di Semenanjung ini tetapi yang kita maksudkan ialah seharusnya Kementerian dan pihak keselamatan mengambil tindakan yang positif memandangkan keadaan-keadaan rompak dan lanun yang datang daripada Philippines ini bukan hanya perompak-perompak biasa tetapi ini sebagaimana diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah juga terdiri daripada ahli-ahli tentera Philippines. Saya membawa suara rakyat daripada kawasan ini meminta supaya pihak keselamatan menambahkan banyak bot-bot ronda dan juga bantuan daripada bot-bot tentera untuk meronda kawasan-kawasan daripada Kudat sehingga ke Tawau kerana kawasan ini sangat luas.

Berkenaan dengan bot-bot Polis yang ada sekarang ini haruslah diambil perhatian kerana ada di antaranya bot-bot ini sudah lama dan tidak begitu sesuai untuk digunakan meronda di lautan yang luas dan menghadapi musuh-musuh seperti perompak dan juga niat-niat yang jahat sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya berharap bot-bot baru Polis akan dapat dihantar dan meronda di lautan-lautan yang saya sebutkan ini.

Berkenaan dengan penambahan anggota-anggota Polis juga sangat dikehendaki untuk bertugas di kawasan-kawasan seperti antara Sandakan dengan Lahad Datu sangat luas, dan antara Lahad Datu, Kunak dan Semporna adalah kawasan yang sangat luas, sepatutnya beberapa Balai-balai Polis dan anggota-anggota Polis ataupun daripada pihak tentera akan ditempatkan di kawasan-kawasan ini kerana kita takut apabila kawasan-kawasan ini dibiarkan kosong begitu tidak dironda, mungkin barangkali pada satu masa pihak-pihak yang berniat jahat ini akan senang masuk apabila melihat keadaan kelemahan dan kekurangan pengawalan-pengawalan di pantai timur dan di kawasan Silam ini.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh berkenaan dengan Balai Polis di daerah Semporna yang mana telah dibangunkan mulai daripada 3 tahun dahulu tetapi sehingga sekarang ini nampaknya bangunan ini belum lagi meningkat sampai peratusan yang siap hingga menjadikan pihak-pihak Polis sulit untuk menambahkan tambahan-tambahan pasukan Polis di daerah Semporna. Saya berharap pihak yang berkenaan akan dapat melihat apa sebabnya bangunan Balai Polis di Semporna ini terlambat dan ini akan merugikan pihak Kerajaan dan juga keselamatan di daerah ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 12—Alat-alat Perhubungan Radio, saya rasa jika pihak yang berkenaan dapat membrikan bekalan alat-alat perhubungan kepada kampung-kampung yang terpencil yang sentiasa menjadi tumpuan lanun-lanun dan juga bot-bot passenger dan juga kepada bot-bot nelayan, ini ada kemungkinan boleh dapat memberikan maklumat-maklumat yang cepat kepada pihak-pihak keselamatan khasnya Polis apabila berlaku sesuatu dan jika mereka ini ternampak perompak-perompak ataupun penjahat-penjahat yang masuk ke perairan kita.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 13, di negeri Sabah ini ada banyak pasukan-pasukan RELA dan Kawalan-kawalan Kampung yang telah ditubuhkan. Tetapi dukacita sedikit kerana mereka ini tidak dibekalkan dengan senjata-senjata. Jika ada sesuatu berlaku, misalnya datang perompak-perompak ke kampung mereka itu tidak dapat memberikan apa-apa pertolongan. Jadi saya rasa memandang keadaannya-keadaannya yang membahayakan dan menyusahkan rakyat khususnya nelayan-nelayan yang duduk di pulau-pulau, di kampung-kampung, di pantai-pantai yang sekarang ini sudah ketakutan dan ada di antara mereka sudah lari ke daratan meninggalkan rumahtangga dan juga harta-benda mereka, saya bercadang supaya pihak Kementerian akan dapat menimbangkan untuk membekalkan senjata-senjata kepada pihak-pihak RELA dan juga pengawal-pengawal kampung yang mana difikirkan patut untuk menolong pihak keselamatan dan menjaga keselamatan rakyat tempatan itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 15, Maksud P. 39 ini

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa, Yang Berhormat?

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Muka surat 349. Saya rasa walaupun ada kapal-kapal ronda kita tetapi masih juga lanun-lanun dan perompak-perompak ini dapat masuk ke perairan kita ini. Ada baiknya kalau sekiranya pihak Kementerian dan pihak Polis dapat menambahkan rondaan-rondaan helikopter ataupun kapal terbang ke perairan di pantai timur ini khususnya di kawasan Silam yang berdekatan dengan pulau-pulau Philippines, Pulau Tawi-tawi yang mana di antara daerah Semporna dengan Pulau Tawi-tawi ini hanya memakan masa satu jam sahaja kalau menaiki speed boat. Jadi saya rasa kalau kita mempunyai rondaan-rondaan helikopter ini akan memberi kesan dan akan menakutkan perompak-perompak ini masuk ke perairan ini kerana di antara perairan Semporna dengan Pulau Tawi-tawi ini ada beberapa pulau-pulau yang boleh digunakan untuk perlindungan perompak-perompak ini. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian boleh menempatkan rondaan seperti helikopter itu berpangkalan di Daerah Tawau atau Lahad Datu atau Semporna untuk menolong mengawal keadaan ini.

Tuan Pengerusi, keadaan ini tidaklah seperti keadaan merbahaya komunis di sebelah Semenanjung ini, tetapi kita harus berwaspada sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri ini kemungkinan bukan hanya lanun-lanun tetapi kemungkinan akan menjadi satu perkara yang merbahaya dan akan menjadi satu perkara yang tidak diinginkan. Jadi, kita berharap sebelum hujan lebih baik sediakan payung. Jadi untuk itu saya mengucapkan berbilang terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri di atas perhatian beliau dan pasukan keselamatan dan dengan ini saya menyokong penuh peruntukan Belanjawan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shaha-buddin Al-haj): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukalah saya menyampaikan ucapan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dan memberikan pendapat dan fikiran di atas Anggaran Belanjawan Mengurus dan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk tahun 1980 kelak.

Dalam memberi jawapan di atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam membahaskan Belanjawan Kementerian ini, sukalah saya mengulas satu persatu dengan seberapa ringkas yang boleh di atas teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap di dalam perbahasan Belanjawan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling dalam membahaskan Belanjawan ini, saya rasa tidak ada banyak perkara yang baru yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, melainkan perkara-perkara yang telah dibincangkan sama ada di dalam Dewan ini dan juga di masa-masa yang lain iaitu khususnya di atas perkara pengharaman Laporan Amnesty International dan juga perkara-perkara yang bersangkutan dengan orang-orang tahanan yang mana jawapan-jawapan yang begitu jelas dan terang dan kenyataan-kenyataan telah diberi oleh Yang Berhormat

Menteri dalam Dewan ini dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjelaskan di atas perkara-perkara yang bersangkutan. Saya rasa tidaklah payah saya ulangkan lagi untuk memberi apa-apa jawapan. Saya suka hanya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bharu yang telah dengan secara tidak langsung memberi jawapan kepada tohmah-tohmah Ahli Yang Berhormat dari Petaling berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Walau bagaimanapun, sukalah saya jelaskan juga teguran Ahli Yang Berhormat dari Petaling berhubung dengan rapat umum yang mana masih diharamkan sekarang dan sebagaimana yang telah disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat tidaklah patut digunakan lagi sebab-sebabnya dan patutlah dibenarkan rapat umum diadakan dalam pilihanraya. Dalam perkara ini maka pihak Kerajaan telahpun menimbangkan perkara ini dan masih berpendapat bahawa sebab-sebab itu masih wujud dan dengan itu rapat umum tidak lagi boleh dibenarkan demi keselamatan awam.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga telah menarik perhatian dalam kelewatan permohonan kewarganegaraan dan beliau berpendapat Kerajaan tidaklah berhak untuk melengah-lengahkan permohonan itu dengan sewenang-wenangnya. Maka dalam perkara ini sukalah saya menyatakan masalah kelambatan di dalam menimbang kewarganegaraan itu telah beberapa kali dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan yang lain-lain dalam Dewan ini dan pihak Kerajaan telahpun memberi penjelasan mengenainya, iaitu pengurniaan kewarganegaraan itu adalah satu anugerah kehormatan yang sangat tinggi nilainya yang diberikan kepada mereka yang memohon. Oleh itu, adalah perlu tiap-tiap pemohon itu dikaji dengan teliti untuk menentukan tiap-tiap permohonan itu benar-benar mempunyai taat setia kepada negara dan boleh memberikan menafaat kepada negara ini.

Dalam perkara Imigeresen pula Ahli Yang Berhormat dari Petaling lagi sekali menegur dan menyentuh, antara lain, mengenai kelambatan memproses paspot dan bilakah bagi melaksanakan urusan memproses paspot melalui pos akan dijalankan dan begitu juga perkara ini dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya suka menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri telahpun memberikan kenyataan dan penerangan menjawab soal-soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di dalam Dewan ini juga di atas perkara yang tersebut tidak lebih daripada sebulan yang lalu, iaitu langkah-langkah sedang diambil untuk memperbaiki peraturan-peraturan dan mengadakan peraturan-peraturan baru bagi mengendalikan pengeluaran paspot. Umpamanya, langkah telahpun diambil untuk mengubahkan Cawangan Pengeluaran Paspot Terhad kepada satu bangunan yang lain iaitu untuk mengatasi kesesakan yang sentiasa ada di Jabatan Pengeluaran Paspot sekarang ini dan setelah keadaan itu diperbaiki, maka bolehlah diperbaiki lagi dan ditambah lagi ruangan-ruangan bagi keluaran paspot international dan sebagainya di Jabatan Imigeresen di Jalan Tugu itu. Sukalah saya menegaskan lagi sekali bahawa Kementerian saya akan mengambil ingatan dan perhatian di atas apa perkara yang telahpun disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan cara-cara dan juga peraturan-peraturan yang boleh dijalankan

selain daripada itu Ahli Yang Berhormat dari Kangar di dalam ucapannya telahpun menarik perhatian tentang keanggotaan polis iaitu penambahan pegawai-pegawai dan juga penambahan elaun dan gaji bagi anggota-anggota polis. Dalam perkara ini iaitu berkenaan dengan kenaikan gaji dan juga penambahan anggota polis, adalah dimaklumkan bahawa gaji dan syarat-syarat perkhidmatan ada sekarang ini adalah baru iaitu lebih kurang dua tahun sahaja telah dilaksanakan setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet. Oleh itu cadangan daripada Yang Berhormat itu untuk mengkaji lagi tentang elaun dan gaji adalah diagak awal. Berhubung dengan elaun yang patut diberi kepada pengawal peribadi yang telah disarankan oleh Yang Berhormat itu memanglah pengawal-pengawal peribadi ini ada diberi elaun di antara lain-lain kemudahan yang didapati oleh pengawal-pengawal peribadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga telah mencadangkan supaya banyak lagi berek polis untuk anggota polis dibinakan. Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa adalah menjadi dasar untuk mengadakan 100% rumah kediaman untuk anggota-anggota polis. Dengan itu dengan

sedaya upaya yang boleh rumah-rumah polis ini akan didirikan dan pembinaan rumah-rumah polis ini sedang diselenggarakan dalam rancangan pembangunan Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Keempat seterusnya dan masalah yang melambatkan pembinaan rumah ini hanyalah keupayaan pihak kontrakter-kontrakter sahaja bagi menyiapkan dalam masa yang ditentukan.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat supaya Negeri Perlis dikhaskan dengan seorang Ketua Polis Negeri yang bersendirian yang mana sekarang ini Ketua Polis Negeri Perlis adalah di bawah Ketua Polis Negeri Kedah, sukalah saya menyatakan bahawa inilah satu lagi Jabatan yang Ketuanya masih berkongsi sama dengan negeri Kedah. Dalam perkara ini bolehlah diambil ingatan semoga pada masa yang menasabah kelak maka saranan atau cadangan Ahli Yang Berhormat itu bolehlah dipertimbangkan dan pada masa sekarang inipun pentadbiran polis di semua daerah termasuk daerah-daerah dalam negeri Perlis dan Kedah sedang diperkemaskan. Umpamanya Polis Daerah Langkawi dahulu adalah di bawah Polis Daerah Kangar tetapi sekarang ini telahpun dikeluarkan Langkawi daripada pengawasan Kangar dan menjadi satu polis daerah yang lain. Maka Polis Daerah Kangar sekarang ini adalah bersendirian. Dengan itu bolehlah dianggap Kangar adalah bersendirian tidak bersangkutan-paut lagi dengan Kedah. Kalau hendak diberi kepada Ketua Polis Daerah itu gelaran Ketua Polis Negeri pun bolehlah seperti yang dikehendaki.

Selain daripada itu berkenaan dengan latihan kepada anggota polis kenaikan pangkat dan sebagainya. Sememangnya ini menjadi syarat-syarat kepada anggota-anggota polis mendapat latihan yang ditentukan termasuklah latihan-latihan disiplin.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dalam ucapannya telah menegur bahawa Cawangan Jenayah Perdagangan Polis di Wilayah Persekutuan adalah lemah dan tidak efektif. Begitu juga laporan polis yang dibuat berkaitan dengan satu syarikat pemaju perumahan nampaknya tidak ada tindakan yang lanjut diambil. Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa dari masa ke semasa pihak Polis Di Raja ada menyemak dan meneliti kecekapan unit-unitnya termasuk Cawangan Jenayah Perdagangan dan sekiranya didapati perlu

jawatan tambahan akan dipohon atau pegawai-pegawai yang berpengalaman akan ditempatkan di unit-unit itu. Dengan itu unit di Kuala Lumpur itu tidaklah difikirkan lemah seperti mana yang didakwa. Berkaitan dengan kes terhadap sebuah syarikat pemaju perumahan itu saya tidaklah dapat memberi apa-apa jawapan pada masa ini tanpa selid'kan dahulu. Oleh itu, kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat berhubung dengan Ketua Polis Kuala Lumpur saya percaya beliau akan dapat meneliti perkara tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telahpun menarik perhatian di dalam ucapannya dalam beberapa perkara bersangkutan dengan pendaftaran kelahiran dan sebagainya. Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa adalah menjadi dasar Jabatan Pendaftaran Negara bahawa pendaftaran kelahiran di Sarawak adalah dijalankan oleh Tuai-tuai Rumah Panjang dan juga pegawai-pegawai masyarakat.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat untuk melantik guru-guru sebagai Timbalan Pendaftar Kelahiran dan Kematian bolehlah di beri pertimbangan mengikut keadaan yang tertentu.

Berhubung dengan kuasa mengeluarkan cabutan dari daftar kelahiran Sarawak ini adalah terletak kepada pihak berkuasa Pendaftar iaitu Pendaftar Wilayah Kelahiran dan Kematian yang ditempatkan di Kuching. Cabutan tersebut akan dikeluarkan sekiranya dipohon dan selepas menerima bayaran yang ditetapkan. Tidak ada kelewatan yang berlaku dalam mengeluarkan cabutan dari daftar kelahiran ini sekiranya diperlukan dengan cepat.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar juga telahpun membangkitkan berhubung dengan kelewatan pengeluaran Kad Pengenalan di Sarawak dan juga terdapat salah ejaan atau nama dalam Kad Pengenalan serta juga pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara hendaklah diberi kursus. Dalam perkara ini, sukalah saya menyatakan bahawa kelewatan pengeluaran Kad Pengenalan di Sarawak hanya berlaku jika permohonan diterima dari penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman dan tidaklah mereka yang tinggal di bandar-bandar. Ini adalah disebabkan kesulitan perhubungan dan juga kekurangan kemudahan pengangkutan untuk menghantar per-

mohonan-permohonan yang diterima di ibu pejabat di Kuching dan Kad-kad Pengenalan disediakan secara manual dan kesilapan yang terdapat, jika ada, adalah sebagai human error tetapi bilangannya adalah sangat kecil dan ini boleh diperbetulkan.

Berhubung dengan kursus untuk pegawai dan kakitangan di Jabatan Pendaftaran Negara ini memanglah selalu diadakan guna untuk menambah pengetahuan dan kecekapan mereka supaya dapat mereka memberi perkhidmatan yang baik kepada pejabat.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai dengan kelewatan mengeluarkan kad-kad gantian hilang. Dalam perkara ini, sukaiah saya menyatakan mengeluarkan kad-kad gantian hilang adalah memakan masa yang lama, kerana pertamanya ialah semakan yang teliti perlu dibuat dengan rekod-rekod di Jabatan Pendaftaran Negara termasuk cap-cap jari untuk memastikan ketulian sesuatu permohonan itu dan keduanya, keutamaan adalah diberi kepada pemohon-pemohon dan mereka yang belum ada kad pengenalan sepertimana mereka yang sampai umur 12 tahun iaitu baru sampai dan juga pendaftaran semula mereka yang hilang kad pengenalan dikeluarkan resit yang ada gambar dan cap jari untuk digunakan dan mereka ini tidaklah sepatutnya mengalami apa-apa kepayahan.

Ahli Yang Berhormat dari Silam pada akhirnya telahpun menyarankan berhubung dengan balai-balai polis di Sempurna, Sabah yang telah tergendala kerjanya sejak tiga tahun lalu. Dalam perkara ini, sukaiah saya menyatakan bahawa kerja-kerja pembinaan dan menyiapkan balai-balai polis dan rumah-rumah kediaman di Sempurna, Sabah yang telah terhenti oleh sebab kontraktor dan juga Jabatan Kerja Raya pada masa ini sedang memanggil tawaran semula untuk menyiapkan kerja-kerja yang tergendala itu adalah sementara dan akan diselenggarakan dengan seberapa cepat yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Grik juga telahpun menyentuh perkara-perkara yang bersangkutan dengan pembangunan yang dijalankan oleh Jabatan Orang-orang Asli yang telah diperuntukkan perbelanjaan yang banyak bagi pembangunan Orang-orang Asli ini dan segala saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil ingatan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam untuk membekalkan senapang patah kepada ahli-ahli RELA, dalam perkara ini senapang kepada ahli-ahli RELA ini akan dibekalkan, jika sekiranya difikirkan perlu bagi kawasan-kawasan itu untuk menjaga dari segi keselamatan oleh ahli-ahli RELA. Setakat ini di Sabah belumlah difikirkan perlu dibekalkan senjata-senjata lagi tetapi sekiranya keadaan memerlukan akan dipertimbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telahpun menyarankan supaya ahli-ahli RELA diberi latihan bukan sahaja senapang patah bahkan senapang otomatik dan juga senapang jenis-jenis yang baru. Perkara ini sememangnya menjadi hasrat Kementerian ini untuk memberi latihan-latihan kepada ahli-ahli RELA di dalam berbagai jenis senjata di dalam susunan baru pentadbiran RELA ini maka perkara-perkara ini akan diambil perhatian. Dan semoga dengan pengetahuan yang diketahui oleh anggota-anggota RELA bagi menggunakan senjata dan sekiranya berlaku apa-apa kecemasan dalam negeri ini maka dapatlah mereka ini dimasukkan dalam pasukan keselamatan sama ada pasukan tentera, polis dan sebagainya dan tidak perlu diberi latihan-latihan yang lebih banyak lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telahpun membangkitkan banyak perkara-perkara yang menyentuh berhubung dengan permohonan kewarganegaraan iaitu beliau telahpun mengaitkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan sebab-sebab permohonan kewarganegaraan ditolak, tidak diberi dan juga permohonan ditolak sebab ditahan oleh polis untuk tujuan siasatan dan juga permohonan ditolak kerana gagal di dalam ujian bahasa serta juga permohonan orang-orang bisu itu ditolak.

Berkenaan dengan perkara ini:

- (1) Kerajaan tidaklah semestinya dikehendaki memberi sebab-sebab permohonan itu ditolak;
- (2) Tiap-tiap permohonan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Perlembagaan dan salah satu daripada syarat-syarat itu ialah kelakuan baik;

- (3) Ujian Bahasa. Berhubung dengan perkara ini adalah dijalankan oleh Lembaga Bahasa, bukanlah Menteri dan terpulanglah kepada anggota-anggota Lembaga itu menentukan sama ada seseorang pemohon kewarganegaraan itu mempunyai pengetahuan bahasa yang dikehendaki;
- (4) Orang-orang bisu yang memohon kerakyatan. Ujiannya adalah diuji mengikut kebolehnya dan terpulanglah kepada Lembaga Bahasa juga untuk menentukan kebolehnya. Ujian ini tidaklah dibuat sewenang-wenang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Silam juga telahpun bercakap dalam perkara-perkara perompak yang berkeliaran banyak di perairan laut Sabah. Dalam perkara ini beliau meminta kawalan-kawalan yang lebih ketat diadakan.

Dalam perkara ini sebagaimana yang telahpun diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri dalam satu jawapan soalan, maka pihak Kementerian ini dengan kerjasama angkatan Tentera Laut sedang mengambil langkah untuk menambah bot-bot bagi mengawasi perairan Sabah dan perairan yang lain-lain semoga dapat dihalangkan daripada ancaman-ancaman lanun dan apa-apa ancaman daripada musuh-musuh yang datang daripada luar.

Tuan Pengerusi, saya rasa perkara-perkara inilah sahaja yang saya dapat beri jawapan-jawapan dan kenyataan-kenyataan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun bercakap menyentuh beberapa perkara dalam Kementerian ini. Dalam perkara yang saya tidak memberi jawapan dalam Majlis ini, perkara-perkara itu akan diambil ingatan oleh pihak Kementerian dan akan dijalankan. Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$41,713,000 untuk Maksud B. 38, \$582,429,000 untuk Maksud B. 39, \$20,065,500 untuk Maksud B. 40, \$966,100 untuk Maksud B. 41, \$15,009,200 untuk Maksud B. 42, \$44,048,800 untuk Maksud B. 43 dan \$15,823,800 untuk Maksud B. 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$343,345,845 untuk Maksud P. 39, \$8,220,888 untuk

Maksud P. 40, \$31,960,131 untuk Maksud P. 43 dan \$12,871,000 untuk Maksud P. 44 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

Maksud B. 45, B. 46 dan B. 47 (Jadual)—Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerianya bagi Maksud Bekalan Kepala B. 45, B. 46 dan B. 47; dan Maksud Pembangunan P. 45, P. 46 dan P. 47. Sila.

5.53 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya:

- | | |
|--------------------------------|---|
| (1) Wang sebanyak \$23,631,000 | di bawah Kepala B. 45, Kementerian Penerangan |
| (2) Wang sebanyak \$99,795,000 | di bawah Kepala B. 46, Jabatan Penyiaran |
| (3) Wang sebanyak \$25,742,900 | di bawah Kepala B. 47, Jabatan Penerangan |

dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang ini, dan

- | | |
|--------------------------------|---|
| (1) Wang sebanyak \$2,926,682 | di bawah Kepala P. 45, Kementerian Penerangan |
| (2) Wang sebanyak \$25,064,801 | di bawah Kepala P. 46, Jabatan Penyiaran |
| (3) Wang sebanyak \$1,636,000 | di bawah Kepala P. 47, Jabatan Penerangan |

diluluskan sebagai perbelanjaan di bawah Anggaran Pembangunan 1980.

Dalam membentangkan Belanjawan Kementerian saya ini, saya menyedari hakikat bahawa dalam peringkat pembangunan sekarang ini yang dialami oleh negara kita dan rakyat jelata, yang melibatkan penyusunan

semula masyarakat demi perpaduan, banyak perubahan telah dan sedang berlaku mengenai sikap, nilai-nilai dan norma-norma di kalangan penduduk negara ini. Oleh yang demikian, perhubungan atau komunikasi antara Kerajaan dengan rakyat perlu diperkemas dan diperbaiki dari masa ke semasa. Semenjak hari kemerdekaan dahulu bukan sahaja organisasi pentadbiran Kerajaan sudah bertambah besar tetapi juga aspirasi dan harapan rakyat telah juga meningkat, kerana mereka telah dapat mengecap nikmat dan hasil daripada rancangan-rancangan dan projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan.

Dalam bidang komunikasi yang dikendalikan oleh Kementerian saya langkah-langkah adalah ditumpukan untuk meningkatkan kecekapan tugas saluran-saluran komunikasi bagi mencapai objektif tersebut tadi dan supaya selaras dengan tugas-tugas yang tercatat di dalam "Buku Anggaran Belanjawan 1980".

Untuk mempereratkan komunikasi antara Kerajaan dengan rakyat, Kementerian saya sedang memperbaiki cara dan menambahkan pendekatan supaya saluran komunikasi di dalam Kementerian ini dan antaranya dengan masyarakat umum bertambah teratur. Lebih banyak kesan-balas dan kajian diperlukan dari orang ramai mengenai aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan. Dua punca utama untuk memungut pendapat orang ramai yang biasa dijalankan ialah melalui Bahagian Penyelidikan Kementerian dan Jabatan Penerangan. Langkah-langkah yang diambil itu belum lagi mencukupi bukan sahaja kerana kekurangan anggota, terutama di peringkat akar-umbi, tetapi juga masa yang diambil menerusi pendekatan yang digunakan selama ini tidak membolehkan maklumat yang dikehendaki itu diketahui oleh pihak Kementerian-kementerian dan Kerajaan dengan cepat.

Jabatan Penerangan mempunyai kakitangan di daerah-daerah tetapi bilangan dan kemampuan mereka untuk menjalankan temuramah dan memungut pendapat orang ramai adalah terbatas. Kementerian saya bercadang menambahkan bilangan pegawai-pegawai, terutama di peringkat bawah, di bandar-bandar dan di luar bandar, bukan sahaja untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap lagi tetapi juga untuk mengatasi keadaan yang bertambah kompleks di bandar-bandar besar.

Bagi mempercepatkan proses mendapatkan kesanbalas mengenai reaksi rakyat jelata ke atas pelaksanaan dasar-dasar, rancangan-rancangan dan projek-projek, Kementerian saya telah menggubal satu pendekatan tiga serangkai yang menggunakan ruangan tertentu di TV dan radio, soal selidik tentang reaksi rakyat oleh Pegawai-pegawai Penerangan di peringkat "grassroot" dan di nilai pendapat-pendapat itu oleh Bahagian Penyelidikan di Kementerian saya. Oleh sebab pendekatan ini menggunakan media elektronik maka Kementerian saya sekarang dapat memendekkan setengah daripada masa yang lazim diambil menerusi pendekatan-pendekatan yang digunakan selama ini.

Sebahagian besar tambahan peruntukan yang dipohon bagi saluran sebaran am radio dan televisyen ialah untuk mengatasi kekosongan atau kelemahan menerima siaran-siaran RTM, melaksanakan TV Warna menurut jadual peringkat yang telah dirancang dahulu, di samping meninggikan mutu siaran dan persembahan rancangan-rancangan dari media tersebut. Dalam tahun 1980 adalah dijangka bahawa Stesyen di Grik dan alat pemancaran bagi kawasan-kawasan di sekitar Mersing dan Jerantut dapat disempurnakan dan dengan yang demikian liputan siaran bagi kawasan-kawasan tersebut akan diperbaiki lagi.

Mengenai rancangan TV pula sebagai yang pernah dinyatakan dahulu projek siaran warna TV akan dapat disempurnakan dalam tempoh 5 tahun iaitu kira-kira pada akhir tahun 1983. Setakat ini kira-kira 54% daripada projek perubahan TV ke warna telah dicapai dan peruntukan yang dipohon bagi tahun 1980 akan membantu Kementerian saya untuk meningkatkan prestasi pelaksanaan projek siaran TV Warna itu.

Bagi siaran radio pula tumpuan sedang dibuat untuk memperluaskan lagi perkhidmatan Suara Malaysia ke seberang laut di samping mengisi kekosongan-kekosongan yang masih berlaku di beberapa kawasan di dalam negara ini akibat keadaan alam sekitar di tempat-tempat yang berkenaan itu dan menyebabkan siaran-siaran terganggu atau tidak dapat menerima siaran dengan memuaskan.

Dengan pelancaran Stesyen Setelit Bumi yang kedua di Melaka dalam tahun 1980

dan juga dengan adanya kemudahan dari Setelit PALAPA, kegiatan-kegiatan komunikasi dalam dan luar negeri akan juga dapat diperbaiki dan diperluaskan lagi. Alat perhubungan tersebut akan membolehkan kita merapatkan lagi komunikasi di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan memudahkan proses penyatuan komponen-komponen di dalam Malaysia sambil mempererat lagi perpaduan di kalangan rakyat. Kementerian saya akan memperluaskan liputan rancangan-rancangan RTM di samping menyeragamkan rancangan-rancangan yang disiarkan menerusi radio dan TV ke seluruh negara. Dalam bidang ini ada termasuk cadangan untuk menyambung siaran rangkaian 2 dari Semenanjung ke Sarawak dan Sabah, menerusi Kuching, dengan distrukturkan semula rancangan-rancangan dari rangkaian tersebut dan diselaraskan dengan keadaan di masa pelaksanaannya kelak.

Menyebut tentang setelit PALAPA, perkara mengenai perhubungan dan persahabatan antara negara kita dengan Indonesia adalah menjadi nyata. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kerjasama menerusi setelit tersebut telah dapat dijalinan dengan siaran-siaran TV Warna mengenai rancangan-rancangan sukan yang dilangsungkan semasa Sukan Asia Tenggara ke 10 pada bulan September yang lalu. Saya bercadang menambah usaha kerjasama seperti itu dan kini Kementerian saya sedang merancang projek-projek yang melibatkan siaran 2 hala menerusi radio dan TV mengenai rancangan-rancangan yang saling memenafaatkan rakyat-rakyat di negara ini dan negara Indonesia. Adalah diharapkan langkah seperti ini akan menjadi titik permulaan bagi kerjasama yang bertambah di kalangan negara-negara ASEAN dalam bidang kebudayaan dan komunikasi.

Sebenarnya, Kementerian saya sedang memainkan peranan yang cergas bagi mewujudkan kerjasama ASEAN dalam bidang tersebut, terutama dalam bidang perfileman dan seni musik. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat filem penerbitan bersama Filem Negara dan RTM, berjudul "Dayang Suhana", telah ditayangkan di Jakarta pada masa Pesta Filem ASEAN ke 9 dan selepas daripada itu. Pada awal tahun 1980 pula Kementerian saya akan mengutuskan Orkes RTM ke Indonesia dan Singapura sebagai

langkah membawakan identiti dan ciri-ciri Malaysia dalam seni musik ke negara-negara ASEAN.

Bidang komunikasi sentiasa memerlukan sumbangan filem-filem dengan banyak dan yang bermutu. Kerajaan sedar bahawa peranan industri perfileman tempatan perlu dipergiatkan bagi memperkayakan kebudayaan Malaysia di samping memenuhi kehendak media seperti pawagam-pawagam, siaran TV dan juga oleh yunit-yunit Jabatan Penerangan.

Bersamping dengan matlamat ini, dari segi bahan-bahan sebaran am yang penting digunakan, kegiatan-kegiatan Filem Negara akan terus dijalankan untuk menerbitkan filem-filem dokumentari, trailer-trailer filem-filem feature dan sebagainya. Bahan-bahan itu adalah untuk ditayangkan sebahagian besarnya melalui yunit-yunit bergerak Jabatan Penerangan dan juga di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri dan pameran-pameran antarabangsa. Filem Negara akan juga meneruskan tugasnya membekalkan TV Malaysia dengan bahan-bahan sebaran am yang tertentu dan bekalan ini akan ditingkatkan lagi apakala kemudahan-kemudahan teknik yang sedang ditambah di Filem Negara itu disempurnakan. Lebih-lebih lagi penting oleh kerana dalam proses perubahan ke TV Warna pihak RTM memerlukan kemudahan peralihan, seperti studio dan sebagainya, akibat daripada kerja-kerja pembangunan yang sedang berlaku di Angkasapuri bagi perubahan itu.

Dalam pada itu langkah sedang diambil bagi mendapatkan kemudahan-kemudahan dan alat-alat yang boleh saling digunakan oleh RTM dan Filem Negara supaya mereka dapat mempercepatkan pengeluaran bahan-bahan seranta yang diperlukan itu.

Saya suka menyatakan di sini satu peranan Filem Negara yang jarang diketahui oleh umum, iaitu usahanya membantu dalam usaha memperkembangkan industri-industri filem dalam negara ini. Dengan tujuan ini, di mana yang boleh, alat-alat dan kemudahan-kemudahan perfileman Filem Negara adalah disewakan kepada pihak swasta dengan diberi khidmat nasihat dan perkhidmatan professional yang terdapat dalam jabatan itu. Dalam tahun-tahun yang lalu ramai pengusaha-pengusaha filem tempatan telah

menerima perkhidmatan teknik dan khidmat nasihat Filem Negara. Kementerian saya bercadang meningkatkan perkhidmatan ini dengan mendapatkan alat-alat rakaman perfileman yang lebih moden, bagi meninggikan mutu pengeluaran filem-filem tempatan.

Jabatan Penerangan pula akan memusatkan lagi aktiviti-aktivitinya dalam usaha menyampaikan penerangan, menyalurkan idea-idea baru kepada rakyat dan menggalakkan mereka bersikap positif serta berusaha demi kemajuan dan perpaduan. Aktiviti-aktiviti itu akan ditegaskan di kalangan belia-belia bagi menerangkan dan meyakinkan mereka tentang dasar-dasar Kerajaan dan "rationale" serta latar-belakang mengenai dasar-dasar itu. Ini memandangkan bertambahnya masyarakat generasi baru yang lebih "sophisticated" yang dilahirkan selepas zaman kemerdekaan dahulu.

Sementara itu, tiga buah Pusat Penerangan atau Biro Penerangan dan Perkhidmatan Rakyat akan ditubuhkan dalam tahun 1980 iaitu di Petaling Jaya, Muar dan Kluang. Sebagaimana yang termaklum Pusat Penerangan adalah dimaksudkan menjadi pusat atau nadi kegiatan-kegiatan penerangan dalam bandar dan bertindak untuk membantu rakyat dengan memberi penjelasan yang sesuai dan benar untuk mententeramkan fikiran rakyat berhubung dengan perkara-perkara sosial, politik, ekonomi dan lain-lain dan mendapatkan reaksi dan rakyat terhadap dasar-dasar projek Kerajaan.

Dalam rancangan untuk menjalankan tugas-tugas penerangan yang diuraikan di atas, sebanyak 11 buah Pejabat Penerangan Daerah yang baru adalah dalam peringkat pembinaan sekarang dan dijangka siap pada tahun 1980. Pejabat-pejabat Daerah itu akan dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan yang sesuai dengan keadaan semasa dan akan membantu usaha-usaha agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam pelaksanaan dasar dan projek-projek pembangunan yang melibatkan kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya telah membentangkan cadangan-cadangan seperti diuraikan dan berharap Butiran-butiran di bawah Maksud B. 45, B. 46 dan B. 47 dan Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbelanjaan untuk Maksud B. 45, B. 46 dan B. 47 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 di bawah Kementerian Penerangan sekarang terbuka untuk perbincangan.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan sebelum Yang Berhormat memulakan ucapan saya minta ucapan-ucapan dibuat dengan ringkas, saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada pukul 7.00 malam selewat-lewatnya.

5.48 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, muka surat 379 dan Butiran 1100, Aktiviti (2) Rancangan, muka surat 386.

Saya berterima kasih sekiranya dapat diambil tindakan mengenai rancangan penerbitan TV kita. Rancangan-rancangan penerbitan yang dikelolakan oleh radio saya rasa lebih bermutu jika dibandingkan dengan rancangan penerbitan yang disiarkan oleh TV Malaysia. Saya tahu bahawa ramai Penerbit atau Pegawai-pegawai Radio dan TV dihantar berkursus atau berlatih di luar negeri seperti di England, Amerika Syarikat, Jerman Barat, Jepun, Australia dan berbagai-bagai tempat lagi tetapi apa yang saya perhatikan ialah bahawa rancangan penerbitan TV begitu juga, ini boleh diperhatikan di dalam rancangan atau program yang disiarkan pada sepanjang masa.

Saya berpendapat apabila pegawai-pegawai atau penerbit-penerbit yang mengeluarkan sesuatu rancangan itu dihantar berkursus di luar negeri, maka sudah sewajarnya apabila dia balik ke tanahair kelak ada pembaharuan yang dibuat untuk sesuatu rancangan penerbitannya itu sekurang-kurangnya, tetapi apa yang saya perhatikan bahawa rancangan-rancangan tetap seperti rancangan itu juga.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sedia maklum bahawa radio dan televisyen adalah satu tempat hiburan, yang dapat memberi berbagai-bagai contoh dan tauladan serta memberi kesan yang begitu nyata. Saya ingin mengesyorkan di sini bahawa kalau dapat diadakan bahawa pada tiap-tiap hari diadakan satu rancangan hiburan seperti Drama

Minggu Ini umpamanya yang diadakan tetap pada tiap-tiap malam Isnin. Kalau ini dapat diadakan satu rancangan yang tetap, saya rasa sekurang-kurangnya dapat memberi sedikit kepuasan hiburan seperti hari ini pihak-pihak penerbit saya rasa tentu boleh mengkaji akan hal ini tentang bagaimana saya boleh diubahsuaikan yang berbentuk hiburan selain daripada rancangan biasa yang disiarkan.

Tuan Pengerusi, Butiran 45—Mengadakan Siaran Televisyen Berwarna di Malaysia, muka surat 395. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah mengenai rancangan penerbitan tempatan. Kalau boleh biarlah secara berwarna. Ini boleh dilakukan kerana rancangan seumpama ini biasanya adalah rancangan yang baru yang boleh dikendalikan oleh pihak televisyen itu.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga mengenai dengan filem-filem yang ditayangkan di televisyen. Kita tahu bahawa filem-filem Melayu itu kurang kalau ada pun filem-filem Melayu yang lama yang selalu diulang-ulangkan siarannya. Mungkin saya rasa disebabkan kesukaran untuk mendapatkan bekalan-bekalan filem ini dari pihak Shaw Brothers ataupun Cathay Organisation, di mana filem-filem yang lebih umur daripada sepuluh tahun ke atas barulah boleh dibekalkan untuk ditayang di televisyen. Kalau ini tujuannya saya rasa sebagai ganti untuk filem-filem Melayu molek juga difikirkan untuk mendapat filem-filem dari negara-negara Islam, misalnya daripada Turki, Mesir, Pakistan yang boleh dibuat dubbing ke Bahasa Melayu ini boleh dilakukan sebagai mengisi kekosongan filem-filem Melayu selain daripada filem-filem Indonesia yang ditayangkan di televisyen.

Sebagaimana minggu yang lepas, Tuan Pengerusi, satu tayangan filem Indonesia terlalu sedih melihatnya, tertunggu-tunggu setelah diputus sehingga tidak dapat disiarkan langsung. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya perkara ini tidak berlaku lagi oleh kerana kita tahu tayangan filem Melayu sekali sahaja di dalam seminggu, sepatutnya pihak berkenaan hendaklah mencari filem-filem yang baik untuk tontonan kita.

Tuan Pengerusi, Butiran 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am dan Aktiviti (2)—Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Gerakan sivik ini saya rasa perlu diperhebatkan lagi sekarang memandangkan gerak langkah yang dijalankan oleh musuh kita yang boleh mencemarkan fikiran rakyat di kampung-kampung gerakan seperti ini bukan sahaja dapat menyampaikan hasrat dan cita-cita Kerajaan tetapi juga dapat menyampaikan tujuan sebenar rancangan-rancangan Kerajaan untuk faedah rakyat seluruhnya.

Bagi rakyat luar bandar gerakan sivik ini perlu ditingkatkan lagi. Dengan jalan ini, saya rasa dakyah-dakyah yang disebarkan untuk meracunkan fikiran rakyat dapat ditepikan dengan mudahnya. Untuk ini pegawai-pegawai luar itu perlulah diberi elaun yang secukupnya supaya mereka dapat bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh lagi.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat inilah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan Kementerian Penerangan.

Tuan Pengerusi: Bagus, ringkas seperti ini dapat ramai Ahli Yang Berhormat bercakap.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

5.55 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai Maksud Bekalan 45, Butiran 1100, Aktiviti (6)—Geraksaraf yang telah diberi peruntukan sebanyak \$1,964,256 termasuk emolumen dan lain-lain perbelanjaan.

Walaupun jumlah peruntukan itu sudah besar tetapi saya merasakan peruntukan itu tidak mencukupi lagi khususnya apabila diukur dari skop dan tujuan bidang tugas aktiviti Geraksaraf ini yang antara lain termasuk untuk mempengaruhi dan merubah sikap dan pemikiran rakyat, mendorong rakyat supaya menerima dan menyokong semua rancangan bagi faedah dan kebajikan negara.

Secara ringkasnya, Tuan Pengerusi, tugas dua hala Bahagian Geraksaraf ini ialah pertama, amal maaruf, iaitu menyeru rakyat supaya menyambut baik semua rancangan untuk kebajikan masyarakat dan negara. Yang kedua, ialah *nahi mungkar* iaitu menumpaskan musuh negara termasuk anasiran-anasir komunis dan apa juga element yang boleh memecahbelahkan perpaduan di negara ini.

Tuan Pengerusi, walaupun banyak sudah usaha-usaha gigih yang telah dijalankan oleh Kementerian ini dalam usaha perang saraf dengan berbagai rancangan tetapi saya rasa bimbang, takut kalau-kalau cara pelaksanaan itu tidak menyelurahi. Ini terbukti dengan terdapatnya suara-suara sumbang yang menentang Dasar Ekonomi Baru oleh sebahagian daripada penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Contoh lain, Tuan Pengerusi, ialah penglibatan beberapa orang penuntut di sebuah sekolah menengah di Johor dengan kegiatan subversif komunis dan banyak lagi contoh-contoh lain. Bagi memperbaiki dan meningkatkan lagi prestasi aktiviti perang saraf ini, saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya selain daripada usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan, Kementerian juga hendaklah, pertama, menubuhkan sebuah yunit perang saraf penuntut dengan menumpukan bidang tugasnya kepada pelajar-pelajar ataupun penuntut-penuntut di dalam dan luar negeri. Yang kedua, menambahkan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam aktiviti perang saraf ini yang terlatih dan ketiga, merancangannya (method) yang lebih berkesan yang sesuai dengan kehendak masa kini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Maksud Pembangunan P. 45, Butiran 5—Berita Nasional Malaysia (Bernama) yang telah diberi peruntukan secara langsung bagi tahun 1980 nanti sebanyak \$2,500,000. Bernama memainkan peranan penting di dalam negara kita. Peranan Bernama sebagai sebuah agensi berita dalam negara seperti Malaysia ini amatlah besar, melalui Bernama kelisahan dan penderitaan rakyat dapat diketahui oleh Kerajaan. Juga melalui Bernama segala maklumat-maklumat Kerajaan dapat disalurkan kepada rakyat. Lebih jauh dari itu, Tuan Pengerusi, melalui Bernama beritaberita dan cerita-cerita yang boleh menaikkan nama negara di luar negeri dapat dilakukan. Menyedari kepentingan inilah maka sebuah bangunan yang selisa, sesuai dengan segala-galanya amatlah mustahak dan untuk tujuan itu saya merasakan Kerajaan melalui Kementerian Penerangan hendaklah memikirkan tentang tambahan peruntukan kepada agensi Bernama ini.

Dari perhatian kita kepada kegiatan Bernama kini, Bernama kurang meliputi cerita mengenai human interest, kurang menyalur-

kan berita-berita tanahair ke luar negeri. Kita tidak tahu sudahkah diadakan horizontal expansion unit yang boleh meliputi di lapangan-lapangan yang khusus seperti lapangan-lapangan wanita, kanak-kanak dan berbagai-bagai lagi. Pun kita ragu apakah perkhidmatan berita am di Bernama dengan kakitangannya yang dikatakan tidak mencukupi itu dapat disalurkan berita-berita ke luar negeri dan memprojeikkan imej negara di luar negeri.

Sepatutnya, Tuan Pengerusi, agensi seperti BERNAMA dalam apa jua bidang mestilah mendahului *Utusan Melayu*, *The New Straits Times* beberapa langkah ke hadapan khususnya dalam bidang-bidang meliputi berita dan peristiwa yang berlaku. Kalau ini dapat diadakan baharulah penubuhan agensi berita seperti BERNAMA akan memberi makna yang lebih. Saya membuat satu tesis sendiri perkara ini berlaku adalah berpunca dari kekurangan kakitangan ataupun petugas di BERNAMA. Juga saya merasakan bahawa ada kedapatan rasa tidak puashati daripada kakitangan-kakitangan di BERNAMA juga. Kalau ini betul maka saya mengesyorkan agar pihak BERNAMA patut mengambil kakitangan yang secukupnya khususnya Editorial Staff dan mengambil ramai lagi wartawan-wartawan yang berpengalaman. Kedua, mengwujudkan yunit-yunit yang belum ada liputan berita dan peristiwa. Ketiga, menjaga kebajikan kakitangan dengan membuat peluang naik pangkat kepada mereka yang berkelayakan. Kalau ini dapat dilakukan saya percaya BERNAMA akan lebih memainkan peranannya di dalam negara kita di masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka. Dan dengan sebab hendak memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun hendak bercakap saya menghadkan kepada sepuluh minit tiap-tiap seorang.

6.02 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian atas Butiran 1100, Aktiviti (3) Pelesenan (Licensing).

Tuan Pengerusi, memandangkan radio dan TV adalah merupakan satu alat penyiaran yang mustahak yang berfungsi sebagai pendidikan dan pelajaran maka DAP adalah

mencadangkan bahawa lesen-lesen bagi radio dan TV bolehlah dibatalkan dan digantikan sebagai sistem untuk hanya membayar pendaftaran sahaja iaitu bila radio dibeli dan dimiliki oleh tuannya maka hanya bayaran pendaftaran sahaja akan dikenakan umpamanya \$1 once and for all supaya penduduk-penduduk di luarbandar yang berpendapatan rendah bolehlah menikmati perkhidmatan hiburan radio dan TV. Kalau dikenakan \$24 bagi TV dan \$12 bagi radio, ini adalah merupakan satu beban dan tanggungan yang sangat berat bagi rakyat yang miskin. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu bilakah sistem lesen ini akan dibatalkan dan digantikan dengan satu sistem yang baharu iaitu sistem pendaftaran hanya bayaran \$1 once and for all yang dijalankan.

Perkara yang kedua ialah P. 45 mengenai TV iaitu muka surat 394 hingga 395. Tuan Pengerusi, di sini saya perlu sentuh bahawa Laporan Parlimen ini adalah sangat-sangat tidak memuaskan kalau kita mengkaji Persidangan Dewan Rakyat hanya diadakan tiga kali setahun dan juga Dewan Rakyat adalah merupakan sebuah badan

Tuan Pengerusi: Itu butiran berapa?

Tuan Chan Teck Chan: Butiran di bawah TV.

Tuan Pengerusi: Di bawah TV tetapi Butiran berapa?

Tuan Chan Teck Chan: Butiran 41 hingga 63 dengan ringkas kerana masa sudah singkat.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi ada bahagiannya yang tidak minta duit. Bahagian yang tidak minta duit tidak boleh disentuh.

Tuan Chan Teck Chan: B. 46, muka surat 386, Aktiviti (2)—Rancangan.

Tuan Pengerusi: Itu boleh.

Tuan Chan Teck Chan: Di bawah rancangan ini haraplah Laporan Parlimen ini boleh diberi masa yang lebih panjang supaya segala berita-berita yang mustahak, segala Akta-akta atau Undang-undang dan perkara hal ehwal yang berkaitan dengan kepentingan negara ini boleh dilaporkan dalam program Laporan Parlimen. Dengan

masa yang ada sekarang di dalam program Laporan Parlimen sangat-sangat tidak mencukupi kadang-kadang beberapa perkara yang mustahak berita tidak dilaporkan di dalam Laporan Parlimen. Satu kelemahan dalam program Laporan Parlimen ini ialah ianya hanya dilaporkan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tetapi tidak dilaporkan dalam bahasa Mandarin. Kerana segala kenyataan dan Laporan Parlimen ini adalah sangat mustahak untuk disampaikan segala message dan berita laporan yang penting kepada masyarakat Tionghua juga maka saya adalah mendesak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mempertimbangkan bahawa Laporan Parlimen ini juga boleh dimasukkan dalam program bahasa Mandarin supaya rakyat Malaysia keturunan Cina boleh mengikuti perkembangan apa yang berlaku di dalam Dewan Rakyat ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu bilakah program Laporan Parlimen dalam bahasa Mandarin ini akan dijalankan.

Tuan Pengerusi, saya juga akan sentuh mengenai pendidikan TV pada waktu cuti sekolah. Nampaknya pelajaran TV pada waktu sekolah tutup atau sekolah cuti tidak disiarkan. Saya harap program pelajaran TV ini perlulah dijalankan terus menerus juga termasuk dalam tempoh cuti persekolahan. Ini adalah sangat mustahak untuk memberi satu peluang kepada pelajar-pelajar Malaysia dapat mengikuti kursus-kursus pelajaran melalui TV pada waktu cuti persekolahan. Ini akan menolong Kementerian Pelajaran untuk menjalankan usaha mempertingkatkan taraf pelajaran pelajar-pelajar Malaysia. Saya harap cadangan DAP ini juga boleh dipertimbangkan dan juga sistem video-tape melalui pelajaran TV ini perlulah diperkenalkan supaya pelajar-pelajar boleh mengikuti kursus pelajaran TV lebih mendalam umpamanya sains atau beberapa perkara yang perlu ditayangkan supaya murid-murid boleh menangkap isi kandungan mengenai kursus-kursus atau tajuk-tajuk yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya hendak sentuh mengenai B. 45, muka surat 384, Butiran 5—Berita National Malaysia (BERNAMA). Nampaknya BERNAMA sudah dijadikan satu tong sampah untuk dibuang orang-orang yang tidak dikehendaki daripada RTM seperti Pengurus Besar atau Ketua Pengarahnya. Ini tidak akan menolong

peranan menjadikan sebagai sebuah badan yang berkesan untuk memainkan peranan yang begitu mustahak di sisi fungsinya sebagai badan untuk menyampaikan berita-berita dan menyiarkan segala peristiwa yang mustahak. Kalau ianya hanya diuruskan dan ditadbirkan oleh orang-orang yang tidak berkelayakan maka bagaimana BERNAMA boleh dijadikan sebagai badan yang berkecekapan yang berkesan untuk menjalankan tugasnya dan juga berlakunya salahguna kuasa oleh Pengerusi Besar. Saya harap surat-surat terbang ini bolehlah disiasat adakah benar atau tidak benar Pengurus Besar BERNAMA telah menyalahgunakan kedudukannya umpamanya kereta BERNAMA digunakan sebagai kegunaan diri sendiri dan juga claim yang tidak sewajarnya telah dikemukakan. Saya harap semua perkara ini boleh disiasat dengan lebih lanjut.

Akhirnya, saya perlu sentuh peranan Pemberita BERNAMA. Nampaknya mereka sebagai wartawan tetapi mereka tidak menikmati berbagai faedah sebagai wartawan seperti wartawan-wartawan akhbar yang ada di Malaysia, mereka hanya dianggap dan diterima sebagai kakitangan Kerajaan sahaja. Ini akan mengakibatkan pemberita-pemberita dan wartawan-wartawan BERNAMA kehilangan fungsi mereka yang berkecuali untuk melaporkan berita atau menjalankan tugas mereka. Wartawan suratkhbar swasta boleh menikmati bonos setiap tahun tetapi pemberita BERNAMA tidak dapat kerana mereka dianggap sebagai kakitangan Kerajaan, tetapi tugas mereka adalah seberat seperti wartawan dan pemberita suratkhbar swasta.

Mengenai berita-berita yang dilaporkan oleh BERNAMA, saya harap ianya boleh memainkan satu peranan yang berkecuali bukan hanya melaporkan berita-berita daripada Barisan Nasional sahaja kerana BERNAMA adalah sebagai badan yang berkecuali, maka perlulah berita-berita dari semua pihak dapat dilaporkan dengan secara adilnya dan pemberita-pemberita ini tidak boleh menunjukkan apa-apa "bias" atau memihak kepada mana-mana pihak berkenaan. Inilah yang sangat mustahak dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini apakah tindakan akan diambil untuk menyusun semula keseluruhan jentera dan organisasi

BERNAMA yang ada hari ini kerana organisasi BERNAMA hari ini telah membawakan satu frustration dan satu asas di kalangan kakitangan dan semangat pekerja-pekerja yang ada di BERNAMA.

Saya harap Yang Berhormat boleh memberitahu Dewan yang mulia ini apakah langkah yang akan diambil bukan sahaja menyiasat aduan-aduan orang ramai tetapi juga menyiasat apa sebab berlakunya ketidakpuasan di kalangan kakitangan BERNAMA.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

6.12 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, yang pertama saya mahu sebut mengenai Penerbitan dalam Jabatan Penerangan.

Saya baru balik dari Pulau Ketam dan Pelabuhan Kelang di mana ada dijalankan pilihanraya kecil dan di dalam kawasan saya telah dapat satu penerbitan

Tuan Pengerusi: Penerbitan di bawah tajuk mana?

Tuan Lim Kit Siang: Jabatan Penerangan.

Tuan Pengerusi: Ada banyak, di bawah tajuk mana?

Tuan Lim Kit Siang: Butiran 1100, Aktivi (4)—Penerbitan. Telah dapat satu penerbitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia di dalam bahasa Cina. Ini sangat baik oleh kerana negara kita adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, yang ada berbagai-bagai bahasa tetapi nampaknya sangat jaranglah di mana publications Jabatan Penerangan ada dikeluarkan dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil. Tetapi apabila ada pilihanraya besar atau pilihanraya kecil, keluarlah publications dalam bahasa Cina dan publication ini ialah mengenai lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China yang menunjukkan gambar di depan berjumpa dengan Hua Guofeng.

Kita tahu dan kita ada sebut dalam Dewan ini Jabatan Penerangan selalu menjadi satu propaganda am kepada Barisan Nasional; bukan sebagai satu jentera untuk memberi

maklumat kepada rakyat mengenai penerangan Kerajaan tetapi untuk menjadi satu alat Barisan Nasional semacam ini. Ini tentulah tidak terdapat di lain-lain kawasan tetapi di Pelabuhan Kelang, di Pulau Ketam setiap orang dapat satu buku. Tidak tahu berapa banyak wang dibelanjakan dan dibuang. Inilah satu contoh.

Kita tahu di masa yang lalu, di tahun 1974, Jabatan Penerangan pun ada salahguna wang rakyat di mana risalah-risalah mengenai lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak berjumpa mendiang Pengerusi Mao Tze Tung. Ini pun diterbitkan. Nampaknya masa tahun 1974 Mao Tze Tung sudah jadi Pengerusi Barisan Nasional dan bertanding dalam Malaysia dan sekarang nampaknya Pengerusi Hua Guofeng ada bertanding dalam pilihanraya kecil Pelabuhan Kelang. Inilah contoh di mana salahguna wang, salahguna kuasa Jabatan Penerangan dan saya mahu satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Apa yang kita mahu ialah penerbitan-penerbitan (publications) dalam semua bahasa, bukan satu bahasa untuk bila mahu dapat undi sahaja. Melalui radio, melalui televisyen rancangan-rancangan disiarkan dalam semua bahasa bukan kerana apa, tetapi oleh kerana inilah essence, character masyarakat majmuk kita. Tetapi apa yang berlaku tidak begitu. Apabila ada dijalankan exercise untuk pendaftaran pengundi-pengundi, risalah-risalah dikeluarkan dalam satu bahasa sahaja. Tidak ada untuk memudahkan rakyat boleh pergi mendaftar sebagai pengundi-pengundi. Tidak ada risalah-risalah dikeluarkan dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil tetapi sekarang ini ada.

Saya harap kita jangan menjalankan satu dasar yang "hypocritical" seperti yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan. Apa yang kita mahu ialah semua maklumat-maklumat yang boleh membantu rakyat dalam keempat-empat bahasa.

Mengenai rancangan televisyen—masalah penonton-penonton di Sabah dan Sarawak. Penonton-penonton televisyen di sana sampai masa hari ini tidak boleh dapat program-program melalui televisyen, sebagai contoh bahasa Cina belum ditentukan sungguhpun beberapa tahun televisyen telah diadakan di Sarawak dan Sabah. Penonton-penonton di Sabah dan Sarawak belum ada peluang

melihat satu filem dalam bahasa Cina; selain daripada satu kali dalam Tahun Baru Cina tahun ini. Itupun selepas kritik-kritik dikemukakan oleh pihak di sini.

Saya harap bukan sahaja program di Sabah dan Sarawak tetapi juga program dalam Semenanjung Malaysia. Selalu ada terdengar seruan-seruan, kritik-kritik oleh Pemuda MCA mengatakan bahawa program radio adalah menggunakan bahasa campur; satu program yang rojak. Tetapi siapa Timbalan Menteri—pemimpin MCA; apa guna? Kita mahu perkara ini dibetulkan.

Tuan Pengerusi, saya mahu sebut sedikit mengenai P. 45 berkaitan BERNAMA. Tuan Pengerusi, sudah berapa tahun BERNAMA ditubuhkan sebagai satu "news gathering agency" dan masanya sudah sampai di mana kita mahu BERNAMA boleh jadi satu agensi yang berasing, yang berpisah daripada Kerajaan bukan dianggap dan dilayan sebagai satu Jabatan Kerajaan. BERNAMA mesti jadi satu badan yang bersendirian, tidak dipengaruhi oleh Kerajaan dan tidak diperalatkan oleh Kerajaan untuk menyebarkan berita-berita atau laporan-laporan dan kalau mahu begitu beberapa perubahan mesti dibuat termasuk satu kajian bagaimana BERNAMA boleh jadi satu agensi yang benar-benar independent. Tidak boleh dinafikan sampai sekarang BERNAMA sebenarnya satu Jabatan Kerajaan sahaja. Sebab itu tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka ada sebut layanan kepada wartawan-wartawan dan saya rasa masanya sudah sampai untuk menjadikan BERNAMA sebenar-benarnya sebagai satu badan yang tersendiri (independent) dengan character corporate bersendirian. Itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Selepas Ahli Yang Berhormat dari Kangar, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.20 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan Kementerian Penerangan, suka saya menyentuh berkenaan dengan muka surat 379 berkenaan dengan Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, penerangan dan penyiaran adalah satu alat yang penting kepada negara,

baik buruknya negara dapat diketahui oleh rakyat, baik yang ada dalam negara kita Malaysia atau luar negeri ialah melalui penerangan. Maka dengan sebab itu, saya berpendapat Kementerian Penerangan patutlah diawasi dengan betul-betul, kerana setahu saya hari ini dan saya agak beritanya amatlah tepat, Kementerian Penerangan khususnya Angkasapuri tidak begitu dikawal ataupun tidak ada setahu saya sekuriti semacam mana di tempat lain. Pendek kata, kalaulah seorang itu datang masuk Kementerian Penerangan mengambil tempat penyiaran dan sebagainya tidaklah begitu payah.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat masuk senang sahaja?

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya dapat tahu

Tuan Pengerusi: Fasal sudah kenal.

Tuan Shaari bin Jusoh: Dan apatah lagi kalaulah orang yang hendak masuk itu caranya bergaya sedikit dengan pakai coat dan sebagainya cuma disiasat sedikit. Kalau yang hendak masuk itu terdiri daripada orang yang agak oleh pengawal tidak begitu bergaya pakaianya, tidak begitu handsome dan tidak begitu style, mereka periksa betul-betul. Jadi kita dapat tahu kadang-kadang macam di Iran, Kedutaan Amerika telah ditawan oleh pelajar-pelajar, di negeri kita sendiri di Malaysia pun di Jalan Ampang satu ketika telah menjadi tempat tawanan. Saya takut mana tahu satu hari dengan tidak dikawal Angkasapuri itu ada orang yang tak bertanggungjawab datang ke sana merampas Kementerian Penerangan menyiarkan apa-apa hal yang telah berlaku dalam negara kita. Ini boleh jadi kalau kita tak kawal dengan baik. Pada pendapat saya, ini adalah sebagai satu tempat pusat untuk diketahui oleh umum baik ataupun buruk, maka dengan sebab itu sekuriti yang ketat patutlah juga diadakan di Kementerian Penerangan, bukan hanya di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan lain-lain. Kementerian Penerangan juga satu tempat yang paling penting, kerana kalau dirampas di situ diambil penyiaran dahulu, sebagai contoh, sebelum Kementerian dapat mengawasi dan mententeramkan balik, saya percaya dalam masa 5-10 jam haruslah rakyat Malaysia ini bercempera dan tak terkawal. Dengan sebab itu, ini satu perkara yang agak saya amat penting diawasi oleh pihak Kementerian berkenaan.

Tuan Pengerusi, beralih saya dalam perkara (4)—Penyelidikan dan Perancangan. Saya berpendapat perkara ini patut dilipatgandakan lagi. Satu-satu perkara itu patut kita selidik dengan sedalam-dalamnya kemudian baru kita rancang dan laksanakan, bak kata orang seorang doktor sebelum dia hendak beri ubat tidak ada yang lebih baik daripada dia periksa dahulu seseorang itu apa sakitnya, selepas itu dia beri ubat maka barulah mustajab. Begitulah pendapat saya di segi penyelidikan dan perancangan itu patutlah diselidik dahulu dengan cara mendalam kemudian selepas itu dilaksanakan dengan sesungguh-sungguhnya. Tentang apa yang dikata oleh parti Pembangkang, saya berpendapat sebagai Kementerian Penerangan di bawah Kerajaan Barisan Nasional hari ini agak saya tidak salah kalau dia akan terang apa yang dilakukan oleh Kerajaan. Itu adalah tanggungjawab Kementerian Penerangan. Pendek kata, kalau Kementerian Penerangan hari ini tidak terangkan di mana Dato Hussein pergi sebagai Perdana Menteri, di mana Dato' Seri Dr Mahathir pergi sebagai Timbalan Perdana Menteri, di mana Menteri-menteri buat dan laksanakan, itu Kementerian Penerangan tidak menjalankan tugas. Jadi, pada pendapat saya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Petaling, kalau Jabatan cerita benda itu bohong, itu boleh jadi salah, tetapi kalau apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan, apa yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Kementerian Penerangan kena siar dalam TV, kena beritahu dalam radio, kena keluar dalam akhbar, itu tugas dia. Kalau kerja itu tak dibuat, Kementerian Penerangan tidak jalankan tugas. Tetapi saya heran kalau dia buat kerja bohong dia boleh adu kepada mahkamah dan sebagainya kerana Kementerian Penerangan menjalankan kerja yang tak betul. Kalau benda betul itu adalah tugas dia, dia kena buat kerja yang macam itu, itu bukan salah walaupun keluar wang berapa juta ringgit.

Tuan Pengerusi, saya masih ingat lagi satu benda kita sebagai manusia kalau sekadar kita buat satu benda tidak ada iklan benda itu tidak diketahui umum. Sebab itu dalam agama kita pun cara yang digunakan hari ini secara dakwah, ada yang kata mubaligh dan sebagainya cara beri penerangan, itu sungguh penting dalam agama. Pendek kata, kalau satu benda kita buat baik pun orang tak tahu benda itu tak berkesan. Jadi dengan

sebab itu Kementerian Penerangan saya tegas-kannya sekali lagi adalah satu perkara yang penting dan mustahak dan dia bekerja di bawah Kerajaan Barisan Nasional hari ini yang dilantik oleh Dato Hussein sebagai Perdana Menteri. Jadi dia terangkan apa yang Kerajaan buat itu adalah satu benda yang kita buat, biarlah Pembangkang hendak kata itu terpulang kepada dia, baik dalam masa pilihanraya atau bukan dalam pilihanraya dan sebagainya. Saya rasa amat dukacita kalau ditegur oleh Pembangkang, kita keluarkan siaran bahasa Inggeris atau bahasa Cina kita hendak beri orang faham. Kalau tempat itu orang Cina banyak, kita beritahu dengan bahasa Cina, kalau tempat itu orang Melayu banyak, kita beritahu dengan bahasa Melayu, walaupun Bahasa Rasmi Bahasa Kebangsaan tetapi hendak beri rakyat faham. Kalau kita bohong benda itu salah tetapi kalau benda betul, ini wajib dia kena buat.

Tuan Pengerusi, beralih saya di segi lain mengenai Filem Negara.

Saya berpendapat patutlah usaha Filem Negara dilipatgandakan lagi dengan berbagai filem. Walaupun hari ini dalam TV banyak tetapi filem yang ditayangkan kita ambil daripada Amerika, ambil dari London dan juga lakunan yang dilakukan oleh Allahyarham P. Ramlee dan beberapa pelakon masa lepas baik dalam cerita Melayu dan Indonesia seperti kata wakil dari Tumpat tadi pelakon-pelakon baru tidak ada. Jadi dengan sebab itu kita pandai buat filem. Saya berpendapat patut Filem Negara banyak membuat filem yang menunjukkan kemajuan-kemajuan dalam negara semacam mana saya tengok itu kadang-kadang Filem Negara mengarang berkenaan lalu lintas selalu dibuat gambar kemalangan. Jadi, tujuan Filem Negara karang ini supaya jangan lari deras, bahaya di tengah jalan. Saya mencadangkan karang apa-apa filem yang boleh menaikkan semangat berdikari, menaikkan semangat bersatu-padu, menaikkan semangat orang bekerja dengan baik, menaikkan semangat orang belajar. Jadi cari filem atau pelakon-pelakon dan ditayangkan baik secara umum, begitu juga kalau boleh ditayangkan dalam TV dan sebagainya. Saya berpendapat patut dibanyakkan lagi.

Tuan Pengerusi: Ada 1½ minit lagi, boleh teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Sedikit sangat. Tuan Pengerusi, berkenaan B. 46 mengenai Rancangan-rancangan, penduduk-penduduk kampung mereka amatlah suka dengan berita-berita peristiwa. Dengan sebab itu, saya berpendapat patutlah rancangan dalam TV itu ditambah seberapa banyak yang sesuai, kalau boleh dibanyakkan sedikit rancangan Bahasa Malaysia, khasnya peristiwa, kerana rakyat akan dapat tahu daripada berita-berita peristiwa. Misalnya, kita kata di mana dibuat pembangunan, misalnya, di Perlis, di Kedah, di Kuala Lumpur bahkan di seluruh Malaysia kita ambil gambar sepintas lalu. Tetapi peristiwa yang saya maksudkan kadang-kadang dua minggu dahulu kita ambil gambar secara tepat apa yang berlaku, kemudian kita tayangkan dalam TV peristiwa itu dapat rakyat tengok dan perhati apa yang dijalankan oleh Kerajaan.

Saya mencadangkan supaya berita peristiwa itu kalau boleh ditambah lagi masanya, kadang-kadang kata setengah orang tak sempat tengok gambar, tiba-tiba sudah keluar gambar lain. Jadi patutlah dipanjangkan masa peristiwa dalam TV Malaysia kerana kita hari ini peristiwa dari luar negeri kalau tak silap kita tunjuk malam Jumaat. Jadi patutlah peristiwa yang ada dalam Malaysia diletakkan sedikit dan itulah kita hendak tunjukkan bukti apa yang sedang dijalankan oleh Kerajaan hari ini kepada orang kampung. Kalau hendak ikut atau tidak ikut oleh Parti Pembangkang, itu terserahlah kepada dia.

Seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kelmarin, Parti Pembangkang ini, kita buat apa pun dia tidak pernah kata tidak salah. Tulis bahasa Cina pun dia marah sebab masa pilihanraya kalau tidak tulis bahasa Cina pun, dia kata tiada langsung bahasa Cina. Padahal saya sendiri yang duduk berhampiran dengan sempadan saya tidak pernah dengar selain daripada bahasa Thai daripada orang-orang bangsa Thai. Itu patutlah kita rakyat Malaysia ini yang sudah merdeka lebih dua puluh tiga tahun tidak payah lagi sebut bahasa itu atau bahasa ini. Patutlah kita pakai Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi. Tetapi dia cakap tadi dua belah, tidak pakai bahasa Cina dia kata, pakai bahasa Cina dalam buku pun dia kata, ikut manapun dia cari jalan hendak hentam sahaja. Itu terpulang kepada mereka. Maka dengan sebab itu masa pun sudah habis dan dengan ini saya sokong peruntukan dan saya

harap apa yang saya cadangkan tadi dapat pertimbangan yang sewajarnya daripada Kementerian khususnya Timbalan Menteri yang ada di hadapan ini.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.31 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ikut serta menyokong permintaan Kementerian Penerangan bagi maksud-maksud pembangunan dan juga belanja mengurus sebanyak \$178,796,383 bagi tahun 1980.

Perkara yang pertama yang saya ingin sentuh ialah mengenai B. 47, muka surat 397 yakni mengenai Butiran 1100, Aktiviti (2)—Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Saya mengalu-alukan bahawa salah satu daripada bahagian yang penting di dalam Jabatan Penerangan atau Kementerian Penerangan ini ialah bahagian Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat dan sesuai sekiranya kakitangannya di Semenanjung sahaja bagi tahun 1980 berjumlah 994 orang dan kita dapati kerja-kerja yang dijalankan setakat hari ini boleh dibanggakan. Walau bagaimanapun patut ditambah di sana sini sesuai dengan kehendak dan tujuan asal Kementerian Penerangan sebagai menyambung lidah Kerajaan dengan rakyat dan sebagai feed-back daripada rakyat kepada Kerajaan.

Perkara yang pertama sekali yang saya hendak sentuh dalam masalah ini ialah kursus-kursus sivik. Kursus-kursus sivik ini adalah satu perkara yang selalu diadakan. Saya lebih suka kalau kursus-kursus sivik ini pihak penerangan sendiri hanya menjadi sebagai sekretariat, urusetia sahaja di mana dipanggil jabatan-jabatan lain untuk memberi penerangan-penerangan kepada orang-orang kampung terutama sekali mengenai perkara-perkara yang ada hubungan rapat dengan kehidupan mereka sehari-hari. Dalam masalah ini perkara yang patut diperhatikan oleh Jabatan Penerangan ialah kadang-kadang ada setengah-setengah tempat itu kita tidak memerlukan pegawai-pegawai yang tidak ada bersangkutan maka tidak perlu dibawa pegawai-pegawai berkenaan ke tempat-tempat demikian. Misalnya kalau di mana terdapat

kawasan getah maka Pegawai RISDA, Pegawai Pertanian dan juga pegawai-pegawai yang bersangkutan dengan pertanian hendaklah dibawa ke sana dan kadangkala tidak perlu Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah datang ke sana untuk memberi ceramah pembukaan atau penutup kerana ini merupakan satu usaha duplication dengan kerja-kerja yang dijalankan sendiri oleh pegawai-pegawai yang bersangkutan.

Saya rasa kaedah pembukaan dan penutup kursus-kursus sivik yang singkat yang diadakan setengah hari ini hendaklah kita tamatkan kerana saya dapati dalam masalah ini kadang-kadang orang-orang kita terpaksa ke bandar kerana hendak mengetahui kaedah perjalanan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Orang-orang kita terpaksa ke bandar kerana hendak mengetahui perjalanan Bank Pertanian dan seterusnya dalam masalah-masalah lain. Sekali-sekala pihak Jabatan Penerangan ini hendaklah membawa pegawai-pegawai yang bersangkutan ini ke kampung dan dalam masalah ini saya minta supaya perkara ini jangan dijadikan sebagai satu gerak kerja secara *ad hoc*, hendaklah diadakan perancangan. Misalnya pada kampung A pada tahun ini kita bawa tiga jenis pegawai daripada tiga jabatan dan pada tahun hadapan tiga lagi dan seterusnya sampai meliputi seluruh atau semua pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan yang ada kaitan atau kait-mengait dengan orang-orang kampung. Di antaranya seperti saya sebutkan tadi RISDA, LPP, Tabung Haji, Pertanian, FAMA, Haiwan dan sebagainya.

Kadangkala oleh sebab permintaan daripada pihak JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) kepada pihak Jabatan Penerangan maka kadang-kadang dibawa terlalu banyak, apakala ramai pegawai-pegawai ini maka hasilnya tidak begitu berkesan. Cara yang paling penting dalam masalah ini, saya rasa hendak diadakan satu perancangan seperti saya maksudkan tadi dan hendaklah kita bawa pegawai-pegawai yang berkenaan sementara waktu itu. Kalau perlu seorang, seorang sahaja. Misalnya apabila berlaku soal penyakit kuku dan mulut bagi lembu kerbau di Kelantan pada tahun lepas, yang pentingnya ialah Pegawai Haiwan. Tidak penting polis datang, tidak penting Pegawai Daerah datang secara langsung. Mungkin secara langsung mereka ini penting dari segi keselamatan dan juga dari segi

pentadbiran tanah dan pentadbiran manusia dalam daerah berkenaan, tetapi yang penting pada waktu itu hanya Pegawai Haiwan dan begitu juga kalau sekiranya pada musim-musim berhampiran dengan musim haji, maka pegawai yang penting ialah Pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Selain daripada kursus-kursus yang saya cadangkan supaya dirancang dari segi untuk memberi maklumat secara langsung kepada rakyat di luar bandar ini maka hendaklah juga rancangan-rancangan dibuat dengan tujuan untuk memberi maklumat secara am kepada rakyat. Misalnya dari segi keselamatan atau dari segi pertahanan negara, yakni dapat dibuat bukan melalui dialog-dialog tetapi melalui cara-cara lain seperti tayangan gambar, melalui pementasan dan sebagainya.

Saya dapati Jabatan ini telahpun menjalankan pementasan-pementasan tetapi tidak meliputi seluruh kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, setakat mana yang telah dijalankan itu kita bersyukur. Walau bagaimanapun, salah satu daripada pementasan yang saya sendiri berkesempatan menontonnya beberapa bulan yang lepas saya dapati pementasan itu terlalu banyak dengan message yang hendak disampaikan. Kadang-kadang oleh sebab terlalu banyak message atau propaganda yang hendak disampaikan, minta maaf kerana saya menggunakan perkataan "propaganda" oleh sebab terlalu banyak message yang hendak disampaikan kadang-kadang hilang punca asalnya. Kalau sekiranya kita hendak selitkan idea atau message yang hendak disampaikan oleh pihak Jabatan Penerangan atau Kerajaan melalui drama, boris, fikir barat atau sebagainya maka faktor hiburan yang menjadi faktor penarik kepada orang-orang supaya datang menonton ini janganlah ditenggelami dengan terlalu banyak faktor kita hendak menyampaikan message itu. Saya rasa tidak menjadi masalah kalau di dalam sesuatu pementasan itu kita hanya mengeluarkan tema mengenai hormat kepada orang tua, mengenai penyalahgunaan dadah ataupun mengenai pengetahuan tentang Rukunegara dan sebagainya tetapi jangan dilonggok segala-gala ini dalam satu pementasan yang mungkin memakan masa satu dua jam sahaja. Dan kadang-kadang mungkin oleh sebab saya hanya berkesempatan melihat satu sahaja pementasan, saya rasa terlalu banyak dialog daripada action.

Jadi saya minta pegawai berkenaan yang bertanggungjawab dalam masalah ini cubalah sesuaikan sedikit supaya orang tidak akan jemu melihat dan jikalau sekiranya perlu kita ulangi kali yang kedua, ketiga atau sebagainya.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sentuh dalam masa yang singkat ini mengenai B. 45, muka surat 379, Butiran 1100, Aktiviti (6) Geraksaraf.

Tuan Pengerusi, tadi sahabat saya dari Dungun telah menyebut beberapa aspek mengenai geraksaraf. Oleh sebab mungkin apa yang digeraksarafkaan sebenarnya tidak perlu kita ketahui, walau bagaimanapun kita yakin bahawa pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam soal geraksaraf tentu memainkan peranannya kalaupun tidak lebih sekurang-kurangnya sama dengan tugas Jawatankuasa Keselamatan tiap-tiap negeri.

Maka dalam hal ini, sesuai dengan keadaan negara kita ini tidak kurang daripada 62% adalah terdiri daripada rakyat yang berumur kurang daripada 21 tahun, maka saya juga hendak menekankan supaya penekanan geraksaraf ini hendaklah dilobhkan kepada soal-soal belia. Kalau tadi sahabat saya dari Dungun meminta supaya ditubuhkan satu jawatan petugas mengenai pelajar maka saya rasa tidak salah kalau kita buat satu unit khas mengenai belia kerana melalui belia-belie inilah banyak perkara yang boleh datang dan perkara-perkara ini mungkin tidak begitu sihat dari segi kesihatan ataupun untuk negara keseluruhannya.

Misalnya, Tuan Pengerusi, kita dapati bukan sahaja belia-belie kita di luar negeri sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya dari Dungun tadi tetapi juga belia-belie dalam negeri. Mereka ini adalah terdedah dengan berbagai-bagai perkara. Mungkin juga apabila kita mempersoalkan geraksaraf atau masalah keselamatan negara kita hanya teringat kepada soal komunis atau soal antinasiona, tetapi banyak lagi aspek-aspek yang lain. Misalnya perlu juga kita perhatikan kepada "literature" ataupun bahan-bahan bercetak yang dibawa dari luar negeri, walaupun ini tugas ataupun bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Bahagian Tapisan dan sebagainya, tetapi saya rasa tidak salah, kalau Bahagian Geraksaraf juga ambil tahu dalam soal ini.

Misalnya kita dapati adanya bahan-bahan percetakan gambar-gambar yang sepatutnya dilihat ataupun dibaca bahan-bahan itu oleh orang-orang dewasa sahaja tetapi oleh sebab bahan-bahan percetakan terutama sekali dalam bentuk gambar kartun dan sebagainya boleh didapati di pasaran kita, maka kita tidak boleh mengikat ataupun menahan orang-orang muda daripada membeli dan membaca bahan-bahan tersebut.

Kalau sekiranya kita menganggap soal dadah sebagai perkara yang boleh membahayakan jasmani dan rohani seseorang belia atau manusia, begitu juga bahan-bahan percetakan ini hendaklah dianggap sebagai satu racun yang sedikit demi sedikit boleh mempengaruhi sikap dan pandangan seseorang itu terhadap hidupnya. Dan saya harap Bahagian Gerak Saraf ini melihat akan perkara ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya juga mengharapkan supaya pada hari ini lantaran terdapatnya kesedaran terhadap ugama Islam di seluruh dunia maka kita hendaklah juga mencurigai bahawa kesedaran ini juga mungkin digunakan oleh pihak-pihak lain atau pihak-pihak yang anti-nasional ataupun pihak-pihak komunis kerana hendak mempengaruhi sesuatu tujuan sebagaimana yang kita semua maklum adalah bagi tujuan mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, di dalam gerakan-gerakan ini saya sebenarnya tidak bertujuan untuk mengatakan bahawa gerakan dakwah dan sebagainya tidak baik. Tetapi pihak Jawatankuasa Gerak Saraf ini juga hendaklah menaruh sesuatu syak di dalam sesuatu perkara yang melibatkan golongan muda yang saya maksudkan tadi yang dianggotai oleh kita tidak kurang daripada 62% daripada rakyat Malaysia pada hari ini. Kerana sepertimana yang kita maklum bahawa kalau sesuatu golongan atau sesuatu puak hendak mempengaruhi sesuatu negara seperti Malaysia dengan keadaan penduduknya seperti hari ini maka hanya melalui kaum beliau sebagaimana yang saya maksudkan tadi dan apatah lagi kita sedia maklum bahawa komunis tetap gagal menakluk negara ini kerana mereka tidak berjaya untuk mematahkan tulang belakang keimanan rakyat Malaysia

terutama sekali yang beragama Islam. Dalam hal ini patut juga diperhatikan kalau ada niat yang tidak baik di sebalik perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi: Masa pun sudah cukup Yang Berhormat, sudah lebih daripada masa yang ditetapkan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Terima kasih.

6.45 ptg.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberi pandangan dan cadangan yang baik serta membina diperbahasan Anggaran Belanjawan tahun 1980 bagi Kementerian Penerangan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat adalah menyentuh mengenai beberapa perkara dan sukalah saya menjawab iaitu mengenai rancangan-rancangan TV yang terpaksa diperbaiki, RTM sentiasa berusaha untuk memperbaiki lagi rancangan-rancangannya. Mengenai latihan di luar negeri, ini hanya dapat memperbaiki teknik penerbitan dan isi serta kandungannya harus disesuaikan dengan keadaan di negara ini. Proses penyesuaian ini akan mengambil masa dan akan terbukti tidak lama lagi.

Mengenai rancangan penerbitan warna ditambah ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut rancangan yang telah diumumkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga ada menyentuh mengenai filem-filem Melayu yang lama yang disiarkan. Mengenai perkara ini Kementerian Penerangan memang berusaha mendapatkan filem-filem yang sesuai untuk tayangan tetapi ini bergantung kepada perkembangan industri perfileman tempatan bagi menggantikan bekalan dari luar negeri.

Kedua-dua punca bekalan itu adalah terhad dan akan mengambil masa untuk diatasi. Walau bagaimanapun Kementerian Penerangan memandang berat perkara itu dan sedang mencuba memperluaskan lagi punca mendapatkan bekalan termasuk penerbitan sendiri oleh Filem Negara dan RTM. Dalam tahun 1980 Filem Negara akan mengeluarkan beberapa filem "feature" dan saya menjangka sekurang-kurangnya dua filem "feature" akan dikeluarkan, satu daripadanya dalam awal tahun hadapan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga ada menyentuh mengenai Gerakan Luar Sivik. Memanglah tujuan Kementerian akan lipatgandakan aktiviti luar terutamanya sivik. Rancangan ini dipergiatkan dalam tahun 1980. Pihak Perbendaharaan telah bersetuju juga pada dasarnya untuk menambah peruntukan bagi menggiatkan rancangan sivik.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh di atas lesen TV dan radio. Saya hendak menegaskan di sini iaitu bayaran lesen untuk radio dan TV adalah bayaran yang sangat-sangat rendah kalau dibandingkan dengan apa yang dibayar di negara-negara yang lain dan juga kalau ditimbangkan perbelanjaan yang diperlukan bagi perkhidmatan ini.

Sungguhpun demikian Kerajaan memang insaf akan kesusahan yang dialami oleh golongan berpendapatan rendah yang ada di luar bandar.

Kerajaan telahpun mula melaksanakan sistem di mana mereka yang menggunakan radio bimbit satu gelombang (medium wave) akan dikenakan bayaran \$5 sekali sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga ada menyentuh di atas Laporan Parlimen di bahasa-bahasa lain. Pada waktu ini masa siaran Laporan Parlimen dianggap sesuai. Semua berita penting yang dibincangkan dalam Parlimen adalah disiarkan sepenuhnya tiap-tiap malam. Masa siaran TV adalah terhad dan untuk menyiarkan Laporan Parlimen dalam bahasa-bahasa lain adalah sukar oleh kerana masa yang singkat. Walau bagaimanapun, Radio ada menyiarkan laporan itu dalam semua bahasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga ada menyentuh di atas kemudahan Bernama yang disalahgunakan oleh Pengurus Besarnya. Kenyataan Ahli Yang Berhormat itu adalah perkara yang serius. Jika ada tuduhan yang specific mengenainya Kementerian saya akan menelitinya. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum perlantikan seseorang ke jawatan di bawah Bernama adalah dibuat oleh Lembaga Pengarahnya menurut peruntukan Akta Bernama dan lantikan itu ada mengandungi bidang rujukannya. Apa yang disebutkan dalam surat-surat layang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu jika demikian

rupa perlulah diteliti dalam konteks bidang tersebut dan janganlah hendaknya dianggap secara terpencil.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling ada menyentuh di atas penonton- penonton TV di Sabah dan Sarawak tidak dapat rancangan dalam bahasa China. Usaha sedang dibuat dan ini telah diumumkan beberapa kali untuk meluaskan dan meseragamkan rangkaian apa yang ada di Sabah dan Sarawak dengan apa yang ada di Semenanjung Malaysia. Rancangan ini sedang dibuat dan kita haraplah tidak lama lagi Sabah dan Sarawak juga boleh dapat rancangan rangkaian yang kedua.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh di atas penerbitan pengeluaran dalam bahasa China dalam masa kempen pilihanraya. Tuduhan Ahli Yang Berhormat mengenai penerbitan dalam bahasa China yang dikeluarkan pada masa tertentu adalah tidak benar. Penerbitan-penerbitan penting ada dikeluarkan dalam empat bahasa, Melayu, China, Tamil dan Inggeris. Majalah lawatan Perdana Menteri ke Peking dikeluarkan dalam bahasa China terlebih dahulu daripada peristiwa pilihanraya kecil Kelang. Sebaik sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri balik dari Peking, Jabatan Penerangan telah mengeluarkan dalam empat bahasa. Jabatan Penerangan akan terus mengamalkan mengeluarkan penerbitan yang penting mengenai Kerajaan dalam bahasa-bahasa tertentu bergantung kepada kepentingan tajuk yang dikeluarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Sabar dahulu. Yang Berhormat itu minta penjelasan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri jalan?

Dr Ling Liong Sik: Tidak.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata Penerbitan itu dikeluarkan sekarang bulan November dan jawapannya itu tidak benar.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Dr Ling Liong Sik: Teguran Ahli Yang Berhormat itu membayangkan perasaan frustration terhadap usaha baik Kerajaan

Barisan Nasional (*Tepuk*). Ahli Yang Berhormat itu ada juga menyentuh mengenai Bernama. Bernama adalah satu badan ejensi Berita Nasional yang mempunyai identitinya sendiri sebagai yang dimaksudkan dalam bekalan Undang-undang Tubuhnya iaitu Akta Bernama. Pendapat Ahli Yang Berhormat sebagai dinyatakan oleh beliau itu adalah dianggapkan fikiran beliau sendiri yang saya tidak bersetuju.

Yang Berhormat dari Kangar telah menyentuh di atas kawalan keselamatan Angkasapuri. Setahu saya kawalan keselamatan Angkasapuri adalah cukup. Tiaptiap tetamu yang masuk ke kawasan ini perlu mengambil pas. Pegawai-pegawai dari atas sekali hingga yang serendah sekali perlu memakai pas di baju mereka pada masa mereka berada dalam kawasan tersebut.

Mengenai filem penerbitan Filem Negara, pendapat Ahli Yang Berhormat itu adalah baik dan telah lama disedari oleh Kementerian saya. Yang sebenarnya usaha yang bersungguh-sungguh telah dan sedang dijalankan oleh Filem Negara untuk menjadikan jabatan itu sebagai pembekal filem-filem yang diperlukan oleh semua bahagian Kementerian saya, TV, Penerangan dan lain-lain lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah ada menyentuh di atas Kursus Sivik. Saya ingin hendak menjawab di sini, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian dan adalah dasar Jabatan Penerangan untuk membawa penceramah-penceramah khas atau khusus mengenai masalah tempatan.

Mengenai pemantasan di mana ada terlalu banyak mesej, pemantasan terlalu banyak mesej akan diberi perhatian dan akan dibaiki. Walau bagaimanapun, cara dan pendekatan yang diamalkan itu adalah mengambil kira keadaan tempatan isu-isu yang terlibat serta kumpulan (target group) yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, inilah sahaja jawapan-jawapan yang saya boleh beri pada setakat ini dan perkara-perkara lain pertimbangan yang sewajar akan diberikan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$23,631,000 untuk Maksud B. 45, \$99,795,000 untuk Maksud B. 46

dan \$25,742,900 untuk Maksud B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$2,926,682 untuk Maksud P. 45, \$25,064,801 untuk Maksud P. 46 dan \$1,636,000 untuk Maksud P. 47 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50. Sila.

6.59 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Undang-undang bagi tahun 1980 yang berjumlah \$22,248,000. Jumlah ini adalah untuk Ibu Pejabat Kementerian Undang-undang dan 2 buah Jabatan di bawahnya yang diberi Kepala Bekalan sendiri seperti berikut:

- | | |
|--|--------------|
| (1) Kepala Bekalan 48—
Kementerian Undang-undang termasuk Jabatan Peguam Negara ... | \$18,443,800 |
| (2) Kepala Bekalan 49—
Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbiran Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh ... | \$ 2,150,500 |
| (3) Kepala Bekalan 50—
Jabatan Pemegang Harta, Malaysia ... | \$ 1,653,700 |

Perbelanjaan mengurus bagi Kementerian Undang-undang termasuk Jabatan Peguam Negara iaitu Kepala Bekalan 48, terbahagi kepada aktiviti-aktiviti berikut:

- (a) Pentadbiran Am
- (b) Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat
- (c) Perkhidmatan Pendakwaan
- (d) Perkhidmatan Guaman
- (e) Perkhidmatan Bantuan Guaman
- (f) Biro Siasatan Negara (BSN).

Secara amnya fungsi Kementerian Undang-undang ialah memberi nasihat Perundangan kepada Kerajaan mengenai pentafsiran dan penguatkuasaannya, dan juga menggubal segala undang-undang dan perundangan kecil untuk mencapai hasrat Kerajaan; menderaf Undang-undang Negara, memberi arahan ke atas penyiasatan kes-kes jenayah dan sivil dan pendakwaannya; mengurus kes-kes sivil di mana Kerajaan terlibat; mewakili dan membela Kerajaan dalam Mahkamah; dan bahagian Perkhidmatan Bantuan Guaman pula memberi Perkhidmatan Guaman kepada orang ramai.

Bagi membolehkan Kementerian ini menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna, peruntukan sebanyak \$18,443,800 di bawah Kepala Bekalan 48—Kementerian Undang-undang dan Jabatan Peguam Negara, adalah diperlukan mengikut aktiviti-aktiviti berikut:

Aktiviti (1)—Pentadbiran Am

Adalah menjadi hasrat bahagian Pentadbiran Am Kementerian ini bagi menjaga sistem pentadbirannya sentiasa licin dan teratur dan cuba mengemaskan lagi sistem ini tahun demi tahun. Ini adalah kerana bahagian Pentadbiran Am bolehlah dianggap sebagai penyelaras ataupun "coordinator" bagi seluruh Kementerian Undang-undang di mana secara ringkasnya mengendalikan perkara-perkara pentadbiran, kewangan, perjawatan dan perkhidmatan kakitangan Kementerian ini. Bagi tahun 1980 aktiviti Pentadbiran Am ini memerlukan peruntukan sebanyak \$3,399,000.

Aktiviti (2)—Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat

Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti yang mustahak di Kementerian ini kerana di dalamnya ada beberapa bahagian yang penting iaitu:

- (a) Bahagian Penasihat;
- (b) Bahagian Gubalan Inggeris dan Melayu;
- (c) Bahagian Undang-undang Antarabangsa;
- (d) Bahagian Semakan Undang-undang; dan
- (e) Bahagian Perpustakaan.

Bahagian Penasihat adalah satu bahagian yang bertanggungjawab memberi nasihat perundangan kepada Kerajaan mengenai dengan pentafsiran dan penguatkuasaannya. Ini meliputi memberi nasihat kepada Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan dan Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh Semenanjung. Pegawai-pegawai Undang-undang ditempatkan di Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Negeri-negeri untuk memberi nasihat perundangan mengikut keperluannya. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pegawai Perundangan dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Negeri yang ianya juga ialah ahli Ex-Officio/Exco Kerajaan serta bertanggungjawab menasihatkan Rulers in Council dalam hal-hal yang berkaitan dengan Undang-undang. Bahagian ini akan diperbesarkan lagi dengan ditambah pegawai-pegawai supaya penterjemahan undang-undang dari Inggeris ke Bahasa Malaysia dapat dipercepatkan.

Bahagian Gubalan Inggeris dan Melayu adalah bertanggungjawab untuk menggubal dan menterjemah Rang Undang-undang untuk dikemukakan dalam Parlimen. Tugas ini memerlukan kajian yang teliti dan mendalam dan ini merupakan satu tanggungjawab yang berat kepada Pegawai-pegawai di bahagian ini. Antaranya yang telah digubal termasuklah Akta Parlimen, Undang-undang kecil, enakmen, ordinan-ordinan, perjanjian-perjanjian, kontrak-kontrak dan lain-lain.

Bahagian Undang-undang Antarabangsa adalah ditugas menasihatkan Kementerian-kementerian khasnya Kementerian Luar Negeri mengenai undang-undang dan perjanjian-perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan negara-negara asing. Ianya ditugaskan juga mewakili Kerajaan di dalam persidangan-persidangan antarabangsa, baik di dalam negeri mahupun di luar negeri. Antara persidangan yang penting yang dihadiri tiap-tiap tahun ialah Persidangan Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu di mana persidangan ini dihadiri bersama oleh Menteri Undang-undang sendiri atau Timbalannya.

Bahagian Semakan Undang-undang adalah bertanggungjawab bagi menyemak undang-undang yang telah digubal yang tidak lagi sesuai. Tugas ini memerlukan kajian yang amat teliti dan mendalam.

Bahagian Perpustakaan ialah satu bahagian yang ditugaskan bagi menyenggara, mengemas dan mengemaskinikan semua undang-undang negara dan juga menjadi tempat rujukan undang-undang, bukan sahaja dari Kementerian saya tetapi juga untuk lain-lain Jabatan dan Kementerian. Memandangkan tugas-tugas dan keperluan di atas, Kementerian ini memerlukan peruntukan sebanyak \$3,138,500 di bawah Aktiviti ini pada tahun 1980.

Aktiviti (3)—Perkhidmatan Pendakwaan

Bahagian Pendakwaan diberi tugas Pendakwaan terhadap kes-kes jenayah di peringkat Mahkamah Rendah hinggalah ke Mahkamah Persekutuan. Semua pendakwaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai di Jabatan Peguam Negara adalah bagi pihak Yang Berhormat Peguam Negara dan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Undang-undang adalah juga Peguam Negara. Di bawah seksyen 376 (iii) Kanun Acara Jenayah, Pegawai-pegawai Undang-undang selain daripada yang berkhidmat di Mahkamah adalah dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya.

Semua Pegawai Undang-undang yang menjalankan tugas bagi pihak Pendakwa Raya adalah juga diberi kuasa di bawah seksyen 24 Government Proceedings Ordinance, 1956 (No. 8 of 1956) untuk mendakwa kes-kes sivil bagi pihak Kerajaan di Jabatan Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Sementara di peringkat Negeri pula, Penasihat Undang-undang Negeri di samping menjadi Penasihat Undang-undang Negeri adalah juga menjalankan kerja-kerja Pendakwaan dan Guaman dari semasa ke semasa bagi pihak Yang Berhormat Peguam Negara.

Bagi maksud-maksud di atas Kementerian ini memerlukan peruntukan sebanyak \$1,539,400 di bawah Aktiviti ini bagi tahun 1980.

Aktiviti (4)—Perkhidmatan Guaman

Bahagian Perkhidmatan Guaman ini adalah bertanggungjawab atas segala kes-kes sivil yang melibatkan Kerajaan sama ada tuntutan sivil terhadap Kerajaan ataupun bagi pihak Kerajaan. Antara tuntutan-tuntutan terhadap Kerajaan termasuklah ganti rugi bersabit dengan kemalangan-kemalangan yang melibatkan kenderaan-kenderaan Kerajaan, per-

langgaran kontrak dan perjanjian, tangkapan atau tahanan yang salah, pembuangan kerja yang salah dan sebagainya. Sementara tuntutan bagi pihak Kerajaan antaranya ialah tuntutan-tuntutan untuk mendapatkan balik wang biasiswa, wang ganti rugi kepada Kerajaan kerana tidak menepati kontrak atau lain-lain ganti rugi yang patut dituntut oleh Kerajaan.

Peruntukan yang dikehendaki bagi aktiviti ini ialah sebanyak \$390,900 sahaja.

Aktiviti (5)—Perkhidmatan Bantuan Guaman

Secara ringkas bahagian Perkhidmatan Bantuan Guaman ini adalah bertujuan memberi bantuan guaman percuma atau dikenakan bayaran yang nominal kepada orang-orang berpendapatan rendah atau rendah. Ianya dilakukan dengan memberi bantuan perwakilan dan nasihat undang-undang kepada mereka yang memerlukan tetapi tidak mampu mendapatkannya jika dikenakan bayaran iaitu golongan yang miskin dan dhaif. Di samping itu, Biro ini juga memberi bantuan guaman yang melibatkan pengambilan, penyediaan dan perjalanan sesuatu kes dalam mahkamah dan nasihat undang-undang yang dihadkan kepada memberi nasihat dan bantuan undang-undang kepada mereka yang berhak. Setakat ini dari mula ditubuh dalam tahun 1970 hingga ke bulan Jun tahun 1979 bilangan mereka yang telah mendapat perkhidmatan Biro Bantuan Guaman ini ialah 24,862 orang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Biro ini juga ada mempunyai satu sekim yang dinamakan Perkhidmatan Penasihat Luar Bandar di mana mengikut sekim ini Pegawai-pegawai dan kakitangan Biro akan melawat kawasan-kawasan luar bandar pada masa-masa yang tertentu untuk memberi bantuan dan nasihat satu-satu tempat itu.

Juga adalah menjadi hasrat Biro ini memberi khidmat kepada rakyat yang benar-benar memerlukan dan memberitahu orang ramai akan khidmat Biro ini. Rancangan penyertaan bersama antara Biro Bantuan Guaman dan Kementerian Kebajikan Am yang disusun untuk memberi kemudahan kepada golongan rakyat yang miskin dan tidak berkemampuan berjalan dengan rancaknya. Tiap-tiap cawangan pula telah memperlibatkan publisitinya

melalui radio, akhbar, sebaran am yang lain serta ceramah di merata-rata tempat dan sebagainya. Dengan adanya publisiti dan kerjasama dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan lain-lain sambutan dari rakyat amatlah menggalakkan. Oleh yang demikian, untuk tahun 1980 peruntukan sebanyak \$1,143,000 adalah diperlukan

Aktiviti (6)—Biro Siasatan Negara

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Objektif Biro Siasatan Negara adalah untuk membasmi dan mencegah perbuatan rasuah mengikut Akta Biro Siasatan Negara No. 123/73, di mana tujuan utama Akta ini diwujudkan adalah untuk menubuhkan Biro Siasatan Negara serta kuasa-kuasa Pegawai-pegawai Biro dan juga untuk membuat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya. Undang-undang di bawah mana Biro Siasatan Negara mentadbir adalah Akta Pencegah Rasuah 1961, Akta Polis 1967, Akta Kastam 1967, Kanun Keseksaan dan Undang-undang Dharurat (Kuasa-kuasa Perlu) No 22/70. Pencapaian objektif di atas bolehlah dicapai dengan cara-cara berikut:

- (a) Menghapuskan rasuah dengan membuat penyiasatan-penyiasatan di atas berlakunya rasuah di dalam beberapa bentuk dan juga mengesvorkan tindakan-tindakan yang sesuai untuk mencegahnya; dan
- (b) Berwaspada dan membuat pengawasan yang teliti di kawasan-kawasan yang tertentu di mana dianggap kejadian-kejadian rasuah boleh berlaku, menentang sesiapa sahaja atau sebarang pertubuhan yang melanggar undang-undang mencegah rasuah tidak kira bila dan di mana sahaja kesalahan masalah rasuah itu berlaku.

Dalam usaha menuju ke arah pencapaian objektif ini Biro Siasatan Negera telah dapat menjalankan kegiatan-kegiatan yang berkesan dan dengan sendirinya telah mengurangkan dan mengawal amalan rasuah dari berleluasa. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dan seperti yang selalu diberitahu di Dewan yang mulia ini, Biro Siasatan Negara sebagai sebuah badan yang bebas telah menjalankan tugas-tugasnya dengan adil dan saksama dengan tidak membeza pangkat dan kedudukan mereka yang disiasat itu.

Selanjutnya secara ringkas perjalanan Biro Siasatan Negara itu bolehlah disenaraikan seperti berikut:

- (a) Menerima, mengumpul dan mengkaji maklumat-maklumat mengenai rasuah dan penyalahgunaan kuasa dari orang ramai dan mengadakan satu sistem rekod yang memberi kemudahan untuk maksud-maksud rujukan dan tindakan selanjutnya; dan
- (b) Merisik dan mencari maklumat-maklumat mengenai rasuah dan penyalahgunaan kuasa untuk dikumpul dan diproses dan seterusnya menentukan tindakan-tindakan positif yang patut diambil.

Biro Siasatan Negara juga diperluas bukan sahaja setakat penyiasatan-penyiasatan terhadap kesalahan-kesalahan rasuah, malahan menjalankan penyiasatan-penyiasatan untuk mencegah dan menghapuskan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang tertentu.

Tiap-tiap tahun beban kerja sentiasa berlipat ganda selaras dengan perkembangan Biro ini. Ini adalah terutama sekali oleh sebab bertambahnya kesedaran orang-orang awam terhadap keburukan penyelewengan melalui rasuah dan dengan itu membanyakkan lagi toman-toman serta maklumat-maklumat diterima daripada mereka yang terpaksa disiasat dan diselidiki.

Oleh yang demikian, peruntukan sebanyak \$8,833,000 adalah diperlukan bagi tahun 1980 untuk aktiviti ini.

Jadi untuk membolehkan Kementerian Undang-undang termasuk juga Jabatan Peguam Negara iaitu kepada Bekalan 48 menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna, peruntukan sebanyak \$18,443,800 adalah diperlukan bagi tahun 1980.

Kepala Bekalan 49—Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih pula kepada satu lagi Jabatan di bawah Kementerian saya; di bawah Kepala Bekalan 49—iaitu Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh.

Jabatan ini mengambil peranan untuk memberi perkhidmatan kepada orang awam dalam bidang pentadbiran harta pesaka dan

pentadbiran amanah, serta juga menguruskan penyimpanan harta musuh. Untuk mencapai matlamat tersebut, Jabatan ini menjalankan tugas-tugas seperti yang disenaraikan di bawah ini:

- (a) Menjadi Pemegang Amanah bagi perkara-perkara berikut—
- (i) di bawah surat wasiat (will) dan settlement;
 - (ii) bagi bahagian harta dalam surat wasiat untuk kanak-kanak ataupun bahagian-bahagian bagi kanak-kanak yang diserahkan kepadanya mengikut perintah Mahkamah;
 - (iii) bagi wang yang tidak dapat dibahagikan yang diserahkan oleh seseorang pentadbir harta pesaka di bawah seksyen 86 Akta Probet dan Pentadbiran 1959;
 - (iv) bagi harta-harta yang tidak boleh dialih yang dipunyai oleh pertubuhan-pertubuhan yang tidak diperbadankan (unincorporated societies), angkatan-angkatan, kelab-kelab dan lain-lain;
 - (v) bagi amanah Khairat (Charitable trusts) dan amanah yunit (unit trusts); dan
 - (vi) bagi orang-orang dewasa yang telah hilang upaya di sisi undang-undang (disabled adult persons) dengan cara amanah perlindungan (Protective trusts);
- (b) Menjadi Wasi (Executor) atau pentadbir pesaka (Administrator) bagi harta-harta pesaka orang yang telah meninggal dunia;
- (c) Menjadi Jawatankuasa (Committee) bagi harta-harta orang yang sakit otak di bawah Mental Disorders Ordinance, 1952 ataupun Ordinan Sakit Otak, 1952;
- (d) Menjadi Penerima Sementara (Interim Receiver) harta-harta pesaka orang yang telah meninggal dunia sambil menunggu surat kuasa dikeluarkan;
- (e) Menjadi penjaga untuk bicara (guardian *ad litem*) di bawah Divorce and Matrimonial Causes Rules, 1952;

(f) Menasihatkan dan menolong orang-orang membuat surat-surat wasiat jika hendak melantik Pemegang Amanah Raya sebagai wasi dan pemegang amanah serta menyimpan surat-surat kuasa itu dengan percuma; dan

(g) Menjadi Pentadbir dan Penyimpan Harta Musuh.

Dari apa yang dilihat kepada tujuan Jabatan ini wujud seperti yang dinyatakan di atas, tidak syak lagi bahawa Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh ini sentiasa berhubung rapat dengan masyarakat umum ataupun orang ramai. Jadi adalah menjadi hasrat Jabatan untuk sentiasa memberi khidmat yang baik kepada orang ramai dan mengemaskan lagi sistem pentadbiran tahun demi tahun.

Bagi membolehkan Jabatan Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh menjalankan tugas-tugasnya, maka peruntukan sebanyak \$2,150,500 adalah diperlukan bagi tahun 1980.

Kepala Bekalan 50—Jabatan Pemegang Harta

Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan yang terakhir di bawah Kementerian saya ialah kepada Bekalan B. 50 iaitu mengenai Jabatan Pemegang Harta.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum bahawa objektif utama Jabatan Pemegang Harta ialah:

- (i) Untuk menjaga kepentingan si berhutang dan si piutang melepaskan si bankrap daripada tanggungjawab terhadap si piutang supaya membolehkannya menjalankan kehidupan baru tanpa memikul hutangnya.
- (ii) Untuk mengawal, mengendali dan menyiasat harta Syarikat, pertubuhan-pertubuhan dan Kesatuan Sekerja dalam kemansuhan sama ada harta yang bergerak ataupun harta yang tidak bergerak. Seterusnya membahagikan dengan secepat mungkin dividen-dividen di antara si pencarum/si berhutang yang telah membuktikan hutangnya selepas pembayaran pentadbiran, lain-lain bayaran dan hutang yang diutamakan diselesaikan dahulu.

Jabatan Pemegang Harta ini menjalankan kerja-kerja di bawah bidang kuasa-kuasa tertentu iaitu bagi menguruskan pentadbiran harta si berhutang dan si bankrap di bawah Akta Kebankrapan 1967, penggulungan Syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965, Pertubuhan-pertubuhan dan Kesatuan-kesatuan Sekerja di bawah Ordinan Kesatuan Sekerja 1959, dengan tujuan utama untuk melindungi kepentingan si piutang dan si berhutang seperti yang dinyatakan di atas.

Di negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini, peniaga-peniaga berlumba-lumba merebut kekayaan. Di samping itu ramai yang berjaya dan tidak kurang juga bilangan yang gagal. Dengan demikian kes-kes kebangkrutan terus meningkat dari masa ke semasa terutamanya di Cawangan Selangor, Perak dan Johor. Dengan bertambahnya lagi bilangan kes-kes kebangkrutan di semua peringkat cawangan tidak syak lagi beban kerja akan terus meningkat. Di Cawangan Selangor sahaja dari 1-1-1979 sehingga akhir Oktober, 1979 sebanyak 353 Notis Kebankrapan telah diterima dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan ini sudah tentulah menambahkan lagi kes-kes kebangkrutan yang masih dalam tindakan dan dalam penyelesaian.

Oleh yang demikian bagi membolehkan Jabatan Pemegang Harta ini menjalankan tugas-tugasnya yang kian bertambah ini, maka peruntukan sebanyak \$1,653,700 adalah diperlukan bagi tahun 1980.

Tuan Pengerusi, sekianlah serba-serba sedikit keterangan-keterangan mengenai Kementerian saya dan seterusnya memohon Kepala Bekalan 48, 49 dan 50 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan untuk Maksud Bekalan Kepala B. 48, B. 49 dan B. 50 di bawah Kementerian Undang-undang terbuka untuk perbincangan.

Yang Berhormat dari Kemaman.

7.24 m/m.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Pengerusi, B. 48 muka surat 409, Butiran 1100, Aktiviti (2). Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat.

Tuan Pengerusi, mula-mula sekali saya hairan kalau kita tengok pada tahun 1979 bilangan jawatan 160 orang daripada tahun 1980 bilangan jawatan telahpun ditambah 181 tetapi peruntukan yang diminta tidak berubah iaitu pada tahun 1979 peruntukan yang diminta ialah sebanyak \$2,444,000 tahun 1980 peruntukan yang diminta \$2,444,000 juga. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan perkara ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Perkhidmatan Perundangan ini dan Penasihat ini, ingin saya menyentuh berhubung dengan keadaan pegawai-pegawai perundangan yang ada di negara kita ini di mana di akhir-akhir ini kita dapati bahawa ramai daripada pegawai-pegawai perundangan yang telah meletakkan jawatan atau berhenti berkhidmat daripada Kerajaan dan membuka firma sendiri. Ini kita tidak dapat salahkan mereka kerana tarikan dan peluang-peluang yang mereka terima daripada firma ini adalah lebih menarik daripada berkhidmat dengan Kerajaan. Jadi kalau pihak Kementerian Undang-undang membiarkan perkara ini berlaku dengan berlarutan, maka saya rasa perkara ini mungkin akan merumitkan kita di masa-masa yang akan datang. Jadi, saya mengesyorkan supaya pihak Kementerian Undang-undang mencari jalan untuk mengatasi masalah ini, saya cadangkan kalau boleh pihak Kementerian Perundangan mengadakan satu skim perkhidmatan yang lebih menarik lagi yang boleh mengekalkan pegawai-pegawai perundangan ini di dalam perkhidmatan Kerajaan. Misalnya, dengan mengadakan kemudahan-kemudahan lain yang lebih besar lagi ataupun mengadakan fringe benefits yang lebih banyak lagi ataupun dengan cara mengupgradakan jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Perundangan ini. Saya juga mencadangkan agar pihak Kementerian ini mencari jalan supaya memanjangkan kontrak perkhidmatan mereka dalam Perkhidmatan Perundangan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Aktiviti ini saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan penggunaan bahasa. Sungguhpun pernah dibincangkan dengan begitu hangat dalam soal jawab tempoh hari, tetapi saya ingin menyentuh sedikit sahaja berhubung dengan penggunaan bahasa ini, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Perundangan supaya sebahagian

yang dilakukan dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan di mana Bahasa Kebangsaan telah digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pelajaran kita daripada sekolah menengah sampailah ke pelajaran tinggi diadakan dengan cara berperingkat-peringkat. Saya mencadangkan agar penggunaan Bahasa Kebangsaan ataupun Bahasa Malaysia dalam kehakiman supaya dijalankan dengan cara berperingkat-peringkat juga dalam jangka masa yang tertentu, misalnya, buat permulaan kita boleh mengarahkan Mahkamah Majistrate menggunakan Bahasa Kebangsaan 100% selepas itu kita boleh mengarahkan Mahkamah Session lepas itu seterusnya ke Mahkamah Tinggi dan seterusnya ke Mahkamah Persekutuan.

Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh, kalau suka, menyambung esok. Boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 30hb November, 1979.

Begitu juga mengenai pembubaran Syarikat-syarikat dan Pertubuhan-pertubuhan/Kesatuan Sekerja di mana kes-kes pemansuhan syarikat-syarikat dan kesatuan sekerja makin bertambah dari masa ke semasa. Di Wilayah Persekutuan dari 1-1-1979 sehingga akhir Oktober 1979, dan ini termasuk Selangor, sebanyak 35 kes-kes baru kemansuhan syarikat-syarikat terpaksa dan 18 kes-kes baru pembubaran kesatuan sekerja telah diadakan. Ini juga akan menambahkan lagi beban kerja di Jabatan ini.

Walau bagaimanapun seperti kebanyakan Jabatan-jabatan lain yang mempunyai hubungan terus dengan orang awam, Jabatan Pemegang Harta juga akan sentiasa memberi perkhidmatan yang baik kepada sesiapa yang memerlukan khidmatnya.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.